UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

50 Tahun

Laporan Tahunan UKM

Mengilham Harapan Mencipta Masa Depan

2020

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

1970-2020 UKM #menciptamasadepan

Laporan

TAHUNAN

2020

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
ANNUAL REPORT 2020 The National University of Malaysia



CANSELORI, UKM Bangi



Songket

"UNIVERSITI WATAN"
Abstrak Rekabentuk Kulit Laporan Tahunan UKM

Ilham konsep Songket diinspirasi melalui budaya dan warisan. Kehalusan tenunan dan jalinan relatifnya melambangkan UKM sebagai sebuah Universiti yang melakar, mencorak dan membentuk warga dengan mengekalkan acuan jati diri yang memartabatkan Bahasa Melayu dalam membudayakan pengajaran dan pembelajaran melahirkan graduan yang utuh keperibadian.

Gabungan motif yang bertunjangkan warna emas dan perak adalah dinamik perkembangan UKM yang telah melalui fasa 50 tahun pertama sejak penubuhannya dalam tahun 1970.

Menjadi tekad warga UKM memartabatkan keperibadian nasional dan memacu kecekapan untuk terus memperkasa Universiti dalam mendepani cabaran dan kemajuan masa depan selaras menjadikan UKM universiti watan terunggul.

-

Ts. Mohd Khairul Mohamed
En. Muhammad Faris Zaharudin

LAPORAN TAHUNAN

Kandungan 2020

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

1 IMBASAN SEJARAH

2
FALSAFAH DAN MISI UKM, MATLAMAT
PENDIDIKAN
CANSELOR
PRO- CANSELOR
LEMBAGA PENGARAH
PEGAWAI PENGURUSAN UTAMA
STRUKTUR ORGANISASI
SENAT UNIVERSITI

3 PERUTUSAN NAIB CANSELOR *32*

4 PENYELIDIKAN DAN INOVASI *38*

Penstrukturan Ekosistem Penyelidikan UKM
Kecemerlangan Penyelidikan Membawa Kepada
Pelonjakan Penarafan UKM
Dana Penyelidikan Dan Inovasi
Impak Penyelidikan Kepada Komuniti dan Industri
Kecemerlangan Penerbitan
Penerbitan Jurnal Berimpak Tinggi (Mengikut Bidang)
Pengurusan Harta Intelek & Pemindahan Teknologi
Produk UKM
Perkhidmatan Makmal & Instrumentasi

5 AKADEMIK DAN MAHASISWA *72*

Enrolmen Pelajar
Kemasukan Pelajar
Biasiswa & Insentif
Konvokesyen Ke-48 Tahun 2020
Anugerah Akademik Pelajar
Ijazah Kehormat
Pengajaran dan Pembelajaran
Latihan Industri Pelajar
Kemahasiswaan
Pengantarabangsaan Pelajar
Keusahawanan Pelajar
Kerjaya Pelajar
Anugerah Tokoh Pelajar (Kecemerlangan Kokurikulum)
Kebolehpasaran Graduan (GE) 2020
Hal Ehwal Pelajar Mendepani Covid-19

6 PENGANTARABANGSAAN DAN KOMUNITI *108*

Antarabangsa, Alumni dan Komuniti
Jaringan Strategik Antarabangsa
Mobiliti Antarabangsa Pelajar UKM
Alumni
Komuniti

7 PENYERLAHAN BAKAT *128*

Staf Kompeten Tonggak Kecemerlangan Organisasi
Anugerah dan Pengiktirafan
Pengukuhan Kualiti
Pembangunan Kepimpinan dan Keterampilan

8 KELESTARIAN PENDANAAN *142*

Kelestarian Pendanaan
UKM Mendepani Krisis
Prestasi Kewangan

9 HOSPITAL PENGAJAR *154*

Sepintas Lalu
Kepakaran Klinikal
Prestasi Hospital Canselor Tuanku Muhriz
Program Kualiti Hospital Canselor Tuanku Muhriz
Keterlibatan Hospital Canselor Tuanku Muhriz dalam
Pengurusan Covid-19
Jaringan dan Khidmat Masyarakat

10 LAPORAN KEWANGAN *174*

11 JAWATANKUASA KERJA LAPORAN TAHUNAN UKM 2020 *242*

Hak cipta terpelihara. Tidak ada bahagian penerbitan ini yang boleh diterbitkan semula atau dihantar dalam bentuk apa pun atau dengan cara apa pun, elektronik atau mekanikal termasuk fotokopi, rakaman atau cara lain, tanpa kebenaran secara bertulis dari Pendaftar UKM, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Diterbitkan di Malaysia oleh Pejabat Pendaftar
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM, Bangi, Selangor Darul Ehsan.
www.ukm.my

DECTAR, UKM Bangi



Falsafah, Visi, Misi & Matlamat Pendidikan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Falsafah Paduan antara iman kepada Allah dengan ilmu yang bermanfaat serta gabungan antara teori dengan amal adalah dasar utama bagi perkembangan ilmu, proses pembinaan masyarakat terpelajar dan pembangunan Universiti

Visi UKM bertekad menjadi universiti terkehadapan yang mendahului langkah masyarakat dan zamannya bagi membentuk masyarakat dinamis, berilmu dan berakhlak mulia

Misi menjadi universiti terpilih yang memartabatkan bahasa melayu serta mensejagatkan ilmu beracuan budaya kebangsaan

Matlamat Pendidikan Graduan Beraspirasi Kebangsaan, Berkompeten, Berdaya Saing dan Inovatif

Mengilham Harapan Mencipta Masa Depan



Sejak 50 tahun penubuhannya, UKM telah menghasilkan 211,023 graduan prasiswazah dan siswazah.

Layari laman web www.ukm.my

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia



Imbasan SEJARAH
Universiti Kebangsaan Malaysia

Imbasan Sejarah Penubuhan UKM



1903

- Cetusan pertama gagasan perlunya pendidikan tinggi untuk orang Melayu muncul dalam Mesyuarat Majlis Raja-raja

1917

- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) seorang cendekiawan, menulis berkenaan gagasan penubuhan universiti kebangsaan dalam akhbar Lembaga Melayu



1923

- Abdul Kadir Adabi, seorang lagi cendekiawan Melayu mengemukakan memorandum gagasan penubuhan universiti kebangsaan kepada DYMM Sultan Kelantan

1957

- Gerakan pemikiran, perdebatan serta tekad golongan cendekiawan Melayu dalam perjuangan untuk penubuhan universiti kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di institusi pengajian tinggi semakin bersemarak



1970

- Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang memulakan operasi pertamanya di Lembah Pantai Kuala Lumpur
- Kumpulan pelajar pertama prasiswazah seramai 192 orang dan dua orang pascasiswazah mendaftar di Fakulti Sains, Fakulti Sastera dan Fakulti Pengajian Islam



1968

- Cendekiawan Melayu membentuk sebuah jawatankuasa penaja bagi merancang penubuhan sebuah universiti kebangsaan. Pelbagai forum budaya dan politik diadakan bagi mendapat sokongan kerajaan dan rakyat

1980

- UKM Kampus Sabah yang menempatkan Fakulti Sains dan Sumber Alam berpindah ke Bukit Padang, Kota Kinabalu
- Kampus tetap UKM Bangi dirasmikan penubuhannya oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ahmad Shah pada 2 September 1980

1974

- Hospital Kuala Lumpur diisytihar sebagai Hospital Pengajar Fakulti Perubatan UKM

1977

- Kampus induk UKM di Bangi dengan keluasan 1,096.29 hektar memulakan operasinya

1973

- Penubuhan UKM Kampus Sabah di Kebun Kawang, Papar. Nama Kebun Kawang kemudiannya ditukar kepada Limauan oleh Tun Datu Mustapha Datu Harun yang ketika itu sebagai Ketua Menteri Sabah
- Bangunan sementara Fakulti Perubatan mula beroperasi di Jalan Raja Muda Abdul Aziz dalam Kompleks Hospital Kuala Lumpur

1975

- Penubuhan UKM Kampus Sabah di Kebun Kawang, Papar. Nama Kebun Kawang kemudiannya ditukar kepada Limauan oleh Tun Datu Mustapha Datu Harun yang ketika itu sebagai Ketua Menteri Sabah
- Bangunan sementara Fakulti Perubatan mula beroperasi di Jalan Raja Muda Abdul Aziz dalam Kompleks Hospital Kuala Lumpur

1990

- UKM Kampus Sabah berpindah ke Menggatal, Tuaran bersama Fakulti Sains Pembangunan yang asalnya ditempatkan di Kampus Induk Bangi

1996

- UKM Kampus Sabah ditutup secara rasminya



1997

- Penubuhan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM)

2020

- Sambutan Jubli Emas 50 Tahun UKM
- Tadbir urus universiti dalam norma baharu
  - Penyampaian perkhidmatan selaras mengadaptasi perubahan polisi dan dasar Universiti dalam mendepani krisis pandemik
  - Transformasi sistem elektronik dan pembudayaan teknologi dalam pengoperasian
  - Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) berperanan dalam membendung penularan COVID-19

2019

- Pelancaran nombor plat khas kenderaan UKM sempena Sambutan Jubli Emas UKM

2018

- Penubuhan Pejabat Antarabangsa Royal College of Surgeon of Edinburgh di Pusat Perubatan UKM / Fakulti Perubatan yang pertama di luar United Kingdom

2016

- Penubuhan Majlis Alumni UKM
- Pembinaan Hospital Pakar Kanak-Kanak

2014

- Pertukaran nama Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia kepada Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM)

2012

- Menerima status Universiti Autonomi



2010

- Memperoleh status Swa-Akreditasi

2006

- Diiktiraf sebagai universiti penyelidikan di Malaysia
- Menerima Anugerah Kualiti Perdana Menteri





Canselor

Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus
Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir

D.K., D.M.N., D.K. (Perak)., D.K. (Perlis).,
D.K. (Selangor)., D.K. (Kedah)., D.K. (Kelantan).,
D.K. (Johor)., D.K. (Terengganu)., D.K.Y.R., P.P.T., LLB (Aberystwyth)., Hon. LLD (South Wales).,
Hon. Fellow (Aberystwyth)., FRCSEd (Hon).



Pro-Canselor

Yang Amat Mulia Tunku Laxamana Tunku Dato' Seri Utama Naquiyuddin Ibni Tuanku Ja'afar

DK., DKYR., SPNS., SPMP., PPT., BSC ECON

(HONS)., Legion d'Honneur, Ordre du Merite, Palmes Academiques (France), Order of Gran Cruz De La Orden Bernardo O'Higgins (Chile), Fellow of Aberystwyth University (Wales), Royal Fellow of Lestari Institute (UKM)



Yang Amat Berbahagia Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid

SSM., PMN., SIMP., SSSA., PNBS., SPMT., DGSM.,

SSMT., SPNS., SPDK., SPMP., DPCM., JMN., SMP., PJK., BA (Hons) (Malaya)., DPA (The Hague), MPA (Harvard), Doktor Kehormat Sains (Pengurusan) (UUM), Hon. Doctor of BA (Nottingham-Trent), Doktor Kehormat Persuratan (UNIMAS), Hon. Doctor in Management (UIAM), Doktor Kehormat Pengurusan (UNIMAP), Hon. Doctorate of Management (INTI), Doktor Kehormat Pengurusan (UNITEN), Dr. Fal. (Keh.) Kepimpinan dan Pentadbiran Awam (UKM)



Yang Teramat Mulia Dato' Seri DiRaja Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz binti Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

DKH., DKYR., SHMS., SSDK., PSM., PAT.,

JP., Hon. Ph.D (UUM), Hon. Ph.D (KUIN), Hon. Ph.D (UPNM), Tunku Temenggong Kedah

Universiti Kebangsaan Malaysia
The National University of Malaysia



Varsiti KITA

Ikrar Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia

Lembaga Pengarah Universiti

1.



Tan Sri Dato' Seri Abdul Wahid Omar
Pengerusi

Tan Sri Dato' Seri Abdul Wahid Omar dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, UKM pada 1 November 2018. Kini, beliau juga merupakan Pengerusi Bursa Malaysia bermula 1 Mei 2020 dan Felo Pelawat di Oxford Centre for Islamic Studies untuk tahun akademik 2019/2020. Tan Sri Abdul Wahid Omar merupakan seorang teknokrat berpengalaman yang telah menerajui empat organisasi besar iaitu Kumpulan UEM, Telekom Malaysia, Maybank dan Permodalan Nasional Berhad (PNB). Pada peringkat nasional, beliau telah berkhidmat sebagai seorang Senator dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab terhadap perancangan ekonomi. Beliau merupakan seorang akauntan bertauliah dan menjadi ahli The Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW) dan Institut Akauntan Malaysia (MIA).



Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd Hamdi Abd Shukor
Naib Canselor / Ahli

Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd Hamdi Abdul Shukor dilantik sebagai Naib Canselor UKM pada 1 Januari 2019. Sebelum dilantik sebagai Naib Canselor, beliau telah menyandang pelbagai jawatan di Universiti Malaya antaranya Timbalan Naib Canselor Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa (2011 – 2014), Dekan Fakulti Kejuruteraan (2009 – 2011) dan Ketua Jabatan (2003-2006). Beliau juga berperanan sebagai Ketua dan Pengasas Centre of Advanced Manufacturing and Material Processing (AMMP) dan Centre for Research in Industry 4.0 (CRI4.0). Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Mekanikal) dari Imperial College, London, England; Ijazah Sarjana Teknologi Pembuatan dan Pengurusan Sistem Termaju dari University of Manchester Institute Science and Technology, United Kingdom dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari Kyoto University, Jepun.



Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak
Ahli

Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah (Wakil Perkhidmatan Awam) pada 1 Jun 2020. Beliau merupakan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi. Beliau memperoleh PhD dalam Sosiologi Politik dari University of Leeds dan MA dalam bidang Politik dari University of York, England. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengerusi Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) dan merupakan Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) dari 2010 hingga 2018. Prof Dato 'Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak memainkan peranan penting dalam memajukan UUM menjadi universiti bertaraf lima bintang berdasarkan penilaian SETARA dan MYRA. Selain itu, beliau juga berjaya mengubah UUM untuk ditempatkan di antara enam universiti awam terbaik Malaysia di QS Asia dan World Ranking. Dengan pengalaman selama 35 tahun di universiti awam dan memegang pelbagai jawatan pengurusan, beliau mempunyai pengalaman luas dalam menguruskan isu-isu yang berkaitan dengan institusi pendidikan tinggi dan juga ekosistem pendidikan tinggi tempatan dan antarabangsa.



Dr. Nirwan Noh
Ahli

Dr. Nirwan Noh dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah (Wakil Kementerian Kewangan) pada 1 Januari 2018. Beliau merupakan Timbalan Ketua Ekonomi, Sektor Penyelidikan Ekonomi, Bahagian Ekonomi di Kementerian Kewangan Malaysia. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam sektor kewangan dan ekonomi melalui penempatan di beberapa kementerian seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Unit Perancangan Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Beliau merupakan pemegang Sarjana Muda Perdagangan (Kepujian) Ekonomi dari McGill University, Montreal, Canada, Sarjana Kewangan Antarabangsa dan Polisi Ekonomi dari University of Glasgow, United Kingdom dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari Universiti Kebangsaan Malaysia.



Prof. Emeritus Datuk Dr. Sukiman Sarmani
Ahli

Prof. Emeritus Datuk Dr. Sukiman Sarmani dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah (Wakil Masyarakat Setempat) pada 1 Oktober 2018. Beliau juga merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Kuala Lumpur (UniKL). Beliau merupakan seorang tokoh akademik yang dihormati dan pernah berkhidmat dalam pelbagai agensi seperti Pengerusi Lembaga Perlesenan Atom di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI), Naib Presiden Global, Sun Moon University, Seoul, Korea, Ahli Panel Pembangunan Program di bawah The International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF) dan Ahli Majlis Akademi Sains Malaysia. Beliau juga pernah dilantik dalam pelbagai jawatan pentadbiran di UKM termasuk Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Hubungan Antarabangsa) mulai 2004 hingga 2008. Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Kimia dari UKM dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari University of Reading, United Kingdom.



Prof. Dr. Lilia Halim
Ahli

Prof. Dr. Lilia Halim dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah (Wakil Senat) pada 15 Januari 2020. Beliau merupakan seorang Profesor dalam Pendidikan Sains di Pusat Kajian Pembudayaan STEM, Fakulti Pendidikan UKM. Memulakan kerjaya sebagai Guru Fizik dan berkhidmat di Universiti pada 1991, minat dan skop penyelidikan beliau banyak memberi tumpuan kepada mempromosikan literasi sains dalam pembelajaran. Beliau banyak menyumbang kepakaran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa selain menerima beberapa penganugerahan seperti Silver Medal Award (2019)- STEM Mentoring Program dan Distinguished Research Award (2016), East Asian Science Education Association, Japan. Beliau mendapat pendidikan Ijazah Sarjana Muda Sains Fizik di Carleton University, Canada, Master of Education (Science Education) (Leeds University, UK) dan berkelulusan PhD dalam bidang Pendidikan Sains dari King's College London, UK.



Dato' Dr. Lukman Ibrahim
Ahli

Dato' Dr. Lukman Ibrahim dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah UKM Mewakili Sektor Swasta pada 1 Disember 2017. Beliau adalah Ketua Pegawai Eksekutif LI Commerce Sdn. Bhd. dan merupakan Pengarah Eksekutif Kumpulan Progressive Impact Berhad. Sebelum ini, beliau menghabiskan lebih dari 24 tahun dalam industri automotif dalam pelbagai portfolio termasuk menjadi Pengarah Urusan PHN Industry Sdn Bhd dan pernah menjawat jawatan sebagai Ketua Pegawai Operasi Kumpulan di DRB-HICOM dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif di Proton Holdings Berhad. Dato' Dr. Lukman Ibrahim memiliki Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (BBA) Magna Cum Laude (Perakaunan & Kewangan) dari Temple University, Philadelphia, Amerika Syarikat. Beliau memperoleh Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) juga dari universiti yang sama dan berkelulusan PhD dalam bidang Perakaunan dari Universiti Teknologi Mara. Dato' Dr. Lukman merupakan Akauntan Bertauliah dan ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA), Association of Certified Chartered Accountants, (ACCA) UK dan MICPA. Beliau sebelumnya pernah menjadi Presiden Jawatankuasa Penasihat ACCA Malaysia.



Datuk Ahmad Shalimin Ahmad Shaffie
Ahli

Datuk Ahmad Shalimin Ahmad Shaffie dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah mewakili Sektor Swasta pada 1 Mei 2020. Beliau sangat berpengalaman luas dalam bidang pengangkutan dan logistik serta penglibatan dalam khidmat masyarakat. Kini, beliau merupakan Pengerusi Eksekutif di Bintang Bulk Mover Sdn Bhd dan N'Osairis Technology Sdn Bhd. Selain dari sektor pengangkutan dan logistik, beliau juga memegang beberapa jawatan sebagai Pengarah dan Penasihat dalam sektor awam dan swasta termasuk industri perdagangan, perkhidmatan, peruncitan, makanan dan minuman, pendidikan dan pertanian. Beliau juga merupakan ahli Malaysia-Indonesia Business Council (MIBC) dan Malaysia Entrepreneurs Council selain penglibatan beliau dalam Malaysian Logistic Advisory Council (MLAC). Datuk Ahmad Shalimin Ahmad Shaffie mendapat pendidikan di Pusat Pengajian Pentadbiran Awam dan Undang-undang, Universiti Teknologi Mara (UiTM). Beliau juga mempunyai kelayakan profesional sebagai ahli Institut Logistik dan Pengangkutan Bertauliah (CILT)



Dato' Sri Amrin Haji Awaluddin
Ahli

Dato' Sri Amrin Haji Awaluddin dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah mewakili Sektor Swasta pada 7 Ogos 2020. Beliau merupakan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji dan mempunyai pengalaman lebih 30 tahun di sektor korporat. Beliau memulakan karier di institusi perbankan sebelum memegang beberapa jawatan penting di beberapa syarikat seperti Renong Berhad, Malaysian Resources Corporation Berhad dan Putera Capital Berhad. Beliau meneruskan kecemerlangan kerjayanya dengan dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di beberapa syarikat besar di Malaysia seperti Natseven TV Sdn Bhd (NTV7), Sistem Televisyen Malaysia Berhad, Media Prima Berhad, Sime Darby Property Berhad, Bousted Holdings Berhad dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Dato' Sri Amrin Haji Awaluddin memiliki Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Acadia, Canada dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dengan kepujian dari University of Hull, England. Beliau merupakan ahli Institut Akauntan Pengurusan Bertauliah (CIMA), UK dan Akauntan Bertauliah Insitut Akauntan Malaysia (MIA).



Dato' Yeow Wah Chin
Ahli

Dato' Yeow Wah Chin telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah UKM mewakili Alumni pada 15 Mei 2019. Beliau sangat berpengalaman luas dalam bidang kepakaran perbankan dan undang-undang komersial. Kini, beliau menjadi Pengurus Bersama melalui penubuhan Firma Guaman Tetuan Yeow & Salleh. Beliau telah berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Disiplin Peguambela dan Peguamcara selama beberapa tahun dan juga pernah berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Amalan Penyampaian Majlis Peguam. Mempunyai latar belakang pendidikan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia, (Book Prize Winner for Analytical Economics and Public Policy), Ijazah Sarjana Muda Undang Undang dari University of Wales, Aberystwyth, UK dan memperoleh Certificate in Legal Practice (CLP). Beliau juga banyak melibatkan diri dalam Badan Bukan Kerajaan antaranya Council Chairman of Lions Clubs International Multiple District 308 untuk Malaysia, Singapura dan Brunei, Penasihat Undang-undang Persatuan Hokkien serta Penasihat Undang-undang Persatuan Penterjemah Untuk Orang Pekak, Wilayah Persekutuan dan Selangor.



Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood
Ahli

Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah UKM (wakil Berpengetahuan dan Berpengalaman) pada 1 Ogos 2019. Beliau merupakan seorang doktor dan berpengalaman luas dalam bidang perubatan dan terlibat secara langsung dalam kerja-kerja kemanusiaan pada peringkat nasional dan antarabangsa. Tan Sri Dr. Jemilah memegang jawatan sebagai Ketua Setiausaha Bahagian Persekutuan Antarabangsa Palang Merah dan Bulan Sabit Merah (IFRC). Sebelum menyertai IFRC, beliau merupakan Ketua Sekretariat Sidang Kemuncak Kemanusiaan Dunia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York dan Ketua Cawangan Maklum Balas Kemanusiaan di UNFPA pada tahun 2011. Dari 1999 hingga 2009, beliau merupakan Presiden Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia (MERCY Malaysia), sebuah badan amal perubatan yang ditubuhkan oleh beliau selaku pengasas. Kini, beliau dilantik sebagai Penasihat Khas Kesihatan Awam kepada Perdana Menteri. Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana dalam bidang Obstetrik dan Ginekologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau telah dinobatkan sebagai pemenang bagi ASEAN Prize 2019 dan merupakan warganegara Malaysia pertama menerima hadiah ini berdasarkan kepada sumbangan beliau terhadap bantuan kemanusiaan dan pengurusan bencana di rantau ASEAN.

Universiti Kebangsaan Malaysia
The National University of Malaysia



Pusat Penyelidikan Tasik Chini

Universiti Kebangsaan Malaysia

Pegawai Pengurusan Utama

Universiti Kebangsaan Malaysia

Naib Canselor
Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd. Hamdi Abd Shukor
(sehingga 30 Oktober 2020)

Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd. Marzuki Mustafa
Menjalankan Fungsi Naib Canselor
(mulai 1 November 2020 hingga
31 Disember 2020)

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd. Marzuki Mustafa

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Prof. Dato' Ir. Dr. Abdul Wahab Mohammad

Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar)
Prof. Dato' Ir. Dr. Othman A. Karim

Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni dan Masyarakat)
Prof. Dato' Dr. Imran Ho Abdullah

Pendaftar
Dr. Hjh. Ina Md. Yasin

Bendahari
Norini Mohamad

Ketua Pustakawan
Wan Suhaimi Ariffin
(sehingga 2 September 2020)

Hazmir Hj. Zainal
(menjalankan tugas mulai 3 September 2020)

Penasihat Undang-undang
Prof. Madya Dr. Salawati Mat Basir

Pro-Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat)
Prof. Dr. Ishak Yusof
(sehingga 6 Februari 2020)

Prof. Dato' Dr. Norman Mohd Saleh
(mulai 7 Februari 2020)

Pro-Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana)
Prof. Dato' Dr. Nor Ghani Md. Nor

Pro-Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
Prof. Datuk Dr. A. Rahman A. Jamal

Ketua Pegawai Maklumat
Prof. Dr. Mohd Juzaiddin Ab Aziz
(menjalankan tugas)



“Bunga mawar bunga melati,
Baunya harum hingga ke pekan,
Akademia diperkasa harapan universiti,
Mengangkat keilmuan digitalisasi dibudayakan”

Universiti Kebangsaan Malaysia
The National University of Malaysia



1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
4. Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar)
5. Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)



8 7 6 9

6. Pendaftar
7. Bendahari
8. Ketua Pustakawan
9. Penasihat Undang-Undang

Struktur Organisasi
Universiti Kebangsaan Malaysia



Fakulti

Fakulti
Fakulti Pengajian Islam
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan
Fakulti Sains & Teknologi
Fakulti Perubatan
Fakulti Ekonomi & Pengurusan
Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina
Fakulti Pendidikan
Fakulti Pergigian
Fakulti Sains Kesihatan
Fakulti Teknologi & Sains Maklumat
Fakulti Undang-undang
Fakulti Farmasi
Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan (UKM-GSB)
Pusat Pengajian Citra Universiti (CITRA UKM)

Pusat Pengajian

Pusat Kembangan Pendidikan
Pusat GENIUS @ Pintar Negara
Pusat Kembangan Pendidikan



Institut

Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA)
Institut Alam Sekitar & Pembangunan (LESTARI)
Institut Biologi Sistem (INBIOSIS)
Institut Sel Fuel (SELFUEL)
Institut Islam Hadhari (HADHARI)
Institut Kajian Etnik (KITA)
Institut Kajian Malaysia & Antarabangsa (IKMAS)
Institut Kejuruteraan Mikro & Nanoelektronik (IMEN)
Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI)
Institut Biologi Molekul Perubatan (UMBI)
Institut Perubahan Iklim (IPI)
Institut IR4.0 (IIR4.0)

Kolej Kediaman

Kolej Dato' Onn
Kolej Aminuddin Baki
Kolej Ungku Omar
Kolej Burhanuddin Helmi
Kolej Ibrahim Yaakub
Kolej Rahim Kajai
Kolej Ibu Zain
Kolej Keris Mas
Kolej Pendeta Za'ba
Kolej Tun Hussein Onn
Kolej Tun Dr. Ismail
Kolej Tun Syed Nasir

Senat Universiti

PENGERUSI

Naib Canselor
Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd. Hamdi Abd Shukor
DPNS, B.Eng (Hons)(Mech)(Imperial,UK)., M.Sc (UMIST)., Dr.Eng (Kyoto, Japan)
(sehingga 30 Oktober 2020)

Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd. Marzuki Mustafa
DBNS, BSc., BEng (Tasmania)., MSc. (UMIST)., Ph.D (Salford)., MIEEE, P.Eng.
(Menjalankan Fungsi Naib Canselor bermula 1 November hingga 31 Disember 2020)

KEAHLIAN TIMBALAN NAIB CANSELOR

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd. Marzuki Mustafa
DBNS, BSc., BEng (Tasmania)., MSc. (UMIST)., Ph.D (Salford)., MIEEE, P.Eng.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Prof. Dato' Ir. Dr. Abdul Wahab Mohammad
DSDK., FASc., FIChemE, P.Eng., C.Eng., MIEM., BSChE (Lehigh)., MSChE (Purdue)., Ph.D (Wales-Swansea)

Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar)
Prof. Dato' Ir. Dr. Othman A. Karim
DBNS, DPMP, DNS, ANS, PPT, PBP, MMWA, MIEM, P.Eng, BScE (Toledo), MSc (Eng) & Ph.D (Liverpool)

Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni dan Masyarakat)
Prof. Dato' Dr. Imran Ho Abdullah
DBNS, Mphill (Cantab), PhD (Otago), FCCS

KEAHLIAN DEKAN / PENGARAH

Dekan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Prof. Dr. Aini Aman
Dip.Arts (New York), BSc (Accounting) (Indiana), MBA (Manchester), PhD (Manchester)
(mulai 1 Mac 2020)

Prof. Dr. Norman Mohd Saleh
BAc (UKMalaysia), MSc (University of Anglia, England), PhD (La Trobe, Australia)
(sehingga 29 Februari 2020)

Dekan Fakulti Pengajian Islam
Prof. Dr. Wan Kamal Mujani
BA(Hons.) (Al-Azhar), S.P.I. (UKM), Ph.D (Manchester)

Dekan Fakulti Perubatan
Prof. Dr. Raja Affendi Raja Ali
MB BCh, HDip. (Clinical Teaching), MMedSc, MD, MRCPI, FRCP(Edin), AM (Mal)

Dekan Fakulti Pergigian
Prof. Dr. Noor Hayaty Abu Kasim
(mulai 15 Jun 2020)

Prof. Madya Dr. Roszalina Ramli
BDS (Mal), MSc (Lon), FDSRCS (Eng), FFDRCS (Ire), PhD (Monash)
(Menjalankan Tugas Dekan sehingga 14 Jun 2020)

Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Prof. Dr. Hazita Azman
BA (TESL) (USA).,MA (USA)., PhD (Australia)

Dekan Fakulti Sains dan Teknologi
Prof. Dr. Mohamad Kasim
BSc (Hons) (Lakehead), MSc (UKM), PhD (Bristol), AMC, MRSC, MACS

Dekan Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
YBhg. Prof. Ir. Dr. Shahrir Abdullah
DNS., B.Eng. (UKM), MSc, PhD (Wales), P.Eng

Dekan Fakulti Pendidikan
Prof. Dato' Dr. Norazah Mohd Nordin
BSc (Math.) (Florida State, USA), MSc (Math.) (California State, USA), Dip. Lanjutan Pend. (UTM), Ph.D (UKM)

Dekan Fakulti Undang-undang
Prof. Dr. Nazura Abdul Manap
LL.B (Hons) (UKM), LL.M (London), PhD (IIUM)
(Mulai 1 Jun 2019)

Dekan Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
Prof. Dr. Salwani Abdullah
BSc (Computer Science) (UTM), MSc (UKM), PhD (University of Nottingham, UK)
(mulai 6 Januari 2020)

Prof. Dr. Abdullah Mohd. Zin
BSc. (Hons) (Southampton), MSc. (Wales), PhD (Nottingham)
(sehingga 5 Januari 2020)

Dekan Fakulti Farmasi
Prof. Madya Dr. Mohd Makmor Bakry
BPharm (Hons) (UKM), PhD (Medicines and Therapeutics) (Glasgow)

Dekan Fakulti Sains Kesihatan
Prof. Dr. Suzana Shahar
Bsc. Dietetic (UKM), MMedSci (Sheffield), Ph.D (Sheffffield)

Dekan UKM – Graduate School of Business (UKM – GSB)
Prof. Madya Dr. Puan Yatim
BBA (University of North Texas, USA), MCom (University of New South Wales, Australia)., PhD (University of Queensland, Australia)

Pengarah Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS)
Prof. Dr. Sufian Jusoh
LL.B (Wales); LL.M (Lond.); Doctor Iuris (Institute of Economic and European Law, University of Bern).

Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Prof. Madya Dr. Zuliskandar Ramli
BSc (Hons) (Kimia Industri) (UPM), Sarjana Persuratan (Arkeologi)(UKM), PhD (Arkeologi) (UM)
(Pemangku Pengarah mulai 15 Jun 2020)

Prof. Dr. Supyan Hussin
BSc (English) (USA), MA (TESL) (USA), PhD (USA)
(sehingga 14 Mei 2020)

Pengarah Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
Prof. Dato' Dr. Mazlin Mokhtar
DSDK., PMP., BSc (Tasmania), PhD (Queensland), FMIC, FASc

Pengarah Institut Kejuruteraan Mikro dan Nanoelektronik (IMEN)
Prof. Dr. Azrul Azlan Hamzah
BSc. (Manufacturing Engineering) (University of California, Berkeley), PhD (Microelectromechanical Systems) (UKM)

Pengarah Institut Perubatan Molekul (UMBI)
Prof. Madya Dr. Nor Azian Abdul Murad
BSc. (UPM), MSc. (UKM), Ph.D (University of Queensland, Australia)

Pengarah Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI)
Prof. Dato' Dr. Kamaruzzaman Sopian
DPMP., PMP., BSc. (Wisconsin-Madison), MSc (Pittsburg), Ph.D (Miami)

Pengarah Institut Biologi Sistem (INBIOSIS)
Prof. Madya Dr. Zeti Azura Mohamed Hussein
BSc (UKM), MSc (UKM), PhD (Edinburgh)

Pengarah Institut Sel Fuel (SELFUEL)
Prof. Ir. Dr. Siti Kartom Kamarudin
BEng. (UKM), MSc (UKM), PhD (UKM)

Pengarah Institut Islam Hadhari (HADHARI)
Prof. Dr. Fariza Md. Sham
Sm.P.I, S.P.I (UKM), PhD (UM)

Pengarah Institut Kajian Etnik (KITA)
Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin
PJN., DSNS., PPT., BA, MA (Malaya)., PhD (Monash)

Pengarah Institut Perubahan Iklim (IPI)
Prof. Dr. Mohd. Nizam Mohd. Said
BSc (Hons.) (UM), MSc (Ecology) (Wales), PhD (Wales)

Pengarah Institut IR4.0 (IIR4.0)
Prof. Dr. Haslina Arshad
BSc (Computer Science) (Bridgeport), MS (Coventry), PhD (UPM)
(mulai 1 Mac 2020)

Prof. Dr. Abdullah Mohd. Zin
BSc (Hons) (Southampton), MSc (Wales), PhD (Nottingham)
(sehingga 29 Februari 2020)

Pengarah Pusat Pengajian Citra Universiti
Prof. Datuk Dr. Harlina Halizah Siraj @ Ramli
MD (UKM), MOG (UKM), Master of Clinical Education (Melbourne)

Pengarah Pusat Siswazah
Prof. Dr. Sarani Zakaria
BSc (Quebec), MSc., PhD
(mulai 1 Mac 2020)

Prof. Madya Dr. Abdul Munir Abd. Murad
BSc (Hons.) (Microbiology and Biotechnology) (Sheffield), PhD (Aberdeen)
(Menjalankan Tugas Pengarah sehingga 29 Februari 2020)

Pengarah UKM – Pusat Pembangunan Keusahawanan & EKS (UKM – CESMED)
Prof. Madya Dr. Noor Azuddin Yakob

Pengarah Pusat Kembangan Pendidikan
Prof. Dr. Norhamidi Muhamad
BSc (Mechanical Engineering) (USA), MSc (Design & Economic Manufacturing) (Wales), PhD (Mechanical Engineering) (Wales)

Pengarah Pusat PERMATApintar Negara
Prof. Madya Dr. Rorlinda Yusof
BSc (Central Michigan), MEd. (UMalaya), PhD (UKMalaysia)

Pengarah Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim
Prof. Dr. Dayang Anita Abdul Aziz
BMedSc (UKM), MD (UKM), FRCS (Edinburgh, UK)
(mulai 1 September 2020)

Prof. Datin Dr. Norizan Abd Razak
BA (Western Illinois), MA TESL (Northern Iowa), PhD (UKMalaysia)
(sehingga 31 Ogos 2020)

KEAHLIAN PROFESOR

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Prof. Dato' Dr. Norman Mohd Saleh
BAc (UKMalaysia), MSc (University of Anglia, England), PhD (La Trobe, Australia)
(mulai 1 Jun 2020)

Prof. Dr. Ishak Yusoff
BEc (UKMalaysia), MSc (Manchester), PhD (Sheffield)
(sehingga 31 Mei 2020)

Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
Prof. Dato' Ir. Dr. Wan Ramli Wan Daud
BEng. (Monash), PhD (Cambridge), FIChem, MIEM, ASASI, C.Eng., P.Eng.

Prof. Dr. Che Hassan Che Haron
BSc (Mechanical Engineering) (Bridgeport), MS (Pittsburgh), PhD (Coventry)
(mulai 1 Jun 2020)

Prof. Dato' Ir. Dr. Wan Hamidon Wan Badaruzzaman
BSc, MSc (Bradford), PhD (Wales), MIEM, P.Eng.
(sehingga 31 Mei 2020)

Fakulti Pendidikan
Prof. Dr. Lilia Halim
BSc (Ottawa), Dip. Pend. (UKM), Med (Leeds), PhD (London)

Fakulti Pengajian Islam
Prof. Dr. Mohd. Nasran Mohamad
Sm.P.I. (Kep.) (UKM), M.C.L. (UIAM), PhD (Manchester)
(mulai 1 Jun 2020)

Prof. Dr. Muhd. Najib Abdul Kadir
BA (Hons.) (Al-Azhar), S.P.I. (UKM), PhD (UIAM)
(sehingga 31 Mei 2020)

Fakulti Perubatan
Prof. Dato' Dr. Ruszymah Idrus
MD(UKM), PhD(UKM)

Prof. Dato' Dr. Hanafiah Haruna Rashid
SCMEDSCI (St. Andrews), MBCHB (Edinburgh), FRCS (Edinburgh)
(mulai 1 Jun 2020)

Prof. Dr. Zaleha Abdullah Mahdy
MD (UKM), MOG(UKM), MRCOG (London), MD (UK)
(mulai 1 Jun 2020)

Prof. Dr. Ismail Mohd. Saiboon
MBBS (UM), MSurg (Orth& Trauma) (UKM), Subspecialized Emergency Medicine (UKM)
(mulai 1 Jun 2020)

Prof. Dr. Rohaizak Muhammad
BSc (Glasgow), MS (UKMalaysia), MBChB (Andrew)
(sehingga 31 Mei 2020)

Prof. Dato' Dr. Fuad Ismail
MD(UKM) FFRRCS (Ireland), FRC (UK)
(sehingga 31 Mei 2020)

Prof. Dr. Syed Zulkifli Syed Zakaria
MD (UKM), MBA (Frankfurt), MMed (Paed)
(UKM), PhD (Newcastle, Australia)
(sehingga 31 Mei 2020)

Fakulti Sains dan Teknologi
Prof. Dato' Dr. Roslan Abd. Shukor
DBNS., BSc (Physics) (Northern Illinois)., MSc.
(Applied Physics) (Northern Illinois), PhD
(Condensed Matter Physics) (Arkansas)

Prof. Dr. Yang Farina Abdul Aziz
BSc (Manchester), PhD (Reading), AMIC

Prof. Dr. Ishak Ahmad
BSc (Hons)(Chemistry) (UKM), PhD (UMIST)
(mulai 1 Jun 2020)

Prof. Dr. Sarani Zakaria
BSc (Quebec), MSc, PhD (UMIST)
(sehingga 28 Februari 2020)

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Prof. Datin Dr. Ruzy Suliza Hashim
Dip.Ed (TESL) (UKM), BA (Otago), MA (Essex),
PhD (Otago)

Prof. Dato' Dr. Mohammad Agus Yusoff
BA (Hons.) (UM), MA (Manchester), PhD
(Manchester)
(mulai 7 September 2020)

Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd. Ekhwan Toriman
DBNS., BA, BA (Hons) (UKM), MSc (Manchester
Univ.), PhD (Newcastle Upon Tyne Univ.)
(mulai 1 Jun 2020 sehingga 6 September 2020)

Prof. Dr. Mastura Mahmud
BSc (Reading)., MSc (Birmingham), PhD
(Birmingham)
(sehingga 31 Mei 2020)

Fakulti Sains Kesihatan
Prof. Dr. Bariah Mohd. Ali
SmOptom (UKM), PhD (UNSW), FAMO, FBCLA
(mulai 1 Jun 2020)

Prof. Dr. Ruzita Abd. Talib
BSc Dietetic (UKM), PhD (UKM)
(sehingga 31 Mei 2020)

Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
Prof. Dr. Abdullah Mohd. Zin
BSc (Hons) (Southampton), MSc (Wales), PhD
(Nottingham)
(mulai 1 Jun 2020)

Prof. Dr. Khairuddin Omar
SmSn, SSn (UKM), PhD (UPM)
(sehingga 31 Mei 2020)

Fakulti Undang-undang
Prof. Dr. Zinatul Ashiqin Zainol
LL.B (Hons) (IIUM), LL.M (London), PhD (IIUM)
(mulai 12 Ogos 2020)

Prof. Dr. Kamal Halili Hassan
LL.B (Hons)(Malaya), LL.M (London), PhD (IIUM)
(sehingga 11 Ogos 2020)

Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa
Prof. Dato' Dr. Rashila Haji Ramli
BSc (Chemistry) (Western Illinois), MBA (Northern
Arizona), PhD (Political Science) (Northern Arizona)
(mulai 1 Jun 2020)

Pusat Pengajian Citra Universiti
Prof. Dr. Khairul Anwar @ Johari Mastor
SmSn(Kep.) (UKM), MAEd (George Washington,
USA), Dip. Peng. Islam (UKM), PhD (New South
Wales, Australia)

KEAHLIAN KO-OPT

Pro Naib Canselor
(Penjanaan dan Prasarana)
Prof. Dato' Dr. Nor Ghani Md. Nor
BEc & Acc (New Castle), MEc(USA), PhD (USA)

Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi
Prof. Dr. Ismanizan Ismail
BSc (UKM), PhD (Edinburgh)

Pengarah Pusat Jaminan Kualiti
Prof. Madya Dr. Roziah Sidik @ Mat Sidek
Sm.P.I.(Kep.), Dip.Pend. (UKM), M.Litt.
(Edinburgh), PhD (Malaya)

Pengarah Pusat Teknologi Maklumat
Prof. Dr. Mohd. Juzaiddin Ab. Aziz
Dip S.Komp (UPM), SmSn, STM(UKM), PhD
(UPM)

Pengarah Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum
Prof. Ir. Dr. Ahmad Kamal Ariffin Mohd Ihsan
BEng (Mechanical Engineering) (UKM), PhD (Wales)
(mulai 1 Jun 2020)

Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
Prof. Datuk A. Rahman A. Jamal
MD (UKM), MRCP (Ire), PhD (Lond.),
GDHM (SMU-SingHealth), FASc. (Malaysia), PJN, DPNS, ANS
(sehingga 31 Mei 2021)

KEAHLIAN EX-OFFICIO

Pendaftar
Dr. Hjh. Ina Md Yasin
BHSc (Hons)(IIUM), MA (UKM), PhD (UPM)

Bendahari
Norini Mohamad
ANS, AAP, BAC (Hons) (UKM), MBA (HullUni, UK)

Ketua Pustakawan
Encik Hazmir Zainal
MLIS (UM), BSc (Hons) Lib.Sc. (UiTM)
(Menjalankan Tugas Ketua Pustakawan mulai 3 September 2020)

Encik Wan Suhaimi Ariffin
MLS (Syracuse), Dip.Lib.Sc. (UiTM)
(sehingga 2 September 2020)

Penasihat Undang-Undang
Prof. Madya Dr. Salawati Mat Basir
L.LB, LLM, PhD (UKM)


UNIVERSITI
WATAN KITA
Majlis
مجلس كونوكيشن
Konvokesyen
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
اونيۏرسيتي كيبڠسان مليسيا
ke-49
& PERISYTIHARAN PELANTIKAN PRO-CANSELOR
27 Nov - 8 Dis 2021
DECTAR
#KONVO JKM49

Perutusan
Naib Canselor

Assalamualaikum wbt. dan Salam Sejahtera,

Tahun 2020 menyaksikan UKM telah melalui fasa 50 tahun pertama sejak penubuhannya pada 18 Mei 1970. Ini merupakan tempoh Memperkasakan Pelan Strategik UKM 2019-2021 dalam merealisasikan aspirasi UKM untuk menjadi Universiti Kelas Dunia pada tahun 2025. Mahligai Kualiti (House of Quality) merupakan strategi yang berfokus kepada lima teras utama yang meliputi aspek Penyelidikan, Akademik, Antarabangsa, Bakat dan Kewangan. UKM perlu terus berpegang kepada misi dan visi universiti kerana pembangunan universiti ke arah kecemerlangan memerlukan kepimpinan yang dinamik dan asas perjuangan yang jelas dan terkehadapan.

Ekosistem penyelidikan merupakan aspek yang perlu diperkukuh seiring dengan UKM sebagai sebuah Universiti Penyelidikan. Cabaran Perdana dalam ekosistem penyelidikan UKM terdahulu mempunyai tujuh (7) Kluster Penyelidikan yang distrukturkan semula kepada lima (5) Kluster Penyelidikan sebagai asas kepada setiap bidang penyelidikan yang bersifat dinamik yang terdapat di UKM. Ini bertujuan untuk meningkatkan output berkualiti dan berimpak serta bersifat translasi yang me mberi impak kepada industri, masyarakat dan negara.

Hasil penstrukturan ekosistem penyelidikan ini, UKM merekodkan keseluruhan projek penyelidikan yang diluluskan kepada penyelidik di UKM pada tahun 2020 adalah sebanyak 1,348 projek dengan peruntukan berjumlah RM76,564,339. Daripada jumlah ini, 44% adalah dari sumber dana penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) iaitu sebanyak RM33.4 juta. Kemudian diikuti Dana Universiti Penyelidikan (RU) sebanyak 19% (RM13.9 juta) dan Dana Antarabangsa sebanyak 15% (RM11.3 juta). Walaupun Geran Penyelidikan yang diterima berkurangan daripada RM106 juta pada tahun 2019 kepada RM76.5 juta pada tahun 2020, namun penerbitan UKM menunjukkan peningkatan yang signifikan berbanding tahun sebelum. Tahun 2020 menghasilkan penerbitan 321 buku penyelidikan yang membabitkan 264 versi bercetak dan 57 versi e-book daripada pelbagai bidang. UKM berada di kedudukan pertama antara Universiti Awam dalam penerbitan buku ini. Penerbitan dalam jurnal berindeks SCOPUS/ WOS/ERA, tahun 2020 mencatatkan 6,831 iaitu meningkat 43.2% dan bilangan sitasi penerbitan mencatatkan peningkatan 185.6% berbanding tahun 2019 iaitu 103,484. Penyelidik UKM semakin cakna dalam menerbit di jurnal berimpak tinggi, peningkatan 52.6% ditunjukkan dalam penerbitan dalam Jurnal Q1 dan Q2. Sebanyak 181 artikel penyelidik UKM tersenarai dalam jurnal terbaik 10% pada tahun 2020 di mana berlaku peningkatan lebih 30% berbanding tahun lalu. Hasil daripada penyelidikan yang berkualiti ini sebanyak 20 produk telah dikomersial merangkumi produk rawatan kesihatan, makanan, komuniti dan industri. Kecemerlangan penerbitan ini membolehkan UKM mendapat pelbagai anugerah penyelidikan. Antaranya lima (5) judul buku terbitan UKM mendapat Anugerah Buku Negara tahun 2020.

UKM terus gemilang dengan kemasukkan pelajar baharu dengan tahun 2020 seramai 8,280 orang pelajar baharu telah mendaftar menjadikan enrolmen pelajar keseluruhan adalah 36,878 orang, dengan nisbah Pascasiswazah berbanding Prasiswazah sebanyak 41:59. Sejajar dengan komitmen kerajaan dalam

memastikan golongan B40 di Malaysia sentiasa terbela, 27.8% daripada enrolmen keseluruhan pelajar UKM dan 40.5% pelajar yang mendaftar pada tahun 2020 adalah daripada keluarga golongan B40. Selain itu, selaras dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi, UKM berusaha melonjakkan enrolmen pelajar antarabangsa terutama pelajar pascasiswazah dengan 2,398 orang pelajar antarabangsa melibatkan 65 buah negara. Selain status UKM sebagai Universiti Penyelidikan dan terkelompok dalam 3 universiti terbaik di Malaysia melalui penarafan QS World University Ranking pada kedudukan 150 terbaik dunia pada tahun 2020, UKM menjadi pilihan utama dalam kalangan pelajar untuk menyambung pengajian disebabkan beberapa insentif yang telah dilancarkan antaranya Skim Student get Student dan Biasiswa Naib Canselor yang diperkenalkan pada Semester 1, Sesi Akademik 2020/2021. UKM juga mencatatkan 68 PhD Graduate On Time (GOT) dan 504 orang pelajar di peringkat Ijazah Sarjana Muda tamat dengan cemerlang.

UKM tetap utuh dalam memperkukuhkan dan memantapkan jaringan strategik dalam dan luar negara walaupun semasa dunia dilanda pandemik Covid-19. UKM menjadi salah satu pengasas persatuan bersama empat buah universiti lain di Malaysia untuk membentuk University Alliance in Talent Education (UAiTED) yang berpusat di Taiwan dan turut menjadi ahli kepada Presidents' Forum for Southern Asia and Taiwan Universities (SATU Presidents' Forum). Penyertaan UKM di dalam kedua-dua pertubuhan antarabangsa ini mampu memperkukuhkan jaringan kolobarasi akademik dan penyelidikan. UKM juga menyertai beberapa pertubuhan antarabangsa antaranya Pertubuhan University of the Mobility for the Asia and the Pacific (UMAP), ASEAN University Network (AUN), Association of Universities of Asia and the Pacific (AUAP), ASEA-Europe University Network (ASEA-UNINET), The Association of Southeast Asia Institutions of Higher Learning (ASAIHL) dan Global University Network for Innovation (GUNI).

Tahun 2020, universiti telah berjaya memainkan peranan sebagai pusat rujukan dan peneraju kesarjanaan dan inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dengan mengaplikasi pengajaran inovatif dan futuristik serta membangunkan kerangka pembelajaran AktivUKM. Ini ditunjukkan dengan bilangan Duta Pembelajaran Aktif di UKM melebihi sasaran 50 orang kepada 68 orang. Selain itu, 34 buah ruang AktivUKM telah berjaya dibina melebihi sasaran awal iaitu sebanyak 30 buah ruang. UKM juga telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama syarikat Apple dan telah berkolaborasi dengan SWITCH (Malaysia) bagi pembangunan Apple Campus Store pertama di Malaysia, yang dinamakan Ruang AktivUKM™.

Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kepimpinan dalam Kesihatan Awam kepada Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia yang juga merupakan Alumni UKM yang menjadi antara tokoh utama dalam memerangi COVID-19 di Malaysia dan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam Pengurusan Kelestarian kepada Prof. Emeritus Dr. Soontak Lee dari Yeungnam University, Republic of Korea juga merupakan penghormatan kepada UKM, bukan sahaja untuk perkongsian ilmu malahan bagi tujuan strategik meletakkan UKM di persada antarabangsa. Penganugerahan ini diberi bersama-sama 6,166 graduan pada Majlis Konvokesyen UKM Ke-48. Jumlah ini menjadikan jumlah alumni UKM mencapai jumlah 211,023 orang.

Bagi memastikan graduan UKM bersedia menghadapi dunia pekerjaan sebenar, UKM telah memfokuskan kepada penghasilan graduan yang mempunyai minda keusahawanan yang boleh mencipta pekerjaan (job creator) melalui beberapa program seperti Program Career Buddies dan Program Bimbingan Usahawan Siswa UKM. Selain itu, lebih 80 program pembangunan kerjaya dengan kerjasama industri telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020. Antaranya ialah GRADUAN-NEX, Program Intervensi Kerjaya dan Program Finishing School. Hasilnya, kadar kebolehpasaran graduan UKM pada tahun 2020 mencapai 86.1% meliputi status bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan. Peratusan graduan dengan status bekerja telah meningkat sebanyak 2.9% kepada 77.3% berbanding tahun 2019 (74.4%). Peratusan tertinggi bagi taraf pekerjaan sebagai pekerja sektor swasta (termasuk NGO) adalah sebanyak 48.6% diikuti oleh pekerja sektor awam sebanyak 38.1%.

Prakarsa pemerkasaan mahasiswa yang holistik dengan memberikan pengalaman berharga di luar dewan kuliah terus dilaksanakan oleh UKM walaupun pandemik Covid-19 melanda negara. Sebanyak 714 program telah dijalankan yang melibatkan 675 program dalam negara dan 39 program luar. Program pengantarabangsaan di 14 buah negara melibatkan 22 buah universiti telah dilaksanakan meliputi 39 program berkredit dan tanpa kredit, melibatkan 286 orang pelajar dari pelbagai bidang. 65 orang pelajar telah mewakili UKM di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam aktiviti pengucapan awam dalam pelbagai bahasa.


چنسلوري
Chancellory



Pencapaian dan kejayaan yang diperoleh UKM ini, didokong oleh warga kerja yang cemerlang melalui penyerlahan bakat bagi memacu teras UKM. Tahun 2020 menyaksikan, warga UKM terus diiktiraf di dalam dan luar negara dengan sejumlah 97 anugerah dan pengiktirafan yang telah diterima. Selain itu, aktiviti sangkutan diteruskan dan disertai sembilan (9) orang peserta yang terdiri daripada Staf Akademik dan Staf Pengurusan dan Profesional. UKM juga telah melantik 24 orang Profesor Pelawat Antarabangsa Tersohor yang dilantik secara Contract of Service sepenuh masa.

Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan bagi mengekang penularan pandemik Covid-19. Pelaksanaan PKP ini memberikan impak kepada ekonomi negara dan juga khususnya kepada penjanaan pendapatan di UKM. Oleh demikian, penjanaan menjadi fokus penting pengurusan universiti dalam usaha untuk mengurangkan kebergantungan dengan sumber kewangan awam yang terhad. Strategi UKM dalam 'Kelestarian Pendanaan' dalam menjana kewangan bagi memastikan kelangsungan dan kecemerlangan universiti tidak terjejas. Sumber dalaman tahun 2020 menunjukkan peningkatan RM35.91 juta atau 8.23% pendapatan dalaman dijana berbanding tahun sebelumnya.

Walaupun dengan sumber yang terhad, UKM kekal prihatin dan mengambil berat kebajikan semua warga kampus yang terkesan akibat penularan pandemik Covid-19. Antara prakarsa yang dilaksanakan adalah semakan yuran dengan memberikan pengurangan yuran yang bertujuan untuk meringankan beban kewangan pelajar UKM. Selain itu, UKM juga melaksanakan prakarsa tambahan dengan pemberian pengecualian, pengurangan dan penangguhan sewa kepada peniaga-peniaga/usahawan di premis milik UKM bagi membantu peniaga/usahawan yang terjejas. Prakarsa ini sedikit sebanyak dapat membantu peniaga/usahawan meneruskan kelangsungan perniagaan mereka dan bangkit semula setelah terjejas akibat penularan pandemik Covid-19.

UKM terus unggul dalam bidang perubatan dan kesihatan dengan mempunyai lebih 40 kepakaran klinikal. UKM juga menjadi satu-satunya Universiti Awam di Malaysia yang memiliki dua (2) buah Hospital Pengajar iaitu Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) dan Hospital Pakar Kanak-kanak (HPKK). UKM tidak ketinggalan dalam usaha membantu negara dalam penularan wabak COVID-19 ini. Institut Biologi Molekul Perubatan (UMBI) dan HCTM melalui Jabatan Perkhidmatan Makmal Diagnostik (JPMD) telah menjalankan pengujian COVID-19 mulai 16 Mac 2020 dan mula membantu Kementerian Kesihatan Malaysia dengan menerima sampel daripada Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK), Sungai Buloh pada 30 Mac 2020.

Pembangunan universiti ke arah kecemerlangan memerlukan kepimpinan yang dinamik dan mempunyai visi yang jelas dan terkehadapan. Oleh itu, pengurusan UKM sentiasa merangka dan menetapkan strategi yang kukuh bagi merealisasikan sasaran UKM menjadi Universiti Bertaraf Dunia. Sehubungan itu kejayaan yang dikecapi sepanjang 2020 perlu diperkukuh bagi menyambung kesinambungan kejayaan universiti terulung ini. Bagi merealisasikan hasrat ini, tahun 2021 UKM membangunkan kerangka TERAS yang terdiri daripada 5 nilai utama iaitu Bakat (Talent), Etika (Ethics), Memperkasa (Revitalise), Tangkas (Agile) dan Jiwa (Soul). Kerangka ini menjadi lembayung yang memayungi elemen kebitaraan dan prakarsa yang dijadikan hala tuju universiti dalam meningkatkan kecemerlangan univeristi watan ini.



Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd. Ekhwan Hj. Toriman
MMU-UKM-IMU Artificial Intelligence for Digital Pathology (AI4DP)	Center for Visual Computing, MMU Center for Artifial Intelligence Technology (CAIT), UKM Fusionex AI Lab. IMU	181,600.00
Consortium on Mobility and Transportation in an Ageing Society (CoMTAS)	Malaysian Research Institute on Ageing TM, UPM Center for Healthy Ageing & Wellness (H-CARE), UKM USM Initiative on Ageing (USIA), USM	142,740.00
Excellent Digital Curriculum: TVET Future Learning	Institute of Excellence Teacher leader Education (IETLE), UUM Teaching Talent Group (TTG), UTHM Pusat Penyelidikan Pendidikan Kejuruteraan, UKM	123,630.00
Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum	Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI), USIM Integrasi Pendidikan Islam, KUIS Pusat Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti, UKM	99,389.00

Kolaborasi Makmal Bersama Universiti





































































Kolaborasi Makmal Instrumentasi UKM Bersama Agensi

MAKANAN DAN PERTANIAN

INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB)
UNIPEQ SDN BHD

PENGUJIAN BAHAN & BAHAN KIMIA

ACUMEN SCIENTIFIC SDN BHD
AFFLUENT CYCLE INDUSTRIES SDN BHD
CHEMICAL LABORATORY (MALAYSIA) SDN BHD
QUASI-S SDN BHD
SANICHEM RESOURCES SDN BHD
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA
JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA

PERUBATAN & KESIHATAN

PHARMANIAGA RESEARCH CENTRE SDN BHD
WORLDWIDE MEDIVEST SDN BHD

TEKNOLOGI BAHAN & PEMBUATAN

GREENSEAL PRODUCT (M) SDN BHD
INFINEON TECHNOLOGIES (M) SDN. BHD
INNO LAB ENGINEERING SDN BHD

PENDIDIKAN & PENYELIDIKAN

AIMST SDN. BHD.
HERIOT-WATT UNIVERSITY MALAYSIA SDN BHD
IMU EDUCATION SDN BHD
MANIPAL INTERNATIONAL UNIVERSITY
MONASH UNIVERSITY MALAYSIA SDN BHD
POLITEKNIK PORT DICKSON
SUNWAY UNIVERSITY SDN BHD
UNIKL MFI
UNIVERSITI MALAYA
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Universiti Kebangsaan Malaysia
The National University of Malaysia



Akademik Dan Mahasiswa

Universiti Kebangsaan Malaysia

Enrolmen Pelajar



Rajah 9: Enrolmen Pelajar Mengikut Tahap Pengajian Tahun 2020

Nisbah peratusan (%) pelajar Pascasiswazah berbanding Prasiswazah adalah sebanyak 41:59. Nisbah ini tetap selari dengan peranan UKM sebagai sebuah Universiti Penyelidikan. Selaras dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi, UKM berusaha melonjakkan enrolmen pelajar antarabangsa terutama pelajar pascasiswazah.

Pelajar Antarabangsa

2,398

Daripada **65 Negara**



China (716) Indonesia (396) Iraq (330) Bangladesh (95) Arab Saudi (91)

5 Negara teratas

Kemasukan Pelajar

Jumlah kemasukan pelajar pada tahun 2020 adalah seramai 8,280 orang dan jumlah ini berdasarkan unjuran yang diluluskan Senat Universiti.



Rajah 10: Jumlah Kemasukan Pelajar 2020

Biasiswa & Insentif

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah memperuntukkan dana sebanyak RM1 juta sebagai usaha UKM dalam meningkatkan bilangan pelajar terutama pelajar antarabangsa. Melalui dana ini, Skim 'Student Get Student' dan Biasiswa Naib Canselor UKM telah diperkenalkan.



Skim 'Student Get Student'

Pada tahun 2020, UKM telah memperkenalkan skim 'Student Get Student' dan melalui skim ini, seramai 58 pelajar antarabangsa telah berjaya mendaftar di UKM.



Biasiswa Naib Canselor UKM

Biasiswa Naib Canselor diperkenalkan pada Semester 1 Sesi Akademik 2020/2021 dan telah menerima lebih 5,000 permohonan daripada calon pelajar tempatan dan antarabangsa. Biasiswa ini terbahagi kepada dua kategori iaitu Biasiswa Emas Naib Canselor dan Biasiswa Perak Naib Canselor. Setelah melalui proses pemilihan akhir, empat orang pelajar Doktor Falsafah berjaya dipilih sebagai penerima Biasiswa Naib Canselor UKM 2020.

Penerima Biasiswa Emas Naib Canselor



Umair Khan
Warganegara: Pakistan
Kategori Biasiswa: Emas
Bidang: Mekanik Bendalir (Matematik)
Fakulti: Fakulti Sains dan Teknologi



Azianah Mohamad Ibrahim
Warganegara: Malaysia
Kategori Biasiswa: Emas
Bidang: Fisioterapi
Fakulti: Fakulti Sains Kesihatan

Penerima Biasiswa Perak Naib Canselor



Muhammad Umer
Warganegara: Pakistan
Kategori Biasiswa: Perak
Bidang: Kejuruteraan Kimia
Fakulti: Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina



Muhammad Ashraf Fauri@Fauzi
Warganegara: Malaysia
Kategori Biasiswa: Perak
Bidang: Pendidikan Tinggi
Fakulti: Fakulti Pendidikan

Konvokesyen ke-48 Tahun 2020

Tahun 2020 menyaksikan kesan yang besar kepada seluruh pengoperasian institusi pengajian tinggi ekoran daripada pandemik COVID-19 bukan hanya kepada sesi pengajaran dan pembelajaran, malahan turut memberi kesan terhadap pelaksanaan Majlis Konvokesyen ke-48. Oleh itu, Majlis Konvokesyen tahun 2020 telah dijalankan pada 3 hingga 12 April 2021 dan telah menganugerahkan ijazah serta diploma kepada 6,166 graduan. Alumni UKM kini berjumlah 211,023 orang. Perincian graduan adalah seperti pada Rajah 11.



Rajah 11: Jumlah Graduan UKM 2020

Anugerah Akademik Pelajar

Anugerah Pelajaran Diraja



Ayuna Yussoff
Sarjana Muda Undang-undang dengan
Kepujian (Cemerlang)
Fakulti Undang-undang



Raveena Vaidheswary A/P Muralitharan
Sarjana Muda Sains Bioperubatan dengan
Kepujian (Cemerlang)
Fakulti Sains Kesihatan

Anugerah Emas Naib Canselor



Gan Jian Jie
Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik &
Elektronik dengan Kepujian (Cemerlang)
Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina

Anugerah Tun Abdul Razak



Claudya Luncha Anak Julin
Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian
(Pendidikan Khas) (Cemerlang)
Fakulti Pendidikan

Anugerah Emas Sarjana



Mohamad Muhyiddin Hassan
Sarjana Sains (Alam Sekitar & Pembangunan)
Institut Alam Sekitar dan Pembangunan
Gugusan Sains Sosial

Tesis: Penyelarasan Program Badan Bukan Kerajaan (NGO) ke arah Mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs): Kajian Kes Global Environment Centre (GEC)



Muhiddin Ishak
Sarjana Sains (Perubatan Molekul)
Institut Perubatan Biologi Molekul
Gugusan Sains, Teknologi dan Kesihatan

Tesis: Profil Metilasi DNA Kawasan Penggalak dan Kromatin Terbuka dalam Kanser Kolorektal

Anugerah Emas Kedoktoran



Siti Daleela Mohd Wahi
Doktor Falsafah
Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan (UKM-GSB)
Gugusan Sains Sosial

Tesis: Constructing Social Entrepreneurship Intentions Model in Malaysia: Multi Mediators Analysis



Mohamad Azuwa Mohamed
Doktor Falsafah (Tenaga Hidrogen)
Institut Sel Fuel
Gugusan Sains, Teknologi dan Kesihatan

Tesis: Bio-Inspired C-Doped g-C3N4-Based Core-Shell Heterojunction Photocatalyst for Hydrogen Generation

Graduan Cemerlang



68
orang

Doktor Falsafah GOT
Graduate On Time & Tesis Cemerlang

504
orang

Sarjana Muda
Tamat Dengan Cemerlang

Ijazah Kehormat

Ijazah Kehormat dikurniakan oleh universiti sebagai tanda penghargaan dan penghormatan kepada tokoh atas sumbangannya yang cemerlang demi peningkatan dan penyebaran ilmu pengetahuan atau yang telah memberikan khidmat yang cemerlang kepada masyarakat.



Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Abdullah
Ijazah Kehormat Doktor Falsafah
(Kepimpinan dalam Kesihatan Awam)

Pada Majlis Konvokesyen ke-48, UKM telah menganugerahkan Ijazah Kehormat kepada dua orang tokoh ternama iaitu Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Abdullah dan Profesor Emeritus Dr. Soontak Lee.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Abdullah merupakan tokoh negara dalam memerangi COVID-19 di Malaysia. Beliau merupakan alumni Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Usaha beliau dalam bidang perubatan terutamanya pembedahan am telah mengangkat beliau sebagai Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada Mac 2013 sehingga kini. Kepakaran beliau turut diiktiraf di peringkat antarabangsa melalui pelantikan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pembedahan Global, Persatuan Pembedahan Antarabangsa. Hasil kecemerlangan dan sumbangannya terhadap penjagaan kesihatan, beliau telah dianugerahkan Fellowship Ad Hominem of the Royal College of Surgeons of Edinburgh pada tahun 2018.



Profesor Emeritus Dr. Soontak Lee
Ijazah Kehormat Doktor Falsafah
(Pengurusan Kelestarian)

Prof. Emeritus Dr. Soontak LEE merupakan saintis yang diiktiraf di peringkat global dalam bidang hidrologi dan kejuruteraan sumber air di Yeungnam University, Republic of Korea. Selain itu, beliau adalah Gabenor Kehormat World Water Council (WWC) dan Presiden International Hidrologic Environmental Society (IHES).

Sumbangan Prof. Emeritus Dr. Soontak LEE terserlah melalui peranan beliau sebagai pakar dalam pelbagai program, projek dan pelan perancangan pembangunan serta pemeliharaan dan pemuliharaan peningkatan sumber air. Seamul Initiative (SMU) merupakan satu inisiatif beliau yang telah berjaya diperkenalkan bagi pengurusan sungai melalui penglibatan orang awam serta penduduk desa. Inisiatif ini telah digunapakai dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi luar bandar dan diterima oleh 70 negara.

Pengajaran dan Pembelajaran

Tahun 2020 telah menyaksikan landskap baharu dalam dunia pendidikan negara dengan memfokuskan kepada pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara digital. PdP secara dalam talian telah dilaksanakan sepenuhnya semasa pandemik COVID-19 apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diisytiharkan oleh Kerajaan Malaysia pada Mac 2020. UKM telah menyediakan persekitaran PdP yang kondusif merangkumi pembangunan ruang pengajaran fizikal (Ruang AktivUKM™) dan pembangunan ruang pengajaran digital (UKMFolio™).

Pembangunan Ruang PdP fizikal - Ruang

Bagi menyokong pembelajaran aktif, usaha pembangunan ruang pdp fizikal yang dilengkapi dengan teknologi digital dan futuristik berpaksikan tiga aspek iaitu pedagogi, ruang dan teknologi.



Rajah 12: Kerangka dan Spektrum Ruang Pembelajaran Aktif bagi Pendidikan Tinggi

Ruang Pembelajaran aktif yang telah siap di Fakulti





Pencapaian tahun 2020 adalah sebanyak 34 buah ruang aktivUKM™ telah berjaya dibina melebihi sasaran awal iaitu sebanyak 30 buah ruang.



Pembangunan Ruang Digital - UKMFolio™

Pembangunan ruang PdP digital dalam menyokong kerangka Pembelajaran aktivUKM™ iaitu pedagogi digital dan futuristik merangkumi aspek pembelajaran teradun, pengajaran dalam talian, pentaksiran dalam talian dan peperiksaan dalam talian. Ruang PdP berasaskan pelantar Moodle dinamakan UKMFolio™ secara rasminya telah digunakan oleh pensyarah dan pelajar mulai 18 Februari 2020. Dengan berlaku pandemik COVID-19, penggunaan pelantar UKMFolio™ ini telah meningkat dengan pencapaian sebanyak 92.6 % melebihi sasaran awal sebanyak 80 %.



Poster pencapaian penggunaan UKMFolio™ dalam PdP tahun 2020

Pembelajaran Aktif

Tahun 2020, Universiti telah berjaya memainkan peranan sebagai pusat rujukan dan peneraju kesarjanaan dan inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dengan mengaplikasi pengajaran inovatif dan futuristik. Pelbagai prakarsa telah dilaksanakan bagi memantapkan jaringan strategik berimpak tinggi di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa. Kerangka pembelajaran AktivUKM telah dibentuk seperti pada Rajah 13.



Rajah 13: Kerangka Pembelajaran AktivUKM

Aktiviti Mempromosi Pembelajaran Aktif

AktivUKM™ peringkat Universiti

Pelbagai prakarsa telah dilaksanakan oleh universiti melalui Pengajaran-UKM bagi mempromosikan pembelajaran aktif di peringkat universiti.



Tahun 2020 juga menyaksikan seramai 68 orang Duta Pembelajaran dalam kalangan pensyarah.




BENGKEL
PEMBELAJARAN
aktiV UKM
RAKAMAN, SUNTINGAN VIDEO & REKAAN GRAFIK
Terbuka kepada
KAKITANGAN TEKNIKAL / PELAKSANA
23 JULAI 2020


akti UKM
WEBINAR PENGAJARAN-UKM 15/2020
Broadcast Quality Online Teaching with Zero Budget
28 October 2020 (Wednesday)
10.00 - 11.00 a.m
Prof. Madya Dr. Azmi Mohd. Tamil
Pelantar Zoom | https://bit.ly/3472PYI
FB Live | https://www.facebook.com/pptpukm/
zoom
Pusat Pengajaran & Pembangunan Kurikulum


akti UKM
WEBINAR PENGAJARAN-UKM 17/2020
ACTIVE LEARNING & EFFECTIVE TEACHING IN THE USA :
Challenges & Solutions
Speaker
Prof. Dr. David Hui
30 November 2020 Monday
3.00 pm - 5.00 pm | Malaysian Time
Moderator
Prof. Dr. Andanastuti Muchtar
LIVE https://facebook.com/pptpukm/
Zoom Platform : https://bit.ly/2IOum8N
zoom


akti UKM
WEBINAR PENGAJARAN-UKM 18/2020
PEPERIKSAAN DALAM TALIAN ERA PENJARAKAN SOSIAL: PERSEDIAAN DAN CABARAN
PENILAIAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN
Panel 1
REKA BENTUK SOALAN & PEMIKIRAN KRITIKAL PELAJAR: Contoh dari Sains Matematik
Panel 2
A PEAK INTO THE MEDICAL OPEN SOURCE EXAMINATION (MOSE):
A new challenge for Clinician-Educators
Panel 3
Moderator
Prof. Madya Ts. Dr. Faizal Mohamed
1 Disember 2020 (Selasa)
2.30 petang - 4.30 petang
LIVE https://facebook.com/pptpukm/
Pelantar ZOOM: https://bit.ly/3l6CKhe
zoom

AktivUKM™ Peringkat Kebangsaan

Universiti melalui Pengajaran-UKM telah menjalinkan jaringan strategik bersama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Majlis Ketua-Ketua Pusat Pengajaran dan Pembelajaran IPTA Malaysia (MAGNETIC) dan Majlis Ketua-Ketua e-Pembelajaran IPTA (MEIPTA). Selain itu, Universiti turut membantu KPT melalui pelbagai prakarsa termasuk pembangunan bahan digital bagi kursus umum universiti yang bakal digunakan di semua IPT, pelaksanaan Dasar e-Pembelajaran Negara (DePaN) 1.0 dan 2.0, pembangunan garis panduan kebangsaan dalam PdP pengajaran dan pentaksiran digital, pelaksanaan PdP digital melalui Massive Open Online Courses (MOOC) serta pengajaran seminar pendidikan serantau.



Pembangunan Garis Panduan Pembelajaran Teradun Gantian bersama Kementerian Pendidikan Tinggi



Pelantar UKM MOOC yang dibangunkan selari dengan prakarsa KPT

AktivUKM™ Peringkat Antarabangsa

Pada tahun 2020, Universiti memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Apple dan telah berkolaborasi dengan Switch (Malaysia) bagi pembangunan Apple Campus Store pertama di Malaysia, yang dinamakan Ruang AktivUKM™. Ruang tersebut dilengkapi dengan teknologi Apple serta kakitangan daripada Switch yang melatih dan memberi sokongan terhadap PdP digital dan futuristik dengan ekosistem Apple.





Ruang AktivUKM™ oleh Switch di PTSL dengan teknologi Apple


aktiV
UKM

Latihan Industri Pelajar

Pada tahun 2020 seramai 2,738 pelajar daripada 9 fakulti telah menjalani latihan di 1,816 tempat latihan industri terpilih yang terdiri daripada syarikat, agensi kerajaan, badan korporat, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), firma dan Pusat Perubatan. Universiti memperkasa program latihan industri dengan pelaksanaan secara berstruktur melalui program 2u2i (2 tahun di universiti dan 2 tahun di industri) dan 3u1i (3 tahun di universiti dan 1 tahun di industri) yang berasaskan Pembelajaran Berasaskan Kerja (Work-Based Learning) melibatkan 194 pelajar.



Rajah 14: Jumlah Pelajar Menjalani Latihan Industri 2020



KPJ Klang
Fakulti Sains Kesihatan



Medan Mulia Sdn. Bhd (Syarikat spin-off Utusan Malaysia)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan



Top Glove Sdn Bhd, Perak
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina



Indah Water Research Centre, Kuala Lumpur
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina



BP Healthcare
Fakulti Sains Kesihatan



Maritim Malaysia
Fakulti Sains Kesihatan

Kemahasiswaan

Walaupun pandemik COVID-19 telah melanda negara, aktiviti kemahasiswaan pelajar tetap diteruskan. Sebanyak 714 program telah dijalankan yang melibatkan 675 program dalam negara dan 39 program luar. Terdapat program mobiliti (inbound) yang telah dianjurkan oleh pelajar yang melibatkan program seperti pertukaran pelajar, webinar, baktisiswa, forum/diskusi dan kejohanan silat di peringkat antarabangsa bagi menggalakkan pelajar menjalin hubungan kerjasama dengan pelajar dari universiti luar negara. Selain itu, usaha meningkatkan kemahiran pengucapan awam dalam pelbagai bahasa diteruskan melalui penglibatan 65 pelajar yang telah mewakili UKM di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



Rajah 15: Program Keterlibatan Pelajar 2020

Pencapaian Pelajar (Ko-Kurikulum)



Manushantini Pillai A/P Muralitharan Pillai,
Yeoh Jin Ming,
Fakulti Pergigian

Johan
Pertandingan Dental Suture-Lympics
Fakulti Pergigian, Universiti Teknologi Mara
10 Februari 2020 – 10 Mac 2020

Catatan: Gambar diambil sebelum pelaksanaan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)–UKM akur terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan



Norhanani binti Ayob
Fakulti Pengajian Islam

Johan Qariah
Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat
Negeri Pahang Darul Makmur Kali Ke-63
Tahun 1441H/2020M
Dewan Jubli Perak Sultan Haji
Ahmad Shah, Kuantan, Pahang
4 - 6 Februari 2020

Denesh A/L A. Mohan
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina

Johan (Best Presenter Award)
2nd Postgraduate Symposium on
Industrial Science and Technology 2020
(SISTEC 2020)
Universiti Malaysia Pahang
26 – 27 Ogos 2020





Gan Jian Jie
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina

Tempat Ke-2
Pertandingan Islamic Digital
Economy Accelerator (IDE-A)
Zoom Webinar
5 Jun 2020

Most Engaging and Team of The Year Award
Siti Syahirah Binti Samsudin
Raveena Vaidheswary A/P Muralitharan
Fakulti Sains Kesihatan

Outstanding Youth Leader Award
Khoo Loui Ean
Fakulti Sains Kesihatan
di Asian Youth Leaders Travel and Learning
Singapura, 6 - 10 Februari 2020





Nur Farhan Hasbullah
Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan

Juara Kategori Universiti
Pertandingan Mengarang Esei
Dewan Bahasa Dan Pustaka
5 Oktober 2020

Pengantarabangsaan Pelajar

Pada tahun 2020, program pengantarabangsaan telah dijalankan di 14 buah negara melibatkan 22 buah universiti. Sejumlah 39 program berkredit dan tanpa kredit yang melibatkan 286 orang pelajar dari pelbagai fakulti dan institut telah diadakan dengan jayanya.



Program Mobiliti Pelajar Antarabangsa Merupakan Sebahagian Daripada Pelan Strategik UKM.

Keusahawanan Pelajar

Universiti menerusi UKM-CESMED pada tahun 2020 telah memfokuskan kepada penghasilan graduan yang mempunyai minda keusahawanan yang boleh mencipta pekerjaan (job creator) dan bukannya mencari pekerjaan (job seeker) selain berupaya mengubah landskap keusahawanan. Konsep baharu keusahawanan menekankan kepada penyelesaian masalah dan inovasi produk. Walaupun berlakunya pandemik, agenda keusahawanan pelajar terus diperkasa melalui pelbagai aktiviti yang dijalankan dalam keadaan norma baharu iaitu secara dalam talian dan juga bersemuka.



Seminar Videografi & Fotografi menggunakan Smartphone telah diadakan pada 29 Februari 2020 dengan kerjasama Sifoo.Com. Lebih 100 pelajar yang menyertai program peningkatan kemahiran ini.

Catatan: Gambar diambil sebelum pelaksanaan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)–UKM akur terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.



Penubuhan 3 Kelab CESMED Buddies adalah untuk membimbing dan membantu pelajar bagi mengembangkan lagi bakat dan idea keusahawanan mereka, bermula daripada pembelajaran teori dan ditransformasikan menjadi usahawan







Penyertaan Pelajar Ke Peringkat Antarabangsa:

1. National Cheng Kung University, Taiwan – Virtual Hackathon 2020
2. Singapore University of Social Sciences – Asean China Impact Startup Challenge













Tahun 2020 UKM CESMED Dipilih Menjadi Urusetia Bagi Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi 2021- 2025



Program 'Bimbingan Usahawan Siswa UKM' bertujuan untuk mengumpulkan usahawan siswa mengikut tahap dan tempoh perniagaan pelajar. Melalui program ini usahawan siswa diberikan latihan berstruktur mengikut tahap perniagaan mereka dalam kumpulan Intan, Permata atau Berlian. Pelajar yang layak juga akan diberikan pinjaman perniagaan jika diperlukan.

Kerjaya Pelajar

Sepanjang tahun 2020, Universiti melalui Pusat Pembangunan Karier (UKM-Karier) telah menganjurkan lebih 80 program pembangunan kerjaya dengan kerjasama industri untuk mendedahkan pelajar kepada dunia pekerjaan sebenar. Antara program berimpak yang telah dijalankan sepanjang 2020 ialah program GRADUAN-NEX, Program Intervensi Kerjaya dan Program Finishing School. Program GRADUAN-NEX ialah program latihan dan karnival kerjaya yang menumpukan kepada graduan orang kurang upaya. Seramai 100 orang graduan daripada pelbagai universiti telah menyertai program ini dengan penglibatan 17 majikan.

Program Intervensi Kerjaya pula memfokuskan kepada pelaksanaan pelan intervensi kepada pelajar tahun satu dalam kategori Sederhana dan Rendah melalui ujian efikasi kesediaan kerjaya (Profil Kerjaya). Program ini melibatkan sesi kaunseling kerjaya, bimbingan kerjaya berstruktur dan program Psiko-Pendidikan. Selain itu, program Finishing School bersama industri dijalankan kepada pelajar tahun akhir sebagai persediaan menghadapi alam pekerjaan yang melibatkan enam (6) siri ceramah kerjaya iaitu Pengurusan Emosi, Tips Temu Duga, Surat Iringan & Resume, Personal Branding, Personal Grooming & Keusahawanan.

GRADUAN-NEX





Poster Finishing School





Anugerah *Tokoh Pelajar* (kecemerlangan kokurikulum)



Bidang:
- Kelestarian
- Penyelidikan
- Kepimpinan

Kavena Sivapragasam
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

- Kertas Kerja Terbaik di Persidangan Antarabangsa Psikologi Sekolah - Kesejahteraan Dan Kesihatan Mental Kanak-Kanak
- Pembentang di Malaysian Psychology Student Association National Conference
- Panel "Let's Breathe" Siri Webinar
- Panel 'Positive Coping During COVID-19' Siri Webinar Golden Key International Honour Society Hong Kong Chapter

Bidang Sains & Teknologi

Mohd Fahad Saleem
Fakulti Sains dan Teknologi
- Champion - 3MT Environment National Pitching Competition 2020, JAS
- Top 5 - Policy Paper Perdana Fellowship Programme, KBS
- 1st Runner Up - BetaGammaSigma Business Case National Challenge
- Finalist - American Chemical Society SEA-Global Innovation Challenge 2020
- Corporate Fellow - Perdana Fellowship Program 2020, KBS
- National 1st Runner Up - ASEAN Data Science Explorer Competition
- 1st Runner Up - Axiata Young Talent Programme ULDP 2020 CEO Challenge & Overall Business Challenge





Bidang Inovasi

Faridah Hanim binti Khairuddin
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina

- Most Outstanding Award – Final Year Project & Postgraduate Poster Competition (FYPPPC)
- Best Presentation – 4th International Conference on Architecture and Civil Engineering (ICACE 2020)
- Gold Award – International Science & Technology Expo (IIDEX 2020)
- Gold Award – eCarnival Research & Innovation (eCRI 2020)



Bidang Sukan

Muhamad Ashraf Haiqal bin Rizal
Fakulti Pendidikan

- Naib Juara – Saudi Arabia Premium League 2020/ 2021

Kebolehpasaran Graduan (GE) 2020

Kajian Pengesanan Graduan merupakan kajian di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang dijalankan secara dalam talian bertujuan melihat status pekerjaan graduan. Kajian ini dijalankan melalui Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG). Pada tahun 2020, kadar kebolehpasaran graduan UKM ialah sebanyak 86.1% meliputi status bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan. Peratusan graduan dengan status bekerja telah meningkat sebanyak 2.9% kepada 77.3% berbanding tahun 2019 (74.4%). Peratusan tertinggi bagi taraf pekerjaan sebagai pekerja swasta (termasuk NGO) adalah sebanyak 48.6% diikuti oleh pekerja kerajaan sebanyak 38.1%.



86.1%

Kebolehpasaran graduan meliputi kategori Bekerja, Melanjutkan Pengajian, Meningkatkan Kemahiran dan Menunggu Penempatan

Kadar Responden 93.5%

Status Kebolehpasaran Graduan UKM 2020

Rajah 16: Kadar Kebolehpasaran Graduan UKM 2020

	Bilangan Pelajar	Peratusan (%)
Bekerja	**4,453**	**77.3**
Melanjutkan Pengajian	**227**	**3.9**
Meningkatkan Kemahiran	**51**	**0.9**
Menunggu Penempatan	**232**	**4**
Belum Bekerja	**801**	**13.9**
Jumlah	**5,764**	**100**

Perbandingan Kadar Kebolehpasaran 2018 -2020



Rajah 17: Perbandingan Kadar Kebolehpasaran Graduan UKM (2018-2020)



Rajah 18: Taraf Pekerjaan Graduan UKM 2020

Hal Ehwal Pelajar Mendepani Covid-19

Umum mengetahui bahawa pandemik COVID-19 yang melanda negara dan dunia pada 2020 telah menjejaskan pelajar di institusi pengajian tinggi, khususnya di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), untuk menjalani sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara bersemuka. Pematuhan kepada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) juga telah menyaksikan sebilangan jumlah pelajar perlu terus kekal berada di kampus bagi mengekang penularan jangkitan Covid-19. Kesemua ini secara tidak langsung memberikan kesan sama ada secara fizikal atau mental kepada mereka. Justeru, dengan sokongan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), pihak pengurusan UKM memandang serius serta mengambil langkah-langkan yang sepatutnya demi memastikan hal ehwal kebajikan pelajar dijaga khususnya dalam tempoh yang sukar ini.

Menyedari akan kepentingan dan keperluan pelajar dalam meneruskan PdP secara dalam talian serta mereka yang berada di kampus, pengurusan tertinggi universiti dan Pusat Hal-Ehwal Pelajar (HEP-UKM) telah bekerjasama dengan beberapa Pusat Tanggungjawab (PTj) seperti Pusat Kesihatan Universiti (PKU), Pusat Perumahan Pelajar (PPP), Pusat Alumni UKM, Unit Kenderaan UKM, Keselamatan UKM, Kolej-kolej Kediaman, Fakulti, Pusat Zakat dan Institut Perubatan Molekul (UMBI). Kerjasama ini turut melibatkan organisasi pelajar seperti Kesatuan Mahasiswa (KMUKM), Persatuan Kasih Mahasiswa (Kasiswa), Majlis Eksekutif Pelajar (MEP), Persatuan Mahasiswa Fakulti, Persatuan Anak Negeri serta persatuan-persatuan pelajar yang lain dalam usaha meringankan beban pelajar melalui pelbagai jenis bantuan.



Rajah 19: Bentuk dan jumlah sumbangan Program Kebajikan dan Bantuan Pelajar HEP-UKM

Inisiatif Hal Ehwal Pelajar

1. Operasi pengurusan dan bantuan sumbangan pelajar









2. Operasi Hantar Pelajar Pulang IPT Zon Tengah






3. Operasi Hantar Pelajar Pulang ke Kampung Halaman






4. Khidmat kaunseling dalam Talian









Universiti Kebangsaan Malaysia
The National University of Malaysia



Pengantarabangsaan Dan Komuniti

Universiti Kebangsaan Malaysia

Antarabangsa, Alumni dan Komuniti

Orang Melayu telah belayar, tiba bertapak dan membina kehidupan sejauh Benua Eropah dan Afrika di barat dan Polinesia di timur. Jika dilihat bangsa Asia lain, Cina misalnya, lebih jauh lagi merantaunya. Tradisi merantau dan membina jaringan dan kehidupan sudah sinonim dengan bangsa Melayu dan Asia. Universiti Kebangsaan Malaysia yang dibina atas aspirasi rakyat Malaysia berbilang kaum menjadikan agenda pengantarabangsaan sebagai agenda penting.

Alumni adalah hasilan universiti yang dibanggakan. Sungguhpun sudah menamatkan pengajian para alumni sentiasa dekat dengan universiti agar mereka cakna dengan perkembangan univerisiti dan pada masa yang sama membantu bagi meningkatkan pencapaian universiti.

"Dari masyarakat kami datang, kepada masyarakat kami kembali" satu slogan yang sinonim dengan para pelajar UKM sejak dulu. Jika slogan ini dijadikan identiti bagi UKM maka tidak sukar untuk difahami bahawa komuniti adalah tersangat penting bagi UKM dan para siswanya.

Dalam konteks ini, pelbagai usaha telah dijalankan untuk membina reputasi dan imej antarabangsa, antaranya adalah mengukuhkan jaringan strategik antarabangsa melalui kerjasama dengan pertubuhan antarabangsa, universiti-universiti tersohor antarabangsa dan industri. Malahan jaringan ini diperkukuhkan lagi dengan penglibatan malim sarjana UKM dan perkongsian kepakaran warga UKM di persada antarabangsa untuk mendalami kerjasama silang-budaya dan memperkasakan pengantarabangsaan UKM.

Selain itu, penglibatan alumni UKM yang berada di luar negara, program mobiliti bertaraf global dan liputan media massa antarabangsa yang kian meningkat turut memainkan peranan yang penting dalam memartabatkan UKM di peringkat antarabangsa, dan seterusnya meningkatkan reputasi akademik dan menarik lebih ramai pelajar antarabangsa ke UKM, seiring dengan aspirasi UKM untuk menjadi universiti kelas dunia pada tahun 2025.

UKM memegang erat hasrat melestarikan hubungan dinamik di antara universiti dan masyarakat sebagai antara wadah utama. Penubuhan Pusat Transformasi Komuniti Universiti atau singkatannya UCTC merupakan gambaran betapa agenda hubungan dengan pihak komuniti adalah penting bagi UKM. UCTC diberikan peranan merencana dan melaksanakan aktiviti penglibatan UKM-komuniti dan UCTC telah melaksanakan amanah ini dengan penuh dedikasi.

Antara ukuran kejayaan sesebuah universiti adalah para alumninya. Selain jumlah yang ramai alumni daripada pelbagai negara turut merupakan lambang kejayaan dan pencapaian sesebuah universiti kerana mencapai tahap tersohor di persada kebangsaan dan antarabangsa. UKM telah mencapai tahap kejayaan ini untuk sekian lama sejak penubuhannya dan akan terus menempa banyak kejayaan lagi diukur melalui pencapaian alumninya yang kini telah berjaya dalam pelbagai bidang di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Jaringan Strategik Antarabangsa

Penarafan Antarabangsa

Selaras dengan peredaran masa, UKM sebagai sebuah institusi yang berteraskan nilai kebangsaan semakin menyerlah di peringkat antarabangsa. Hal ini terbukti apabila penarafan *Quacquarelli Symonds* (QS) *World University Ranking* 2020/2021 menyaksikan peningkatan UKM ke tangga 141.

NO.	PERKARA	2019	2020	2021
1	QS WORLD UNIVERSITY RANKING	184	160	141
2	TIMES HIGHER EDUCATION UNIVERSITY RANKING	601-800	601-800	601-800

Pertubuhan Antarabangsa

UKM menjadi ahli kepada pertubuhan antarabangsa seperti disenaraikan dalam usaha memantapkan jaringan antarabangsa UKM dan memperkukuhkan jaringan kolobarasi akademik dan penyelidikan:

i. Pertubuhan *University of the Mobility for the Asia and the Pacific (UMAP)*. UKM memegang peranan aktif sebagai Sekretariat Kebangsaan di Malaysia semenjak 2015 sehingga kini. Pada masa ini, UKM Global membina kerjasama dengan Vancouver Community College Canada yang menjadi Sekretariat Antarabangsa UMAP bagi 2021 – 2022. Keahlian UMAP adalah sebanyak melebihi 600 universiti dan institusi pengajian tinggi di 35 buah negara.

ii. *ASEAN University Network* (AUN): UKM memainkan peranan yang aktif dengan menerajui dua Jaringan Bertema (*Thematic Network*) di dalam AUN dan mengetuai jaringan bertema seperti di bawah. Terdapat lebih daripada 30 buah universiti dan institusi pengajian tinggi yang menyertai AUN:
   a. *AUN -ASEAN Economic Community* (AUN-AEC) yang diterajui oleh IKMAS
   b. *AUN University Social Responsibility & Sustainbility* (AUN-USR&S) yang diterajui oleh UCTC

Selain itu, UKM turut menganggotai *The Association of Universities of Asia and the Pacific (AUAP), University Alliance in Talent Education (UAiTED), President's Forum of Southeast Asia and Taiwan Universities (SATU), ASEA-Europe University Network* (ASEA-UNINET), *The Association of Southeast Asia Institutions of Higher Learning* (ASAIHL), *Asia-Pacific University-Community Engagement Network* (APUCEN), The Talloires Network of Engaged Universities (Talloires Network) *dan Global University Network for Innovation* (GUNI).

Jaringan Bersama Universiti Antarabangsa










i. UKM turut menerima lawatan dari beberapa rakan strategik antarabangsa sebelum larangan perjalanan dikuatkuasakan di seluruh negara berikutan penularan pandemik global Covid-19. Antaranya adalah Tecnologico de Monterrey (Mexico), Université Paris-Est Créteil (France), University of Natural Resources and Life Sciences (Austria), Institut Teknologi Bandung (Indonesia) dan Ajou University (Korea Selatan).

ii. Mulai April sehingga penghujung 2020, UKM telah bergerak ke platform dalam talian secara sepenuhnya untuk kekal berhubung dengan rakan strategik sedia ada dan mengambil peluang ini untuk menerokai peluang kerjasama dengan rakan berpotensi dari dalam dan luar negara. Kebanyakan perbincangan berkisar berkenaan potensi mobiliti kakitangan dan pelajar, permohonan geran antarabangsa serta perkongsian kepakaran dan penerbitan. Sesi perbincangan ini turut melibatkan perwakilan dari fakulti, institut dan pusat yang berkaitan.

iii. Sepanjang Mac sehingga Disember 2020, UKM telah mempengerusikan dan menghadiri sebanyak 162 kali mesyuarat dalam talian dengan pelbagai rakan strategik di dalam dan luar negara berteraskan pengantarabangsaan.

Jaringan Bersama Kedutaan



Sepanjang 2020, UKM terus memelihara hubungan baik dengan kedutaan asing di Malaysia. Ini membolehkan UKM mengadakan acara yang berprestij dengan kerjasama rapat kedua-dua pihak. Selain sentiasa berhubung dengan pihak kedutaan, UKM turut memenuhi jemputan rasmi kedutaan serta mengambil bahagian dalam program dan aktiviti anjuran Kedutaan, mengadakan lawatan persahabatan dan perbincangan bersama duta atau perwakilannya di pejabat Kedutaan. Di antaranya adalah The Royal Thai Embassy, Embassy of the Republic of Indonesia, Embassy of Ecuador, Embassy of the Republic of Czech, Embassy of Sweden, High Commission of New Zealand dan Embassy of the Federal Republic of Somalia.

Langkah sedemikian adalah amat penting dalam memastikan hubungan yang sedia ada dapat meningkatkan imej UKM dan mewujudkan rakan-rakan strategik yang baru dalam melebarkan jaringan dan juga kolaborasi terutamanya dalam sektor pendidikan dan penyelidikan.

Program penghantaran pelajar antarabangsa kembali ke negara masing-masing dan kemaskini pelajar yang masih meneruskan pembelajaran di UKM diselaraskan dan disemak dengan pihak kedutaan asing di Malaysia mengikut pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan 1.0 pada April 2020.

Penganjuran Webinar

Melalui kerjasama Akademi Kepimpinan Pendidikan Tertinggi (AKEPT), UKM Global telah menganjurkan empat siri webinar bertaraf antarabangsa sepanjang 2020 sehingga 2021.

Tiga daripada empat siri webinar antarabangsa tersebut telah dijalankan dengan jayanya melalui kerjasama pelbagai pihak dalam membincangkan isu berkaitan pengantarabangsaan dan kepimpinan pada tahun 2020. Panelis yang telah dijemput adalah terdiri daripada Presiden, Naib Canselor, Rektor, Timbalan Naib Canselor dan perwakilan Pusat Hubungan Antarabangsa dari kalangan rakan strategik universiti antarabangsa seperti National University of Singapore (Singapore), Toyo University (Jepun), Tecnologico de Monterrey (Mexico), Commisssion of Higher Education, (Philippines), Universitas Gadjah Mada (Indonesia) dan Massey University (New Zealand). Kedutaan asing di Malaysia juga membantu sebagai penghubung kepada rakan-rakan baharu dan menyampaikan jemputan kepada institusi pengajian tinggi di negara masing-masing.

Siri webinar ini telah dihadiri melebihi 1,300 peserta dari 27 buah negara di sepanjang penganjurannya. Manakala, rakaman siri webinar ini di laman media sosial UKM Global telah ditonton melebihi 7,000 tontonan.







NO.	PERKARA	AKEPT 1	AKEPT 2	AKEPT 3
1	Kehadiran Peserta	475	378	498
2	Jumlah Negara	19	18	18
3	FB Live Reach	Tidak berkenaan	11,038	17,867
4	FB Live View	Tidak berkenaan	2,700	4,700
5	FB Live Engagement	Tidak berkenaan	959	1,465
6	FB Live Share	Tidak berkenaan	34	78

Mobiliti Antarabangsa Pelajar UKM













Walaupun dunia dilanda pandemik global dan larangan pergerakan dilaksanakan di seluruh negara, UKM mengambil langkah proaktif dengan meneroka pendekatan virtual (atas talian) dalam mengembangkan bakat pelajar. Antara usaha yang telah diambil oleh UKM termasuk menghantar pelajar dalam pelbagai program yang dianjurkan secara dalam talian oleh pertubuhan antarabangsa yang disertai seperti program *ASEAN University Network* (AUN), *Asian International Mobility for Students* (AIMS) dan *University Mobility of Asia Pacific* (UMAP) .

Pada masa yang sama perubahan bentuk mobiliti pelajar memerlukan pemerkasaan kakitangan untuk kelancaran penyampaian perkhidmatan dan pembangunan kerjaya berterusan. Bagi tujuan tersebut pihak UKM telah membangun kumpulan pelajar yang dikenali sebagai Duta Pelajar (*Student Ambassador*). Kumpulan pelajar ini terdiri daripada pelajar UKM yang mempunyai minat yang mendalam di dalam isu berkaitan pengantarabangsaan. Bagi mendokong minat tersebut, UKM merancang dan melaksana latihan serta program untuk mempersiapkan mereka sebelum keluar negara.

Antara program yang telah disertai oleh pelajar UKM adalah seperti berikut:

i. Program Pertukaran Pelajar yang melibatkan School of International Training USA anjuran KITA (UKM) (8 Februari – Mei 2020)
ii. #CONVERGE : Unravel Covid-19's Global Impact anjuran Singapore University of Social Sciences (22 Jun – 18 Julai 2020)
iii. Musashi Global Relations Weekly Seminar anjuran Musashi University (Julai 2020)
iv. Program Sukarelawan Covid UKM anjuran Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (19 – 23 Julai 2020)
v. Virtual U-Lead 2020 anjuran UKM Global (24 Ogos – 14 September 2020)
vi. Online Program: Learning with Southeast Asia: Creating Together Resilient and Sustainable Future Society anjuran bersama Sophia University (Japan), Xavier University (Philippines), Mahidol University (Thailand) & Ateneo de Manila (Philippines) (14 September 2020)
vii. Morning Chit-Chat anjuran Universitas Muhammadiyah Yogyakarta dan UKM Global pada 28 November 2020
viii. M2M Inter-Culture Sharing Session anjuran Tecnologico de Monterrey dan UKM Global (5 Disember 2020)



Rajah 20: Statistik Pelajar Mobiliti ke Luar Negara 2020



Sumber: Pusat Hubungan Antarabangsa (UKM Global)



Rajah 21: Statistik Pelajar Mobiliti ke UKM 2020



Sumber: Pusat Hubungan Antarabangsa (UKM Global)

Alumni

Alumni merupakan lambang kejayaan dan pencapaian sesebuah universiti. Sebagai sebuah universiti yang menganjak ke usia matang dan tersohor di persada kebangsaan dan antarabangsa, UKM sentiasa bangga dengan pencapaian alumninya yang kini telah berjaya dalam pelbagai bidang di peringkat antarabangsa. Sehingga tahun 2020, 3.8% daripada jumlah alumni adalah alumni antarabangsa.

Chapter Antarabangsa

Mulai tahun 2019, hubungan antara Ikatan Keluarga Alumni (IKA) UKM Indonesia terus diperkukuhkan. Walaupun dunia dilanda pandemik Covid-19, hubungan antara UKM dan Ikatan Keluarga Alumni (IKA) Indonesia tetap utuh dan peluang kerjasama sentiasa diteroka dan diperkuatkan. Pada 25 Jun 2020, IKA Indonesia dengan kerjasama Pusat Perhubungan Alumni UKM telah menganjurkan Webinar bertajuk "Peran Alumni UKM Indonesia dalam Pembangunan Berkelanjutan Akibat Dampak COVID-19" melalui aplikasi Zoom. Kerjasama akan diteruskan dengan penganjuran Simposium UKM-IKA Indonesia pada tahun 2021.



Selain itu, universiti turut berusaha untuk mewujudkan *chapter-chapter* alumni antarabangsa lain. Mesyuarat secara maya telah diadakan bersama wakil alumni China pada 17 Oktober 2020 yang dipimpin oleh Encik Samuel Lee, wakil ahli Majlis Alumni UKM bagi membincangkan tentang pembentukan dan pelantikan jawatankuasa *chapter* dan kini universiti sedang mengembangkan jaringan antarabangsa ke Libya pula.

Program Anjuran Fakulti Bersama Alumni Antarabangsa

Bil	Nama Program	Rakan Kerjasama	Objektif Program	Kategori Aktiviti	Tarikh/Pelantar Aktiviti
1	MASBIC Webinar Series: Towards AI Driven On-Demand Generation Of Therapeutic Antibodies	Dr. Rahmad Akbar (Alumni FST 2007)	Seminar MASBIC	Akademik dan Penyelidikan	13 Ogos 2021 Webex
2	MANUSCRIPT WRITING WORKSOP- Department of Biological Sciences and Biotechnology, FST UKM	Dr. Rahmad Akbar (Alumni FST 2007)	Bengkel Penulisan	Akademik dan Penyelidikan	27 - 28 September 2021 Microsof Teams
3	4th International Symposium on Insects 2020	Dr. Dewi Sartiami (Alumni 2019)	Seminar Entoma-anjuran bersama USM-UKM (CIS, FST)	Akademik dan Penyelidikan	1 - 2 Disember 2020 Zoom
4	Bengkel Lucid	Dr. Dewi Sartiami (Alumni 2019)-AJK program	Bengkel Anjuran CIS bersama Universiti Bogor Indonesia	Akademik dan Penyelidikan	23 - 24 Februari 2021 Zoom
5	Basic digital mammography webinar	Encik Mohd Esnu Khalidi Abd Halim – Singapore	Pendedahan pengetahuan asas mammography digital	Akademik	17 Disember 2020 Dalam Talian
6	Webinar “From Student to Professional Life”	Miss Jasmin Lip - Singapore	Pendedahan dunia dan alam pekerjaan professional kepada pelajar	Akademik	6 Mei 2020 Dalam Talian
7	Panelist Forum Minggu 3M bertarikh	Dr. Tan Kah Ooi, Cofounder & Director of Business Development Opthalmic Technologies, President of Asia Optometric Congress	Perkongsian kejayaan dan kerjaya kepada pelajar baru	Akademik	6 Oktober 2020 Dalam Talian
8	Virtual Mobility Program Education & Research 2021	Encik Mohd Dziehan Mustapha (FFAR 2003) Mr. Harry Ng Sheng Xnyg (FFAR 2005) Mdm Karen Wong Yoke Sim (FFAR 2005) Col Mohd Azrizal Mat Rahim (FFAR 2004)	Program Mobility dan Pengantarabangsaan	Akademik & Penyelidikan	3, 4 & 11 September 2021 Zoom
9	Persidangan Farmakometrik Jepun 2020	Dr Nor Asyikin Mohd Tahir	Persidangan	Penyelidikan	22 – 23 Januari 2020 Keio University, Mita Campus Jepun
10	International Research Conference on Pharmaceutical and Allied Sciences 2020	AP Dr. Muhammad Junaid Farrukh, UCSI (AJK Program & Publisiti)	Persidangan anjuran bersama UCSI-UKM	Penyelidikan	7 – 8 September 2020 Le Quadri Hotel
11	International Webinar Teaching & Learning Mathematics in Post Pandemic Era	Universitas Siliwagi	Memperkasa Pengajaran dan Pembelajaran Matematik Pasca Covid-19	Akademik	Tarikh: 03/08/2020 Tempat: Atas talian Pelantar: Zoom
12	Alumni Powertalk	Dr. Norhisyam (Penasihat di Kedutaan Malaysia, The Hague Belanda)	Sesi perkongsian tentang kepelbagaian peluang pekerjaan oleh alumni tersohor FUU	Akademik	Tarikh: 26 Disember 2020 Tempat/ Pelantar: ZOOM FB Live

Komuniti

Sebagai jambatan utama universiti dengan komuniti, Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) UKM berperanan untuk memperkasa komuniti melalui kepakaran universiti bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat sama ada dalam negara ataupun luar negara selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) yang menjadi paksi kepada kelestarian hubungan dinamik di antara universiti, kerajaan, industri dan juga masyarakat.

Penglibatan aktif UKM dalam program-program komuniti dalam dan luar negara antaranya adalah ASEAN Youth Volunteer Programme (AYVP), Pusat Pendidikan Komuniti UKM-CIMB Islamic, Pos Gob, Gua Musang, Kembara UKM-Pondok Bantan dan Maxis eKelas.

E-ASEAN Youth Volunteer Programme (AYVP) 2020

Program Sukarelawan Belia ASEAN (AYVP) di UKM dengan sokongan Sekretariat ASEAN dan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS) telah bekerjasama untuk menjadi tuan rumah *E-ASEAN Youth Volunteer Programme* (E-AYVP) Malaysia 2020 yang pertama pada 9 sehingga 20 November 2020.

Buat julung kalinya, edisi pertama secara dalam talian ini yang juga memasuki tahun kelapan penganjuran adalah berperanan sebagai platform sukarelawan belia yang berdedikasi yang bermaksud untuk mewujudkan peluang dalam kesukarelawanan yang didorong oleh pengetahuan, menyokong pertukaran pengalaman belajar, mengembangkan kemampuan, meningkatkan pemahaman lintas budaya, dan membentuk rasa identiti serantau ketika perbezaan yang berterusan untuk masyarakat di seluruh ASEAN.

Oleh itu dengan tema “Redesigning the Education in the New Normal”, program satu minggu ini menampilkan lebih dari sembilan (9) webinar dalam talian yang berfokus pada ASEAN dan enam (6) kelas induk bertujuan untuk mengembangkan pemimpin masa depan ASEAN, para belia yang akan memimpin dalam merancang semula pendidikan, terutama dalam keadaan baharu ini, bersama dengan masyarakat setempat. Pelan Kerja ASEAN mengenai Belia (ASEAN Work Plan on Youth) 2021 – 2025 telah menggariskan AYVP sebagai agenda penting. UKM adalah satu-satunya universiti di ASEAN yang memikul agenda sukarelawan dalam pelan kerja ini.





“ Untuk menjadi sukarelawan, setiap orang mesti bermula tanpa pengalaman untuk mempunyai pengalaman”
– Yang Amat Mulia Tunku Zain Al-’Abidin ibni Tuanku Muhriz, Felo Diraja

Maxis eKelas - UKM

Bagi memberi pengalaman pembelajaran digital yang menyeronokkan kepada pelajar sekolah, UKM menerusi Fakulti Pendidikan dan Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC UKM) dengan kerjasama Maxis Berhad telah melaksanakan program Maxis eKelas. Kerjasama yang termeterai antara dua pihak tersebut telah terjalin menerusi Memorandum Perjanjian (MoA) selama dua tahun dan berakhir pada 22 Jun 2021. Bagi meraikan penutup kepada kerjasama tersebut satu majlis Maxis eKelas - *UKM collaboration wrap up & sharing session* telah diadakan secara dalam talian.

Program yang telah dilaksanakan selama tiga musim ini menawarkan cara pembelajaran yang menyeronokkan menerusi penyediaan akses percuma kepada kandungan pendidikan berkualiti dan pelbagai aktiviti menarik selaras dengan Sukatan Pelajaran Malaysia. Program ini juga memfokuskan kepada tiga subjek utama iaitu Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris untuk pelajar Tahun 6 hingga Tingkatan 5 seluruh negara. UCTC-UKM sebagai penyelaras kepada MoA bagi projek Maxis eKelas.

Fakulti Pendidikan yang merupakan penggerak utama dalam menjayakan projek ini turut dibantu oleh pensyarah daripada Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina, Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI) serta Fakulti Sains dan Teknologi. Hasil kerjasama selama dua tahun ini, para pelajar Fakulti Pendidikan UKM menjadi pencipta kandungan video pembelajaran dan Maxis sebagai kolaborator industri yang menyediakan kepakaran dalam teknologi dan digitalisasi. Sepanjang tempoh kolaborasi ini telah berjaya mengadakan tiga kumpulan pelajar, tiga pusingan bengkel penciptaan bersama, dan menghasilkan 177 video yang merangkumi 35 topik dalam Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris untuk pelajar Malaysia. Maxis eKelas telah melancarkan video pendidikan pertama dalam 3 musim yang dipanggil #CikguCikguUKM di saluran Youtube. Video-video ini direka khas untuk membantu pelajar eKelas memahami topik terpilih dalam tiga subjek teras Maxis eKelas ini.



Persidangan Antarabangsa University For Society (U4SIC)

University for Society (U4S) telah dicetuskan oleh Yang Berhormat (YB) Menteri Pendidikan semasa Perutusan Amanat Tahun 2019 di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 14 Januari 2019 yang lepas. YB Menteri Pendidikan telah menekankan bahawa peranan universiti hendaklah berfokus kepada memberi faedah kepada masyarakat manakala sekolah berperanan untuk memberi faedah kepada komuniti setempat.

Kementerian Pengajian Tinggi dipertanggungjawabkan untuk memastikan amanat tersebut dapat dicapai dan diaplikasikan kepada semua universiti. Selaras dengan itu, Universiti Kebangsaan Malaysia bersama-sama dengan Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia bersama-sama mengintegrasikan persidangan antarabangsa masing-masing menjadi Persidangan Antarabangsa *University for Society* (U4S International Conference) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Tinggi yang telah diadakan secara dalam talian pada 18 November 2020. Tema persidangan ini adalah *How Community Engagement Can Drive Innovative Sustainability in 4IR Era.* Persidangan ini telah dapat menarik ramai penyertaan daripada luar negara terutama fokus peserta daripada negara ASEAN. Tiga Persidangan yang diintegerasikan di bawah U4S *International Conference* ini adalah *5th AsiaEngage Regional Conference : UKM, UM Academia-Community Engagement (UMACE) Symposium* : UM dan 4th APUCEN SUMMIT: USM.

Objektif penganjuran persidangan ini adalah :

i. Mewujudkan satu Persidangan Antarabangsa *University for Society* yang mengintegarsikan semua persidangan berkaitan masyarakat di Universiti Awam bagi menarik lebih ramai pembentang dan peserta antarabangsa.
ii. Menjimatkan kos dan sumber manusia dalam perancangan dan pelaksanaan persidangan serta mencapai situasi menang-menang bagi universiti-universiti awam yang terlibat.
iii. Menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi dalam menyokong perkembangan pengajian tinggi di Malaysia
iv. Menyediakan satu platform antarabangsa yang berskala besar di mana semua pembentang dari kerajaan, universiti, komuniti dan industri serantau Asia dapat berkongsi idea, rangka kerja dan amalan terbaik untuk komuniti.
v. Memastikan Persidangan Antarabangsa *University for Society* menjadi pemangkin kepada perkembangan rangkaian rakan strategik universiti-universiti awam.

Persidangan ini julung kalinya diadakan secara dalam talian dengan kolaborasi daripada tiga universiti. Persidangan ini berjaya menarik 200 orang pembentang dari seluruh dunia termasuklah Jepun, Pakistan, Jerman, Poland, Kanada, Belanda, 30 ahli ASEAN University Network, 470 orang peserta belia ASEAN Youth Volunteer Programme dari negara-negara ASEAN+3 (Jepun, Korea dan China).

Persidangan ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia dan kemudian disusuli dengan pembukaan melalui Ucaptama oleh YBhg Tan Sri Lee Lam Thye, Pengerusi Yayasan Sukarelawan Siswa. Seterusnya persidangan bermula serentak di bawah penganjuran masing-masing dan setiap peserta boleh menghadiri mana-mana persidangan di bawah U4S International Conference ini.




Zoom Webinar
Recording...
View
Unmute
Stop Video
Participants
Q&A
Polls
Chat
Share Screen
Pause/Stop Recording
More
End

Pusat Pendidikan Komuniti UKM-CIMB Islamic, Pos Gob, Gua Musang, Kelantan

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan sokongan CIMB Islamic telah menjejaki permasalahan keciciran pendidikan di kalangan anak Orang Asli di Pos Gob pada Jun 2016. Kajian mendapati 70% - 90% kanak-kanak Orang Asli tidak bersekolah. Sepanjang pusat pendidikan ini beroperasi bermula Mei 2017 sehingga 2021 seramai 156 orang murid telah mendapat pendidikan awal di sini bermula umur 4 tahun sehingga 10 tahun dengan dibantu oleh 8 orang belia yang dilantik sebagai tenaga pengajar. Inisiatif ini akhirnya mula membuahkan hasil pada 2019, apabila 14 orang murid Pos Gob telah didaftarkan di Sekolah Kebangsaan Kuala Betis manakala 2 orang murid lagi di Sekolah Menengah. Sehingga kini, 50 orang murid telah kembali ke sistem pendidikan arus perdana selepas belajar di Pusat Pendidikan Komuniti UKM-CIMB Islamic, Pos Gob, Gua Musang, Kelantan.



Masyarakat di Pos Gob menjalankan aktiviti ekonomi sara diri seperti penanaman padi huma, ubi kayu, dan mencari hasil hutan serta menoreh getah sebagai sumber pendapatan. Purata hasil pendapatan mereka RM150 sebulan dan diketegorikan sebagai miskin tegar namun faktor geografi yang menarik di kawasan Pos Gob seperti air terjun serta kawasan hutan semulajadi menjadikan kawasan tersebut sangat sesuai untuk aktiviti eko-pelancongan. Melalui konsep *learning transfer knowledge,* UKM menggunakan kepakaran yang sedia ada membantu serta merencana aktiviti sosio ekonomi yang baru di kawasan Pos Gob. Dengan bantuan UKM pembinaan 19 rumah inap, satu dewan, satu rumah budaya dan kemudahan tandas awam dibangunkan untuk menarik kehadiran pelancong. Dalam memastikan projek ini berjaya, pihak UKM telah menganjurkan ASEAN Youth Volunteer Programme (AYVP 2019) yang melibatkan 50 orang belia dari negara ASEAN berkampung di Pos Gob daripada 16 hingga 20 Ogos 2019. Program ini sebagai simulasi terbaik kepada masyarakat untuk mereka menerima kehadiran pelancong di kawasan tersebut. Hasil usaha mereka telah mencatatkan kehadiran pelancong seramai 1225 orang bermula Ogos 2019 sehingga Mac 2020.

UKM menerusi kepelbagaian kepakaran yang ada memberi latihan kepada belia Pos Gob dari aspek penyediaan makanan, latihan pengurusan dan kraftangan. Demi memacu kejayaan projek ini UCTC UKM memperkenalkan kepada penduduk Pos Gob tentang koperasi dan kebaikannya kepada Komuniti Pos Gob sebagai langkah jangka panjang dalam menjana ekonomi di kawasan tersebut agar libat urus lebih teratur. Selain itu lawatan kerja ke Chelet Pos Yum di Perak dan Koperasi Kilim di Langkawi telah membuka minda mereka tentang kepentingan koperasi.



Kajian Pemerkasaan Modal Insan TLDM untuk Kecemerlangan Prestasi The Navy People

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC UKM) telah mendapat kepercayaan daripada Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) untuk mengadakan sebuah kajian terhadap institusi keluarga TLDM. Tujuan kajian ini adalah untuk memperkasakan kesiagaan keluarga TLDM dami meningkatkan kecemerlangan *The Navy People* dan TLDM amnya. Kajian ini melibatkan penglibatan penyelidik daripada Pusat Kajian Pskiologi dan Kesejahteraan Manusia (PsiTra), Pusat Pendidikan Citra UKM (CITRA UKM) dan khidmat kepakaran daripada penyelidik Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Kajian ini berlangsung selama 10 bulan bermula 1 September 2020 hingga 30 Jun 2021. Kutipan data bagi pelaksanaan kajian tersebut dilakukan di lima buah pangkalan utama TLDM iaitu di Lumut, Teluk Sepanggar, Tanjung Gelang, Sandakan dan Tanjung Pengelih. Semasa pelaksanaan kutipan data, hanya dua pangkalan sahaja yang dapat dilaksanakan secara fizikal iaitu di pangkalan Kota Kinabalu dan Sandakan disebabkan oleh berlakunya penularan wabak COVID-19 yang melanda dunia. Kutipan data selebihnya telah dilaksanakan secara atas talian.

Kajian ini menggunakan gabungan pendekatan kuantitatif melalui kaedah soal selidik dan pendekatan kualitatif melalui kaedah temu bual kumpulan fokus (Focus Group Discussion atau FGD). Bagi temu bual soal selidik melibatkan 894 orang informan dan bagi kaedah FGD pula seramai 274 orang responden telah ditemu bual. Penglibatan sampel kajian yang terdiri daripada ahli keluarga, anggota TLDM dan juga ahli organisasi BAKAT Laut.

Hasil daripada kutipan data dan kajian yang telah dijalankan selama 10 bulan seterusnya dibentangkan oleh para penyelidik UKM kepada Panglima Tentera Laut, Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany di Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF).





Penutup

Dasar pembinaan Universiti Kebangsaan Malaysia yang ingin membangunkan anak bangsa semakin membuahkan hasil yang boleh dibanggakan di pelbagai peringkat. Berikutan penggemblengan tenaga dan usaha yang rapat di antara kakitangan UKM, masyarakat, industri dan alumni, UKM kini semakin dikenali di seantero dunia dari pelbagai disiplin dan segi.

Usahasama sebegini akan diteruskan dan diperkasakan pada tahun mendatang untuk meneruskan tradisi membangun anak bangsa dan juga negara.

Tumbuh berjajar pohon celagi,
Daunnya lebat banyak buahnya,
Apa guna berilmu tinggi,
Kalau tidak dengan amalnya.

Bunga lemuni di balik kemumu,
Tumbuhnya bersela pohon siantan,
Kepalang duduk menuntut ilmu,
Pasir sebutir jadikan intan.

Hendak belayar ke Pulau Betung,
Sambil mencuba melabuh pukat,
Bulat air kerana pembentung,
Bulat manusia kerana muafakat.



Dari Masyarakat Kami Datang, Kepada Masyarakat Kami Kembali

Universiti Kebangsaan Malaysia
The National University of Malaysia



Penyerlahan Bakat

Universiti Kebangsaan Malaysia

Staf Kompetensi Tonggak Kecemerlangan Organisasi

Sehingga 31 Disember 2020, UKM mempunyai 9,599 orang staf yang terdiri daripada staf akademik, pengurusan & profesional (P&P) dan pelaksana. Jumlah ini merangkumi Kampus Bangi dan Kampus Kuala Lumpur, termasuk Hospital Pengajar iaitu Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) dan Hospital Pakar Kanak-kanak (HPKK).



Rajah 22: Jumlah Staf UKM Mengikut Kampus

**Sumber Data: SMKV11*

Catatan: Jumlah staf termasuk kakitangan lantikan kontrak, kontrak selepas bersara dan sementara.



Rajah 23: Jumlah Keseluruhan Staf UKM Mengikut Tahun

**Sumber Data: SMKV11*

Pada tahun 2020, terdapat peningkatan jumlah staf UKM berbanding tahun 2019 sebanyak 0.16% bersamaan 31 orang. Faktor ini disebabkan terdapatnya peningkatan bilangan perjawatan yang diluluskan oleh kerajaan sesuai dengan keperluan pada tahun 2020 iaitu bagi HPKK.

Perjawatan

Pada tahun 2020, UKM telah melantik 135 staf baharu bagi menampung keperluan sumber manusia di setiap Pusat Tanggungjawab (PTj). Seramai 62 orang daripada jumlah tersebut adalah staf akademik dan 73 staf P&P dan pelaksana (Jadual 2).

Jadual 2: Jumlah Pengisian Jawatan Mengikut Tahun

Perkara	Tahun			
	2017	2018	2019	2020
Staf Akademik	114	82	44	50
Staf Pengurusan dan Profesional	30	23	40	31
Staf Pelaksana	45	81	71	54
JUMLAH	**189**	**186**	**155**	**135**

**Sumber Data: SMKV11*

Pelantikan tahun 2020 mengikut gred jawatan adalah seperti berikut:



Rajah 24: Lantikan Staf Akademik Mengikut Gred [Pensyarah Universiti (DS51/DS53) & Penyarah Perubatan (DU51}) dan Taraf Jawatan

**Sumber Data: SMKV11*



Rajah 25: Lantikan Staf Pengurusan & Profesional dan Pelaksana Mengikut Gred

Pelantikan staf akademik adalah sebagai pelapis kepada staf akademik sedia ada serta mereka yang telah bersara bagi memastikan UKM terus mempunyai pakar bidang yang mejadi rujukan kepada Negara selain mengantarabangsakan UKM melalui lantikan dari luar negara melalui aktiviti kolaborasi dengan pakar-pakar bidang. Pelantikan staf Pengurusan dan Profesional dan Pelaksana bagi memastikan sokongan kepada aktiviti keilmuan di UKM berterusan dengan mengambil staf sokongan yang berkualiti dan berketerampilan.

Kenaikan Pangkat Staf

UKM menyokong kemajuan kerjaya staf melalui peluang kenaikan pangkat. Kenaikan pangkat staf akademik diukur melalui jalur kecemerlangan pengajaran & pembelajaran, penyelidikan, kepimpinan dan profesional. Kenaikan pangkat staf P&P dan pelaksana ditentukan mengikut syarat dalam skim perkhidmatan dan kecemerlangan prestasi.

Statistik Kenaikan Pangkat mengikut kategori adalah seperti berikut:



Rajah 26: Bilangan Kenaikan Pangkat Staf 2020 Mengikut Kategori

**Sumber Data: SMKV11*

Pecahan bilangan staf mengikut jenis kenaikan pangkat adalah seperti berikut;

105
Akademik

- Prof : 24
- Prof. Madya : 32
- Laluan Kerjaya : 49

66
Pengurusan & Profesional

- Guru Bahasa : 12
- Merit : 26
- Fleksi : 28

127
Pelaksana

- TBK : 65
- Merit : 62

Laluan Kerjaya	Kenaikan pangkat beraaskan pengalaman dan pakar bidang
Merit	Kenaikan pangkat seseorang kakitangan yang telah memenuhi syarat kelayakan
Fleksi /TBK	Kenaikan pangkat *time-based* berasaskan kecemerlangan secara KUP setelah berkhidmat selama 6 tahun bagi Pengurusan dan Profesional dan 13 tahun untuk Pelaksana

Pelantikan Khas

UKM juga telah mendapatkan kepakaran daripada agensi luar sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa melalui pelantikan Profesor Pelawat, Penyandang Kursi, Sarjana Tamu dan Profesor Adjung. Sehingga 31 Disember 2020 UKM telah melantik seramai 28 orang di bawah bawah Skim Lantikan Khas.

Felo DiRaja	1
Penyandang Kursi Kurniaan	1
Profesor Pelawat	5
Profesor Kehormat	16
Profesor Ikhtisas	1
Sarjana Tamu	4

Pelantikan Profesor Pelawat Antarabangsa Tersohor

UKM telah melantik 24 orang Profesor Pelawat Antarabangsa Tersohor yang dilantik secara *Contract of Service* sepenuh masa.



FAKULTI (F)	INSTITUT (I)	PUSAT (P)
• FKAB 5 • FPER 2 • FSK 1 • FST 2 • FEP 1 • FGG 1	• INBIOSIS 1 • LESTARI 1 • IKMAS 3 • IMEN 3 • IVI 2 • UMBI 1	• CITRA 1

Rajah 27: Jumlah Pelantikan Profesor Antarabangsa Tersohor Mengikut Negara
**Sumber Data: SMK11*

Cuti Belajar

UKM menyediakan kemudahan Cuti Belajar bagi memastikan kelayakan akademik dan kompetensi warga berada pada tahap tinggi. Pada tahun 2020, UKM meluluskan seramai **13 orang** yang terdiri daripada 12 staf akademik, iaitu tiga (3) orang daripadanya melanjutkan pengajian di luar negara dan Sembilan (9) orang dalam negara, dan seorang staf P&P melanjutkan pengajian peringkat sarjana dalam negara.

Jumlah yang diluluskan bercuti belajar mulai tahun 2020.



**Sumber Data: SMK11*

Secara keseluruhan, staf UKM yang sedang Cuti Belajar sehingga Disember 2020 ialah sebanyak 116 orang iaitu 107 orang staf akademik dan Sembilan (9) orang staf Pengurusan dan Profesional.

Daripada 116 orang staf tersebut, seramai 20 orang berada di luar negara dan 11 orang daripadanya menyambung pengajian di 50 universiti teratas berdasarkan *QS World University Ranking* iaitu University of Oxford (3), University of Cambridge (1), University of Edinburgh (1), Peking University (1), King's College (3), University of Melbourne (1), dan University of Sydney (1). Ketetapan KPT mengenai pemilihan tempat pengajian dari 100 ke 50 universiti ke atas dalam senarai *QS World University Ranking* menjadi pendorong utama pemilihan penempatan di unversiti terkemuka.



**Sumber Data: SMK11*

Cuti Sabatikal

Cuti Sabatikal adalah salah kemudahan yang diberikan kepada staf akademik sebagai satu galakan untuk mencapai kecemerlangan di dalam pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan untuk menghasilkan lebih banyak penyelidikan berdampak dan penerbitan yang lebih berimpak tinggi mahupun menerokai bidang baharu. Pada tahun 2020, terdapat tujuh (7) permohonan diterima iaitu empat (4) diluluskan, dua (2) ditolak dan satu (1) menangguhkan Cuti Sabatikal. Butiran data adalah seperti berikut mengikut fakulti:



**Sumber Data: SMK11*

Anugerah dan Pengiktirafan

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 97 anugerah dan pengiktirafan diperoleh cendekiawan dan pentadbir UKM dalam pelbagai bidang kepakaran pada peringkat antarabangsa dan kebangsaan, iaitu 25 di peringkat antarabangsa dan 72 di peringkat kebangsaan. Jumlah anugerah dan pengiktirafan mengikut bidang:

Bidang	Anugerah dan Pengiktirafan		Anugerah Pameran Penyelidikan (Pingat Emas/Anugerah Khas)		JUMLAH
	Antarabangsa	Kebangsaan	Antarabangsa	Kebangsaan	
Sains	15	25	2	19	61
Sains Sosial	3	14	5	14	36
Jumlah Keseluruhan	**18**	**39**	**7**	**33**	**97**

Pengukuhan Kualiti

Konvensyen KIK Peringkat UKM Kali ke-24

Konvensyen Inovasi dan Kreativiti Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Peringkat UKM Kali ke-24 Tahun 2020 telah berlangsung dengan jayanya pada 12 Mac 2020 (Khamis) di Dewan Kuliah Utama Pusat Siswazah (Pembentangan Kumpulan KIK Pengurusan), Bilik Seminar 1, UKM-GSB (Pembentangan Kumpulan KIK Teknikal). Penganjuran konvensyen pada kali merupakan penganjuran yang berskala besar yang mendapat sambutan penyertaan daripada 21 Kumpulan (14 Kumpulan KIK) yang membentangkan hasil projek mereka kepada panel penilai.

Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Peringkat Universiti Awam Kali ke-15 pula telah diadakan dari 19 hingga 21 Ogos 2019 di Universiti Malaya. Dua kategori telah dipertandingkan dalam konvensyen ini iaitu kategori pengurusan dan kategori teknikal. Konvensyen ini disertai oleh 39 delegasi dari pelbagai Universiti Awam di Malaysia. Kumpulan KIK Sinaran, Jabatan Perkhidmatan Radiologi, HCTM, Kumpulan Save daripada Perpustakaan Tun Sri Lanang UKM, dan Kumpulan Warisan daripada Perpustakaan Tun Sri Lanang telah mewakili Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam konvenvensyen berkenaan.

Kumpulan Sinaran telah muncul sebagai Naib Johan dalam Kategori Teknikal selain menerima Anugerah Emas manakala Kumpulan Save pula telah menerima Anugerah Inovasi Harapan dalam Kategori Pengurusan dan juga menerima Anugerah Emas. Kumpulan Warisan masing-masing telah menerima Anugerah Emas.





Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Peringkat Universiti Awam Kali ke-15 Tahun 2019 di Universiti Teknikal Malaysia (UteM) Melaka





Pembangunan Kepimpinan dan Keterampilan

Pusat Pembangunan Profesional dan Kepimpinan (Profesional-UKM) meneruskan peranannya sebagai sebuah pusat tanggungjawab yang menjalankan fungsi membangunkan polisi dan menguruskan program pembangunan staf UKM sejak 2014. Analisis kehadiran dan penyertaan staf dalam program latihan dan program-program peningkatan kompetensi menunjukkan seramai 8063 staf iaitu 85.98% staf telah berjaya mencapai sasaran kehadiran 42 jam atau 7 hari latihan setahun seperti yang ditetapkan dalam objektif kualiti (85%), meskipun dikekang cabaran COVID 19 dan Perintah Kawalan Pergerakan. Sebanyak 145 kursus di bawah kendalian pusat telah dianjurkan pada tahun 2020 selain program-program seumpamanya yang dianjurkan oleh fakulti, institut dan pusat masing-masing bagi memastikan matlamat ini tercapai.

Ringkasan kategori program yang dijalankan

- Syarahan Umum
- Program Jati Diri dan Integriti
- Program Sangkutan
- Pengukuhan Kemajuan Kerjaya
- On the job training
- Program pembelajaran Berterusan (SPEAK) & EDD



Program Enhancing Communication Style (ECOMS)
26- 28 Februari 2020



Program Bual Mesra Bual Mesra Pensyarah Baharu bersama Naib Canselor UKM
29 Januari 2020



Program Transformasi Minda (PTM)
13 hingga 17 Januari 2020

Menawarkan Program Pembelajaran Berterusan bagi Meningkatkan Pengetahuan Akademik

Program Sarjana Pentadbiran Awam dan Kepimpinan (SPEAK) merupakan gabungan kursus-kursus kepimpinan dan pentadbiran yang ditawarkan oleh Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP) UKM dengan kerjasama beberapa fakulti dan pusat terpilih dalam UKM. Penganjuran Program SPEAK ini diuruskan oleh Pusat Pembangunan Profesional dan Kepimpinan (Profesional-UKM). Program ini bertujuan memantapkan ilmu pengurusan kepada mereka yang terlibat dalam pentadbiran dan pengurusan organisasi sama ada di sektor awam atau swasta.

Program Doktor Pendidikan Tinggi (DPT) pula adalah merupakan merupakan program peringkat Doktor Falsafah Fakulti Pendidikan UKM yang mengintegrasi secara strategik kursus-kursus relevan dan terpilih berkaitan pengurusan pendidikan tinggi. DPT merupakan program yang diuruskan oleh Pusat Pembangunan Profesional dan Kepimpinan (Profesional-UKM). Program DPT ini telah berjaya melahirkan graduan sulungnya iaitu Ts. Dr. Azura binti Ishak.

Nilai Universiti KAMI

Pada awal tahun 2020, Siri Program Jati Diri diteruskan dengan usaha menerapkan nilai bersama UKM seperti yang ditetapkan oleh pihak pengurusan tertinggi UKM seperti penerapan nilai Keserakanan dan Inovasi dalam kalangan Staf Pengurusan dan Profesional yang menyertai program-program anjuran Profesional-UKM seperti program-program kompetensi seperti Kisahku Kisahmu, dan program kepimpinan seperti Program Jati Diri, Program EoMPS dan Program ECoMS.

Siri Kursus Integriti diteruskan secara dalam talian bagi menerapkan nilai pegangan dalam diri Warga UKM iaitu "Saya Warga Berintegriti" dan Integriti Ketika Work from Home."



Memanfaatkan Peluang dan Pendekatan Secara dalam Talian

Penawaran kursus yang sebelum ini secara konvensional (bersekemuka fizikal) telah diubah kepada kursus secara dalam talian bagi memastikan usaha membangunkan staf berjalan lancar. Walaupun mendepani Pandemik Covid19, sebanyak lima (5) kursus sedia ada telah segera ditawarkan secara dalam talian menerusi Pelantar Pembestarian Bakat UKM, i.e., MayaBestari@UKM dan mendapat sambutan memberangsangkan. Profesional-UKM telah memanfaatkan kesediaan dan minat staf berkursus secara dalam talian dengan menawarkan 96 kursus lain menggunakan gandingan pelantar aplikasi Zoom dan MayaBestari@UKM.



Memanfaatkan Teknologi Digital

Sebahagian usaha memenuhi keperluan pengurusan latihan secara lebih cekap dan berkesan dalam era digital, Pusat Pembangunan Profesional dan Kepimpinan (Profesional-UKM) telah berjaya menambahbaik saluran pengurusan latihan dan pembangunan kompetensi staf melalui dua tindakan utama. Pertama, melalui pembangunan pelantar pembelajaran dalam talian iaitu Pelantar Maya Pembestarian Bakat UKM (MayaBestari@UKM) sejak 15 Jun, 2017 yang kini menjadi salah satu saluran utama pembangunan kompetensi staf UKM. Keduanya, penambahbaikan kepada sistem pengurusan latihan dengan menggantikan Sistem Pengurusan Latihan dalam talian (eSPeL) yang lama dengan Sistem Pengurusan Pembangunan Bakat UKM (UrusBakat) yang telah dilancarkan pada 30 Mei, 2021.

Profesional-UKM juga telah memperluaskan penggunaan MayaBestari@UKM dengan memastikan penambahan bilangan serta pembangunan kursus-kursus baharu yang sesuai dilakukan secara berterusan bagi membolehkan peningkatan kompetensi dan perkongsian ilmu dilaksanakan untuk staf semua skim dan gred jawatan.

Pelantar MayaBestari juga telah berjaya membantu proses pengesahan jawatan staf baharu apabila pelantar ini digunakan untuk keperluan Kursus Perkhidmatan (Program Transformasi Minda) bagi membolehkan staf terlibat menduduki peperiksaan perkhidmatan masing-masing secara dalam talian. Penggunaan Pelantar MayaBestari untuk tujuan ini telah membantu memastikan pandemik Covid19 dan Perintak Kawalan Pergerakan tidak menjejaskan atau menyebabkan tertangguhnya pengesahan jawatan staf yang layak.



Menjalin Kolaborasi dan Perkongsian Ilmu Melalui Program Sangkutan Industri

Pada tahun 2020, aktiviti sangkutan diteruskan dan disertai sembilan (9) orang peserta yang terdiri daripada Staf Akademik dan Staf Pengurusan dan Profesional. Penilaian dan penambahbaikan proses kerja bagi Program Sangkutan Industri dilakukan dengan memberi penumpuan kepada penambahbaikan Garis Panduan Sangkutan dan Prosedur Kerja. Ini bagi menghasilkan tadbir urus yang baik dan menggalakkan lebih ramai penyertaan.

Bagi mencapai matlamat:

- meningkatkan kompetensi dan pengalaman kerja bagi meningkatkan kualiti profesionalisme staf;
- mempelajari bagi tujuan mengadaptasi amalan terbaik tentang keperluan dan operasi sesebuah organisasi bagi memenuhi kehendak semasa;
- menjalankan penyelidikan di agensi bagi memberi nilai tambah kepada hasil penyelidikan kedua-dua pihak industri/ agensi kerajaan yang terlibat dan universiti;
- membangunkan bahan atau kajian kes yang relevan bagi kegunaan program pembangunan kompetensi UKM; dan membina dan mengukuhkan jaringan kerjasama dengan pihak agensi.

Taste Clinic of the Department of Othorhinolaryngology, the Faculty of Medicine Carl Gustav Carus, Technische Universität Dresden (TU Dresden), Jerman

Openlearning Global (M) Sdn. Bhd

Micro Precision Machining Sdn Bhd

CIMB Group

Group Human Capital, Menara Maybank

Malaysian Software Testing Board (MSTB), Puchong, Selangor

TNB Labs Sdn. Bhd.

ISEAS-YUSUF ISHAK, Singapura

Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi

Universiti Kebangsaan Malaysia
The National University of Malaysia



Kelestarian Pendanaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Kelestarian Pendanaan

'Kelestarian Pendanaan' merupakan strategi universiti dalam menjana kewangan bagi memastikan kelangsungan dan kecemerlangan universiti tidak terjejas. UKM memperkasa aktiviti-aktiviti penjanaan pendapatan dengan mengoptimumkan sumber dan aset sedia ada, serta idea penjanaan baharu dalam usaha meningkatkan hasil penjanaan dalaman universiti.

Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan bagi mengekang penularan pandemik Covid-19. Pelaksanaan PKP ini memberikan impak kepada ekonomi negara dan juga khususnya kepada penjanaan pendapatan di UKM.

Banyak inisiatif penjanaan pendapatan yang dirancang tidak dapat dilaksanakan dan hasil komersial melalui sewaan ruang serta fasiliti terjejas akibat sekatan aktiviti sepanjang pelaksanaan PKP.

Ringkasan Prestasi Penjanaan Pendapatan Lima (5) Tahun

Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) 2015-2025, UKM menggerakkan inisiatif penjanaan pendapatan bagi melestarikan kewangan universiti agar UKM boleh berkembang maju dengan sumber kewangan yang kukuh dalam keadaan ekonomi global yang semakin mencabar.

Penglibatan dan penyertaan langsung dan bermakna oleh semua entiti yang berkemampuan di UKM membolehkan aktiviti-aktiviti penjanaan dilaksanakan. Usaha penjanaan dinilai bukan menggunakan konsep keuntungan perniagaan semata-mata tetapi menggarap konsep sumbangan yang lebih luas kepada UKM.

Trend pencapaian penjanaan pendapatan universiti bagi tempoh lima (5) tahun (2016-2020) ditunjukkan pada Rajah 28. Pelaksanaan PKP sungguhpun menjejaskan prestasi UKM, namun impaknya tidak ketara sehingga menjejaskan kelestarian kewangan.



Rajah 28: Pencapaian Penjanaan Pendapatan Bagi Tempoh Lima (5) Tahun (2016-2020)

Prestasi Penjanaan Pendapatan 2020

Penjanaan sumber dalaman bagi 2020 berjumlah RM472.48 juta berbanding RM436.57 juta pada tahun 2019 dengan peningkatan sebanyak 8.23% (RM35.91 juta) (Rajah 29).



Rajah 29: Sumber Penjanaan Dalaman Mengikut Kategori

Peningkatan hasil sumbangan dan penajaan sebanyak 47% (RM10.5 juta) berbanding tahun 2019. Sumbangan diterima daripada individu dan organisasi luar bagi membantu pelajar yang terkesan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Walaupun penjanaan sumber dalaman meningkat berbanding tahun 2019, namun terdapat penurunan hasil penjanaan utama universiti kesan pelaksanaan PKP. Penurunan hasil sumber dalaman 2020 ditunjukkan pada Rajah 30.

---

[1] *Jumlah penjanaan pendapatan diperoleh menggunakan definisi berikut: Yuran Pengajian + Yuran Penginapan + Pendapatan Penyelidikan + Hasil Barang dan Perkhidmatan + Hasil Sewaan + Pelaburan + Perkhidmatan hospital + Sumbangan dan Penjanaan Lain + Pendapatan Lain.*



Rajah 30: Impak Pelaksanaan PKP Kepada Hasil Penjanaan Sumber Dalaman Universiti

Merujuk kepada Rajah 30, penurunan hasil 2020 adalah dari sumber berikut:

- Yuran pengajian – Penurunan sebanyak 7% (RM10.3 juta) akibat sekatan kemasukan pelajar antarabangsa disebabkan penutupan sempadan negara dan pelaksanaan inisiatif pengurangan kadar yuran bagi meringankan beban pelajar.
- Yuran penginapan – Penurunan 76% (RM12.23 juta) kesan penutupan kampus dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian (online).
- Pendapatan penyelidikan – Penurunan geran penyelidikan luar sebanyak 22% (RM15.76 juta) akibat pihak industri menghadkan kolaborasi penyelidikan buat sementara waktu semasa pelaksanaan PKP.
- Sewaan – Penurunan sebanyak 28% (RM5.94 juta) akibat pemberian pengecualian, pengurungan dan penangguhan sewa (moratorium) kepada peniaga-peniaga/usahawan di premis milik UKM bagi membantu peniaga/usahawan yang terkesan atas pelaksanaan PKP.
- Faedah/dividen pelaburan – Penurunan 9% (RM4.27 juta) apabila Bank Negara Malaysia menurunkan kadar faedah wang semalaman (OPR) bagi mengurangkan kos pinjaman dan seterusnya meningkatkan kecairan.
- Perkhidmatan hospital – Penurunan sebanyak 8% (RM6.6 juta) akibat pengurangan hasil operasi pesakit.

UKM Mendepani Krisis

UKM prihatin dan mengambil berat kebajikan semua warga kampus yang terkesan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah pengurangan kadar yuran bagi meringankan beban kewangan pelajar. Kesan pengurangan kadar yuran telah memberikan implikasi kewangan sebanyak RM11.7 juta bagi tahun 2020.

Selain itu, UKM juga melaksanakan inisiatif tambahan dengan pemberian pengecualian, pengurungan dan penangguhan sewa kepada peniaga-peniaga/usahawan di premis milik UKM bagi membantu peniaga/usahawan yang terjejas. Inisiatif ini memberikan implikasi kewangan sebanyak RM8.6 juta bagi tahun 2020 dan inisiatif ini sedikit sebanyak dapat membantu peniaga/usahawan meneruskan kelangsungan perniagaan mereka dan bangkit semula setelah terjejas akibat penularan pandemik Covid-19. Penurunan pendapatan ini diimbangi dengan penjimatan kos operasi universiti sebanyak RM32 juta seperti berikut:

BUTIRAN	SEBENAR 2019	SEBENAR 2020	VARIAN 2020 vs 2019		CATATAN
	(RM)	**(RM)**	**(RM)**	%	
Perjalanan & Sarahidup	2,194,697	654,579	-1,540,118	-70%	Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tidak membenarkan perjalanan dibuat terutamanya ke luar negara.
Perhubungan & Utiliti	57,310,003	44,864,699	-12,445,304	-22%	Penjimatan utiliti disebabkan pelaksanaan BDR & PdP.
Sewaan	10,263,923	7,014,796	-3,249,127	-32%	Pengurangan perbelanjaan bagi sewaan bas.
Bekalan Pakai Habis	13,813,975	10,639,973	-3,174,002	-23%	Aktiviti PdP banyak dilaksanakan dalam talian menyebabkan kurangnya pembelian bahan pakai habis.
Penyelenggaraan & Pembaikan	47,642,383	43,338,520	-4,303,863	-9%	
Perkhidmatan Ikhtisas & Hospitaliti	21,610,709	17,860,822	-3,749,887	-17%	
Dermasiswa & Bantuan Pelajaran	1,658,208	625,269	-1,032,939	-62%	Kekurangan staf yang cuti belajar ke luar negara.
Cukai & Insurans	5,719,185	3,212,251	-2,506,934	-44%	
JUMLAH	**160,213,083**	**128,210,909**	**-32,002,174**	**-20%**	

Perolehan darurat dilaksanakan dalam tempoh pandemik untuk menyokong operasi universiti yang kritikal supaya tidak menjejaskan perkhidmatan universiti. Sebanyak 51 perolehan darurat telah dilaksanakan seperti berikut:

Kategori	**Bil**	**Jumlah (RM)**
Peralatan	25	5,423,980
Pakai habis (PPE)	13	1,136,829
Bekalan ujian makmal	5	768,072
Makanan	1	1,396,080
Penyelenggaraan	2	173,430
Pengangkutan	5	1,942,479
Jumlah	**51**	**10,840,870**

Prestasi Kewangan

Penyata kewangan UKM bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah disediakan dengan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS – *Malaysian Public Sector Accounting Standards*) dengan mengambil kira pengecualian yang mana dibenarkan. MPSAS 33 membenarkan pengecualian peralihan di mana entiti diberi tempoh sehingga 3 tahun untuk mengiktiraf aset dan/atau liabiliti tertentu.

Dalam peralihan kepada MPSAS, Kumpulan dan Universiti mengambil kesempatan daripada pengecualian peralihan ini terhadap penggunaan MPSAS 17, Hartanah, Loji dan Peralatan berkenaan dengan pengiktirafan aset infrastruktur. Pada tahun sebelumnya, aset infrastruktur tidak dipermodalkan. Universiti akan mengenal pasti dan mempermodalkan aset infrastruktur secara berperingkat sepanjang tempoh yang dibenarkan.

Ringkasan Penyata Prestasi Kewangan
Pendapatan dan Perbelanjaan (Kumpulan)

RM232j
URUSNIAGA TUKARAN

Urusniaga Pertukaran	%
Yuran Pelajar	24
Perkhidmatan Perubatan	30
Pendapatan Penyelidikan	6
Pendapatan Kewangan	19
Pendapatan Lain	21



RM1,260j
URUSNIAGA BUKAN TUKARAN

Urusniaga Bukan Tukaran	%
Geran Mengurus	75
Geran Pembangunan Dilunaskan	4
Geran Penyelidikan Dilunaskan	3
Yuran Pelajar (disubsidi)	6
Perkhidmatan Perubatan (disubsidi)	6
Sumbangan dan Derma	3
Pendapatan Bukan Pertukaran Lain	3

RM226j
URUSNIAGA TUKARAN

Urusniaga Pertukaran	%
Yuran Pelajar	23
Perkhidmatan Perubatan	34
Pendapatan Penyelidikan	3
Pendapatan Kewangan	20
Pendapatan Lain	20



RM1,315j
URUSNIAGA BUKAN TUKARAN

Urusniaga Bukan Tukaran	%
Geran Mengurus	76
Geran Pembangunan Dilunaskan	3
Geran Penyelidikan Dilunaskan	5
Yuran Pelajar (disubsidi)	7
Perkhidmatan Perubatan (disubsidi)	4
Sumbangan dan Derma	2
Pendapatan Bukan Pertukaran Lain	4

Pendapatan keseluruhan kumpulan UKM menurun 3% berbanding tahun 2019 disebabkan oleh sekatan geran mengurus serta pengurangan yuran dan pemberian moratorium sewa akibat ancaman pandemik Covid-19





Perbelanjaan keseluruhan kumpulan UKM meningkat 7% berbanding tahun 2019 disebabkan oleh perubahan polisi rosotnilai aset kewangan dan pelarasan peruntukan manfaat pekerja (mengambilkira kos perubatan).

Penurunan pendapatan bersih kumpulan adalah disebabkan oleh perubahan kepada polisi dalam membuat rosotnilai untuk aset kewangan pada tahun 2020 dan pelarasan peruntukan manfaat pekerja (mengambilkira kos perubatan).



Ringkasan KEDUDUKAN ASET, LIABILITI DAN EKUITI



Jumlah aset bagi Kumpulan UKM meningkat sebanyak 7% disebabkan oleh penerimaan Bangunan Hospital Pakar Kanak-Kanak diterima pada hujung Disember 2020 dan penerimaan geran pembangunan yang lebih tinggi berbanding tahun lepas.



Jumlah liabiliti bagi Kumpulan UKM meningkat sebanyak 213% disebabkan oleh pengurangan yuran kepada pelajar akibat pandemik Covid-19, lebihan terimaan yuran diselaraskan semula dengan yuran pengajian semester berikutnya dan liabiliti konsesi perkhidmatan bagi bangunan Hospital Pakar Kanak-Kanak (PFI) telah diserahkan pada akhir Disember 2020.


2020
RM7,468b
Ekuiti (Kumpulan)
2% KW Pelaburan
3% KW Hasil
1% KW Entiti Perniagaan
1% KW Tabung Amanah & Akaun Khas
3% KW Penyelidikan
4% KW Mengurus
85% KW Pembangunan


2019
RM7,648b
Ekuiti (Kumpulan)
2% KW Pelaburan
1% KW Tabung Amanah & Akaun Khas
4% KW Hasil
2% KW Entiti Perniagaan
3% KW Penyelidikan
5% KW Mengurus
83% KW Pembangunan



UKM Boleh Berkembang Maju Dengan Pengurusan Sumber Kewangan Yang Kukuh

Universiti Kebangsaan Malaysia
The National University of Malaysia



Laporan

Hospital Pengajar UKM



Sepintas Lalu

Universiti Kebangsaan Malaysia telah mengorak langkah menjadi satu-satunya Universiti Awam di Malaysia yang memiliki dua (2) buah Hospital Pengajar iaitu Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) dan Hospital Pakar Kanak-kanak (HPKK). Secara umumnya kedua-dua hospital ini mempunyai fungsi yang sama dan jelas berbeza dengan fungsi hospital di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Fungsi Utama Hospital Pengajar ialah:

Perkhidmatan	Pendidikan	Penyelidikan
• Menyediakan perkhidmatan perawatan komprehensif • Pusat Rujukan Tertiari • Khidmat Perundingan Kepakaran	• Kemudahan latihan kepada Fakulti Perubatan dan Fakulti lain di UKM • Latihan Klinikal di Pusat-pusat Kecemerlangan • Latihan Sub-kepakaran kepada KKM, Universiti dalam dan luar negara.	• Menyokong penyelidikan berimpak tinggi • Bekerjasama dengan organisasi dalam dan luar negara.

Majlis Hospital Pengajar Universiti Kebangsaan Malaysia

Hospital Pengajar UKM dipandu oleh satu badan yang dikenali sebagai Majlis Hospital Pengajar UKM. Majlis berfungsi membincangkan semua polisi dan dasar berkaitan Hospital-hospital UKM, menerima laporan secara berkala berkaitan pengurusan hospital, kewangan hospital; dan pembangunan hospital, mencadangkan kepada pengurusan hospital langkah-langkah penambahbaikan dari semasa ke semasa; dan membuat pemantauan terhadap perjalanan hospital-hospital selari dengan halatuju yang digariskan.

Struktur Majlis adalah seperti berikut:

Pengerusi	Naib Canselor UKM
Ahli	Tiga (3) orang Ahli LPU tidak termasuk Pengerusi
	Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
	Pengarah Hospital Canselor Tuanku Muhriz
	Pengarah Hospital Pakar Kanak-kanak
	Dekan Fakulti Perubatan
	Dekan Fakulti Sains Kesihatan
	Dekan Fakulti Farmasi
	Dekan Fakulti Pergigian
	Pendaftar
	Bendahari
Setiausaha	Timbalan Pendaftar, Hospital Canselor Tuanku Muhriz

Sejarah Ringkas Hospital Canselor Tuanku Muhriz

Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) mula dibina pada 2 November 1993. Pembinaan HUKM dimulakan di tapak seluas 23 hektar di Jalan Yaakob Latiff, Bandar Tun Razak, Cheras Kuala Lumpur. Pada 1 Julai 1997, HUKM telah siap dibina dan memulakan operasi dilengkapi dengan pelbagai peralatan moden dan terkini. YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ketika itu telah merasmikannya pada 14 Julai 1998.

HUKM dinamakan Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) pada 14 Oktober 2014 dan telah disempurnakan perasmiannya oleh DYMM Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir, Canselor UKM. Penjenamaan baru ini, merupakan suatu pengiktirafan dan kebanggaan warga UKM terhadap kelangsungan kecemerlangan Hospital Pengajar bagi Fakulti Perubatan UKM yang ditubuhkan pada tahun 1997 untuk melahirkan pakar dalam pelbagai bidang perubatan dan kesihatan.

Pentadbiran HCTM disokong oleh 13 buah Jabatan Klinikal, 9 buah Jabatan Sokongan Klinikal, 6 buah Jabatan Pentadbiran dan 8 Pusat Kecemerlangan Hospital yang mempunyai peranan dan fungsi tersendiri bagi menyokong pentadbiran dan pengurusan HCTM.

Menyokong Kepada Penyelidikan Berimpak Tinggi



Pengajaran Bermutu Tinggi







Kepakaran Klinikal

Sesuai dengan kedudukannya sebagai Pusat Rujukan Tertiari, Hospital Pengajar UKM mempunyai pelbagai kepakaran sub kepakaran perubatan iaitu:

1) Adolescent Health In Primary Care
2) Advanced Acute Stroke Care and STEMI Network
3) Advanced Resuscitation
4) Anestesia dan Rawatan Intensif
5) Anestesia Kardiotorasik
6) Anestesia Obstetrik
7) Anestesia Pediatrik
8) Bedah Mulut dan Maksilofasial
9) Dermatologi
10) Dermatology In Primary Care
11) Endokrinologi & Metabolisma
12) Forensik
13) Gastroenterologi & Hepatologi
14) Geriatrik
15) Gigitan Ular & Toksikologi (Snake Envenoming & Toxinology)
16) Ginekologi
17) Ginekologi Pediatrik & Remaja (Paediatric Adolescents Gynaecology)
18) Glaukoma
19) Health Screening & Promotive Health
20) Hematologi
21) Hidung dan Dasar Otak
22) High Fidelity Clinical Simulation
23) Infertiliti
24) Kardiologi
25) Katarak
26) Kawalan Infeksi
27) Kepala dan Leher
28) Kornea
29) Laringologi (Tekak, Peti Suara)
30) Longterm Stroke Care
31) Makmal & Diagnostik
32) Maternal fetal medicine
33) Mikrobiologi Perubatan & Imunologi
34) Minimally Invasive Surgery (MIS)
35) Nefrologi
36) Neonatalogi
37) Neurologi
38) Neuro-Otologi
39) Neurosurgeri
40) Obstetrik & Ginekologi
41) Oftalmologi
42) Oftalmologi Pediatrik
43) Okuplastik
44) Onkologi Klinikal
45) Ortopedik Am
46) Otorinolaringologi (ENT)
47) Otorinolaringologi (Kanak-kanak)
48) Paliatif
49) Patologi (Anatomik)
50) Patologi (Forensik)
51) Patologi (Hematologi)
52) Patologi (Patologi Kimia)
53) Pediatrik Oftalmologi
54) Pembedahan Artroplasti
55) Pembedahan Kardiotorasik
56) Pembedahan Onkologi Ortopedik
57) Pembedahan Pediatrik
58) Pembedahan Plastik dan Rekonstruktif
59) Pembedahan Trauma, Kecederaan, Kaki dan Bukulali/ Rawatan Kaki Diabetik
60) Pembedahan tulang belakang (Spinal)
61) Pembedahan/Rawatan Kecederaan Sukan
62) Pemindahan Sum-sum Tulang
63) Pengurusan Kesakitan (Akut dan Kronik)
64) Penyakit Berjangkit
65) Perubatan Am dan Pediatrik Am
66) Perubatan Cara Kerja
67) Perubatan Kecemasan
68) Perubatan Keluarga
69) Perubatan Pemulihan
70) Perubatan Pemulihan Surgeri
71) Perubatan Rehabilitasi Ortopedik
72) Perubatan Reproduktif
73) Point-Of-Care UltraSound (POCUS)
74) Psikiatri Am dan Dewasa
75) Psikiatri Geriatrik
76) Psikiatri Kanak-kanak dan Remaja
77) Psikiatri Komuniti
78) Radiologi Diagnostik
79) Radiologi Intervensi
80) Radiologi Neurointervensi
81) Rawatan Rapi/Intensif
82) Respiratori
83) Retina Medikal
84) Rheumatologi
85) Selular Immunoterapi Kanser
86) Smoking Cessation
87) Surgeri Am
88) Surgeri Endokrin
89) Surgeri gastro-usus
90) Surgeri Hepatobiliari
91) Surgeri Kolorektal
92) Surgeri Pediatrik
93) Surgeri Plastik dan Rekonstruktif
94) Surgeri Rekonstruktif Payudara
95) Surgeri Tangan
96) Surgeri Transplan
97) Surgeri Vaskular
98) Terapi Sel Regeneratif
99) Tetapi Sel Regeneratif
100) Transplantasi Sel Stem
101) Traumatologi
102) Uroginekologi
103) Urologi
104) Vitreo-retina



Sokongan Wakil Korporat untuk kemudahan
Fasiliti HCTM

Prestasi Hospital Canselor Tuanku Muhriz

Prestasi HCTM menunjukkan peningkatan dalam memberikan perkhidmatan melalui statsitik kehadiran sejak 2010.

Statistik Kedatangan Pesakit Ke HCTM 2010 - 2019



	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Pesakit Luar	403,699	398,795	538,987	543,505	530,917	547,117	553,400	566,303	591,250	614,687	428,923
Pesakit Dalam	34,517	35,171	34,473	35,263	35,837	37,190	39,094	37,002	37,769	40,082	32,689
Jumlah Keseluruhan	438,216	433,966	573,460	578,768	566,754	584,307	592,494	603,305	629,019	654,769	461,612

Pada tahun 2020, sejumlah 461,612 orang pesakit telah mendapatkan Perkhidmatan Pesakit Luar dan Perkhidmatan Pesakit Dalam di Hospital Canselor Tuanku Muhriz berbanding seramai 654,769 pada tahun 2019 (pengurangan sebanyak 30%). Peningkatan jumlah pesakit antara 1%-4% bagi tahun 2015-2019 telah menunjukkan pengurangan drastik dari segi jumlah pesakit pada tahun 2020 disebabkan oleh keperluan pengoptimuman jumlah pesakit semasa pandemik Covid-19 berdasarkan pematuhan kepada perlaksanaan Standard Prosedur Operasi dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Secara khususnya, pengurangan kategori Pesakit Dalam adalah pada kadar 18% (32,689) berbanding tahun 2019 (40,082) dan pengurangan pesakit luar pada kadar 30% (428,923) berbanding tahun 2019 (614,687).

Statistik Pesakit Mengikut Kategori Jantina 2017 - 2020



Statistik menunjukkan daripada 461,612 orang pesakit yang mendapatkan rawatan di HCTM pada tahun 2020, jumlah pesakit perempuan adalah pada kadar 53% berbanding pesakit lelaki (pada kadar 47%). Kadar kedatangan pesakit perempuan juga melebihi pesakit lelaki bagi tiga tahun sebelumnya.



Statistik Pesakit Mengikut Kategori Warganegara dan Bukan Warganegara 2017 - 2020

Bangsa Melayu merupakan pesakit tertinggi dengan purata kehadiran sebanyak (63%) pada 2020, diikuti oleh bangsa Cina sebanyak (27%), seterusnya diikuti oleh bangsa India, Bumiputera (Sabah dan Sarawak) dan lain-lain.



Pada tahun 2020, sebanyak 97% pesakit yang hadir mendapatkan rawatan di HCTM adalah merupakan pesakit berstatus warganegara manakala hanya 3% mewakili pesakit bukan warganegara. Begitu juga bagi tiga tahun sebelumnya hanya 2% pesakit bukan warganegara hadir mendapatkan rawatan di HCTM.

Statistik Pesakit Mengikut Kategori Umur 2017 - 2020

Pada tahun 2020, pesakit yang berusia antara 26 hingga 45 tahun (27%) merupakan golongan tertinggi hadir mendapatkan rawatan di HCTM diikuti dengan pesakit yang berusia di antara 61 hingga 75 tahun (26%) dan pesakit berusia antara 46 hingga 60 tahun (16%). Bagi pesakit di bawah kategori usia melebihi 75 tahun kadar kedatangan pesakit adalah sebanyak (11%) dan pesakit berusia antara 18 hingga 25 tahun adalah sebanyak (6%). Pesakit berumur antara 1 hingga 17 tahun adalah pada kadar 2% hingga ke 5%.



Statistik Pembedahan Di Hospital Canselor Tuanku Muhriz Mengikut Displin Bagi Tahun 2020



Displin Surgeri adalah yang tertinggi diikuti dengan Angio dan Ortopedik pada tahun 2020. Jumlah displin terendah bagi pembedahan ialah bagi displin Respiratori iaitu sebanyak empat (4) kes sahaja.

Program Kualiti Hospital Canselor Tuanku Muhriz

Bagi memastikan penambahbaikan berterusan, pelbagai program Kualiti dirancang melalui Jabatan Kualiti HCTM. Berikut merupakan antara aktiviti yang dilaksanakan:

- Program Pensijilan MS ISO 9001 Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) HCTM
- Program Akreditasi MSQH
- Program Akreditasi MS 15189 Makmal
- Program Pengiktirafan Hospital Rakan Bayi
- Program Amalan 5S
- Program Keselamatan Pesakit
- Program Kumpulan Inovatif dan Kreatif
- Program Mortaliti dan Morbiditi
- Program Antimicrobial Stewardship (AMS)
- Program Hospital Mesra Ibadah













Kumpulan Inovatif & Kreatif



Malaysian Society for Quality in Health (MSQH





Malaysian Society for Quality in Health (MSQH





Keterlibatan

Hospital Canselor Tuanku Muhriz dalam Pengurusan Covid-19

Tahun 2020 memberikan pengalaman berharga kepada HCTM ketika satu dunia dilanda pandemik COVID-19. HCTM turut terlibat membantu Negara menangani wabak ini. Bermula 30 Mac 2020, HCTM telah diisytiharkan sebagai salah sebuah Hospital yang akan merawat pesakit COVID-19 dan Pelan Bencana Wabak COVID-19 HCTM telah diaktifkan. HCTM merupakan antara dua (2) Hospital Pengajar Universiti selain PPUM yang diisytiharkan sebagai Hospital COVID-19.

HCTM telah dipilih bagi menguruskan rawatan beberapa kluster utama seperti Kluster Malayan Mansion, Kluster Tahfiz Madrasah Miftahul Ulum Seri Petaling dan lain-lain. Malah Kementerian Kesihatan Malaysia turut mendapatkan kerjasama HCTM untuk bersedia merawat pesakit dari kalangan diplomat dan staf World Health Organisation di Malaysia dan bersedia merawat Yang di-Pertuan Agong sekiranya perlu. Sehingga 31 Disember 2020, seramai 239 pesakit COVID-19 di rawat di HCTM. Selain itu, HCTM melalui Jabatan Perkhidmatan Makmal Diagnostik (JPMD) telah menjalankan pengujian COVID-19 mulai 16 Mac 2020 dan mula membantu Kementerian Kesihatan Malaysia dengan menerima sampel daripada Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK), Sungai Buloh pada 30 Mac 2020.

Memandangkan HCTM antara salah satu perkhidmatan perlu (essential services), operasi sepanjang 2020 berjalan seperti biasa dengan pengurangan staf mengikut arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Walau bagaimanapun, pengalaman menguruskan pandemik di peringkat hospital memberikan banyak pengalaman kepada semua pihak dan peringkat terutamanya dalam mengurus krisis. Seramai 2,500 kakitangan daripada pelbagai gred dan jawatan Petugas Barisan Hadapan (frontliners) HCTM telah terlibat secara langsung sepanjang 2020 menguruskan COVID-19.





Jaringan dan Khidmat Masyarakat

Sesuai dengan keterlibatan HCTM membantu Negara menangani COVID-19, tidak banyak program jaringan dan khidmat masyarakat yang dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa aktiviti yang dijalankan bersama pihak luar. Antaranya kerjasama dengan pihak Singhealth dalam penganjuran Healthcare Leadership Management Programme yang diadakan pada Januari 2020 melibatkan seramai 73 orang peserta daripada Hospital Pengajar dan KKM. Akitiviti yang dilaksanakan di peringkat Jabatan juga masih berjalan dalam keadaan yang penuh terkawal.


HOSPITAL PAKAR KANAK-KANAK
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Sejarah Ringkas Hospital Pakar Kanak-Kanak

UKM telah membangunkan sebuah Hospital Pakar Kanak-kanak (HPKK) bersebelahan dengan Hospital Canselor Tuanku Mukhriz (HCTM) di Bandar Tun Razak, Cheras Kuala Lumpur bagi meningkatkan perkhidmatan kesihatan sedia ada. Pelaksanaan projek ini yang berkeluasan 2,171,531 kaki persegi adalah untuk merealisasikan aspirasi Kerajaan menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan kesihatan khususnya dalam bidang kepakaran kanak-kanak dan ia menjadi Hospital Pakar Kanak-kanak pertama di Malaysia. Objektif penubuhan HPKK adalah untuk menjadi pusat rujukan dalam bidang kepakaran kanak-kanak.

Hospital ini mempunyai 243 katil dan 54 step-down apartments (bagi menyediakan penempatan kepada pesakit yang sedang pulih bersama keluarga mereka). Terdapat juga Pusat Pesakit Antarabangsa (International Patients Centre) bagi menjana kewangan melalui medical tourism. Terdapat juga bangunan tempat letak kereta bertingkat bagi menempatkan 1,300 kenderaan pada satu-satu masa.

Hospital ini mempunyai sistem maklumat hospital bersepadu dan berkonsepkan 'paper-less'. HPKK UKM mempunyai ciri-ciri mesra pesakit, mesra keluarga dan mesra kakitangan. Terdapat juga 10 makmal penyelidikan sebagai usaha menjadikan hospital ini intensif penyelidikan dalam bidang perubatan pediatrik. Pada 31 Disember 2020, HPKK secara rasminya telah menerima bangunan setelah UKM mengeluarkan Certificate of Acceptance (CoAC) kepada syarikat konsesi pada 30 Disember 2020. HPKK dijangka akan beroperasi pada Mac 2021.

Sebagai hospital pakar kanak-kanak pertama di Malaysia, terdapat lima (5) bidang kekuatan utama perkhidmatan yang akan ditawarkan oleh HPKK iaitu;

i) Pusat Perkembangan Kanak-kanak
ii) Rawatan Implan Koklea
iii) Rawatan Surgeri Skoliosis
iv) Rawatan Surgeri Laparoskopi Pediatrik
v) Rawatan Surgeri Neuro-Oncology Intraoperative Hybrid MRI

Aktiviti Hospital Pakar Kanak-kanak

Tahun 2020 merupakan tahun yang penuh cabaran buat HPKK UKM kerana pelbagai perancangan bagi pengoperasian hospital perlu dilakukan semasa fasa pandemik COVID-19 melanda negara. Namun, ia bukan halangan untuk HPKK UKM meneruskan pelbagai aktiviti yang telah dirancang sepanjang tahun 2020 dengan kerjasama yang daripada semua pihak. Sebagai persediaan untuk memastikan HPKK UKM beroperasi mengikut sasaran, pelbagai aktiviti digerakkan termasuk persediaan fizikal. Program Retreat juga diadakan selama tiga (3) hari di Hotel Avillion, Port Dickson pada 21-23 Februari 2020 melibatkan 85 orang kakitangan HPKK UKM.

HPKK UKM juga telah menjalankan sesi temu duga bagi jawatan kumpulan Pengurusan & Profesional dan Pelaksana. Sesi temu duga yang pada mulanya diadakan secara bersemuka telah dilaksanakan secara dalam talian menggunakan Zoom Cloud Meeting atas faktor peningkatan kes COVID-19 yang mendadak dan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuat kuasa. Sesi temuduga yang dijalankan bagi tahun 2020 adalah melibatkan sebanyak 10 jawatan di bawah kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 15 jawatan di bawah kumpulan Pelaksana.

Pada 30 Jun 2020, satu Sesi Pemurnian Visi, Misi, Nilai Teras dan Carta Organisasi HPKK UKM telah dijalankan melibatkan pakar-pakar Pediatrik daripada Fakulti Perubatan, Pergigian, Sains Kesihatan dan Farmasi serta Pegawai-Pegawai HPKK UKM. Visi, Misi, Nilai Teras & Carta Organisasi yang telah sebulat suara diharmonikan semasa program tersebut telah diangkat ke Mesyuarat Majlis untuk perakuan.

Bagi memastikan bangunan diserahkan dalam keadaan baik dan memenuhi spesifikasi di dalam perjanjian konsesi, Sesi Joint Inspection Bangunan telah dijalankan pada 3 Disember 2020 hingga 17 Disember 2020 sebelum penyerahan kunci bangunan dilakukan. Dalam sesi ini, pihak Zecon dan pengurusan HPKK UKM telah melakukan pemeriksaan bersama ke atas 40,000 aset merangkumi peralatan perubatan, bukan perubatan, perabot dan kenderaan.

Pada 19 Disember 2020, HPKK UKM telah menerima kunjungan daripada Menteri Pengajian Tinggi, YBhg. Datuk Dr. Noraini Ahmad. Dalam sesi lawatan ini, YBhg. Datuk Dr. Noraini Ahmad telah melakukan rondaan di sekitar kawasan HPKK UKM bagi melihat kemajuan dan tahap kesiapsiagaan HPKK UKM yang akan dibuka pada tahun 2021.

Aktiviti

Program Retreat Kakitangan HPKK UKM
21 – 23 Februari 2020



Sesi Temu Duga Kakitangan HPKK UKM Secara Zoom Meeting
Oktober - Disember 2020



Sesi Pemurnian Visi, Misi, Nilai Teras dan Carta Organisasi HPKK UKM
30 Jun 2020



Sesi Joint Inspection Bangunan HPKK UKM
3 Disember – 17 Disember 2020



Lawatan Menteri Pengajian Tinggi ke HPKK UKM
19 Disember 2020



Penerimaan Bangunan HPKK oleh UKM daripada Syarikat Konsesi
30 Disember 2020





Barisan Hadapan HCTM Terus Komited Memberi Sumbangan Terbaik

Fasiliti Hospital Pakar Kanak-kanak



Wad High Dependancy



Bilik Dewan Bedah Digital



Ruang Triaj Kecemasan



Kaunter Farmasi Pesakit Luar



Perpustakaan



Auditorium



Kafeteria



Kolam Renang

Fasiliti Hospital Pakar Kanak-kanak



Ruang Legar Wad Kecemasan



Ruang Wad Kecemasan



Ruang Bilik Pesakit (Perseorangan)



Kaunter Wad Medikal



Peralatan MRI 3 Tesla



Peralatan Fluroscopy



Peralatan X-Ray Mudah Alih



Hydropool

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia



Penyata Kewangan

Universiti Kebangsaan Malaysia, 2020

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2020

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mewakilkan sebuah firma audit swasta untuk mengaudit Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Universiti dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Penyesuaian Bajet dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuk ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 60.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS), Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS), Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.

e. Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan termasuk pendedahannya, dan sama ada Penyata Kewangan Universiti dan Kumpulan telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya juga telah memaklumkan Lembaga Pengarah bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan menjejaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 6 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan Universiti kebangsaan Malaysia mengguna pakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) pada 1 Januari 2020 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2019. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Lembaga Pengarah terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Universiti dan Kumpulan pada 31 Disember 2019, dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dan pendedahan yang berkaitan. Saya tidak terlibat untuk melaporkan maklumat perbandingan yang dinyatakan semula dan yang tidak diaudit. Tanggungjawab sebagai sebahagian daripada pengauditan Penyata Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2020 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

b. Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia berdasarkan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(MOHD SERJANA BIN IBRAHIM)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
30 JUN 2021

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH
(AKAUN KUMPULAN)

Kami **TAN SRI DATO' SERI ABDUL WAHID BIN OMAR** dan **PROF. DATO' TS. DR. MOHD. EKHWAN HJ. TORIMAN** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai, Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia pada 31 Disember 2020 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah Universiti,

TAN SRI DATO' SERI ABDUL WAHID BIN OMAR
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Tarikh : 17 FEB 2021

UKM Bangi

PROF. DATO' TS. DR. MOHD. EKHWAN HJ. TORIMAN
Naib Canselor

Tarikh : 17 FEB 2021

UKM Bangi

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Saya, **NORINI BINTI MOHAMAD (K.P. 700807-06-5196)**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Universiti Kebangsaan Malaysia, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai, Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
Di Kajang Selangor)
.....
Pada 17 FEB 2021)

NORINI BINTI MOHAMAD C.A. (M)

PESURUHJAYA SUMPAH MALAYSIA
Di hadapan saya,
B530
Norhaizan Binti Omar
(N921)
1.1.2021 - 31.12.2023

Tetuan Roslina & Norhaizan
Peguambela & Peguamcara
No. 5M, Jalan Hentian 3,
Hentian Bas Kajang,
Off Jalan Reko,
43000 Kajang, Selangor.
Tel : 603-8741 9275 Fax : 603-8737 3904
H/P : 012-6260728
Email : haizanomar@gmail.com

	Nota	Kumpulan 31.12.2020 RM	31.12.2019 RM *Dinyatakan semula*	1.1.2019 RM
ASET BUKAN SEMASA				
Hartanah loji dan peralatan	4	7,285,829,367	6,702,763,495	6,740,139,320
Aset tak ketara	5	3,946,522	4,763,661	2,460,065
Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit	7	186,894,912	151,559,070	81,055,567
Aset kewangan lain	8	700,000	700,000	500,000
Penghutang transaksi tukaran	9	6,641,072	5,382,152	4,729,823
		7,484,011,873	6,865,168,378	6,828,884,775
ASET SEMASA				
Inventori	10	21,464,677	21,787,309	28,007,985
Penghutang transaksi tukaran	9	99,013,120	191,997,536	161,009,946
Penghutang transaksi bukan tukaran	12	3,739,873	544,391	645,778
Simpanan tetap di bank		961,721,917	870,108,644	864,580,901
Tunai di tangan dan di bank		92,263,403	79,314,417	82,514,428
		1,178,202,990	1,163,752,297	1,136,759,038
LIABILITI SEMASA				
Pemiutang transaksi tukaran	13	77,441,800	55,951,168	49,600,419
Pemiutang transaksi bukan tukaran	14	3,612,759	3,286,681	1,801,716
Liabiliti konsesi perkhidmatan	15	24,281,831	-	-
Peruntukan	16	15,980,839	18,953,086	18,022,023
Pemiutang pajakan	17	96,540	74,959	-
Pinjaman	18	9,845,163	869,564	32,975,000
Peruntukan cukai		-	1,127,992	624,679
		131,258,932	80,263,450	103,023,837
LIABILITI BUKAN SEMASA				
Liabiliti konsesi perkhidmatan	15	599,898,169	-	-
Peruntukan	16	197,408,343	151,589,408	145,061,875
Pemiutang pajakan	17	233,859	323,982	-
Pinjaman	18	24,517,764	33,470,370	1,664,934
Geran kerajaan tertunda	19	235,044,406	111,467,580	43,882,644
Akaun amanah penyelidikan	20	3,871,600	3,425,226	3,687,597
Cukai tertunda		1,780,300	-	-
		1,062,754,441	300,276,566	194,297,050
ASET BERSIH		7,468,201,490	7,648,380,659	7,668,322,926

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Penyata Kedudukan Kewangan

Pada 31 Disember 2020

	Nota	Kumpulan		
		31.12.2020 RM	31.12.2019 RM	1.1.2019 RM
			Dinyatakan semula	
EKUITI/ASET BERSIH				
Kumpulan Wang :-				
Kumpulan Wang Mengurus		317,806,879	402,263,928	344,150,598
Kumpulan Wang lain : -				
Pembangunan		6,354,902,968	6,379,350,527	6,420,403,413
Entiti Perniagaan		87,741,838	117,061,530	123,216,272
Tabung Amanah dan Akaun Khas		72,402,752	67,247,232	94,332,794
Hasil		253,706,083	283,005,897	281,572,281
Pelaburan		145,663,956	136,584,785	131,184,028
Pinjaman		23,735,500	23,735,500	26,400,000
Penyelidikan		212,241,514	239,131,260	247,063,540
		7,468,201,490	7,648,380,659	7,668,322,926

Penyata Kedudukan Kewangan

Pada 31 Disember 2020

	Nota	Universiti 31.12.2020 RM	31.12.2019 RM	1.1.2019 RM
			Dinyatakan semula	
ASET BUKAN SEMASA				
Hartanah loji dan peralatan	4	7,240,682,845	6,656,396,722	6,693,644,750
Aset tak ketara	5	3,946,522	4,763,661	2,460,065
Pelaburan dalam syarikat subsidiari	6	8,000,000	7,000,000	6,000,000
Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit	7	186,894,912	151,559,070	81,055,567
Aset kewangan lain	8	500,000	500,000	500,000
Penghutang transaksi tukaran	9	6,641,072	5,382,152	4,729,823
		7,446,665,351	6,825,601,605	6,788,390,205
ASET SEMASA				
Inventori	10	17,005,074	17,366,758	23,827,769
Penghutang transaksi tukaran	9	78,480,217	178,395,952	139,034,426
Terhutang oleh subsidiari dari transaksi tukaran	11	15,206,378	8,890,700	6,620,316
Simpanan tetap di bank		956,087,786	863,836,634	857,797,718
Tunai di tangan dan di bank		74,485,058	63,919,688	66,455,044
		1,141,264,513	1,132,409,732	1,093,735,273
LIABILITI SEMASA				
Pemiutang transaksi tukaran	13	50,535,485	39,030,335	25,116,893
Pemiutang transaksi bukan tukaran	14	3,612,759	3,286,681	1,801,716
Liabiliti konsesi perkhidmatan	15	24,281,831	-	-
Peruntukan	16	15,980,839	18,953,086	18,022,023
		94,410,914	61,270,102	44,940,632
LIABILITI BUKAN SEMASA				
Liabiliti konsesi perkhidmatan	15	599,898,169	-	-
Peruntukan	16	197,408,343	151,589,408	145,061,875
Geran kerajaan tertunda	19	235,044,406	111,467,580	43,882,644
		1,032,350,918	263,056,988	188,944,519
ASET BERSIH		7,461,168,032	7,633,684,247	7,648,240,327
EKUITI/ASET BERSIH				
Kumpulan Wang:				
Kumpulan Wang Mengurus		306,688,421	383,982,516	323,382,999
Kumpulan Wang lain : -				
Pembangunan		6,354,902,968	6,379,350,527	6,420,403,413
Entiti Perniagaan		87,741,838	117,061,530	123,216,272
Tabung Amanah dan Akaun Khas		72,402,752	67,247,232	94,332,794
Hasil		257,791,083	286,590,897	282,257,281
Pelaburan		145,663,956	136,584,785	131,184,028
Pinjaman		23,735,500	23,735,500	26,400,000
Penyelidikan		212,241,514	239,131,260	247,063,540
		7,461,168,032	7,633,684,247	7,648,240,327

Penyata Prestasi Kewangan

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

	Nota	Kumpulan		Universiti	
		31.12.2020 RM	31.12.2019 RM	31.12.2020 RM	31.12.2019 RM
HASIL					
Urusniaga bukan pertukaran					
Geran mengurus		945,645,629	998,639,874	945,645,629	998,639,874
Geran pembangunan dilunaskan		50,060,754	37,198,909	50,060,754	37,198,909
Geran penyelidikan dilunaskan		33,693,467	62,881,575	33,693,467	62,881,575
Yuran pelajar (disubsidi)		76,027,822	87,735,580	76,027,822	87,735,580
Perkhidmatan perubatan (disubsidi)		80,383,884	50,695,571	80,383,884	50,695,571
Sumbangan dan derma		33,864,533	29,016,933	33,864,533	29,016,933
Pendapatan bukan pertukaran lain		40,631,554	48,810,624	40,477,597	48,810,624
		1,260,307,643	1,314,979,066	1,260,153,686	1,314,979,066
Urusniaga pertukaran					
Yuran pelajar		54,479,412	53,071,737	54,479,412	53,071,737
Perkhidmatan perubatan		69,294,614	75,893,308	-	-
Pendapatan penyelidikan dan perkhidmatan lain		14,057,380	5,744,571	-	-
Pendapatan kewangan	21	44,266,716	45,517,917	44,580,111	47,568,782
Pendapatan lain	22	49,168,497	45,708,451	60,195,331	55,648,520
		231,266,619	225,935,984	159,254,854	156,289,039
JUMLAH HASIL		1,491,574,262	1,540,915,050	1,419,408,540	1,471,268,105
PERBELANJAAN					
Emolumen pekerja	23	864,962,783	794,372,785	848,152,471	777,453,336
Perkhidmatan dan bekalan		560,540,054	584,623,112	496,678,489	551,554,329
Pemberian dan kenaan tetap		15,768,181	37,640,769	11,612,967	15,194,611
Susut nilai dan pelunasan	24	109,653,246	105,435,084	106,152,224	103,081,959
Perbelanjaan lain	25	118,601,440	35,694,058	129,328,604	38,539,950
Kos kewangan	26	1,535,779	1,914,993	-	-
JUMLAH PERBELANJAAN		1,671,061,483	1,559,680,801	1,591,924,755	1,485,824,185
KURANGAN SEBELUM CUKAI		(179,487,221)	(18,765,751)	(172,516,215)	(14,556,080)
Cukai	27	(691,948)	(1,176,516)	-	-
KURANGAN TAHUN SEMASA		(180,179,169)	(19,942,267)	(172,516,215)	(14,556,080)

Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti

Bagi Tahun Kewangan 31 Disember 2020

Kumpulan	Kumpulan Wang								
	Mengurus RM	Pembangunan RM	Perniagaan RM	Amanah dan Akaun Khas RM	Hasil RM	Pelaburan RM	Pinjaman RM	Penyelidikan RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2019	398,741,283	5,951,220,480	123,216,272	94,332,794	281,572,281	131,184,028	26,400,000	-	7,006,667,138
Pelarasan tahun lalu	(54,590,685)	469,182,933	-	-	-	-	-	247,063,540	661,655,788
Seperti yang dinyatakan semula	344,150,598	6,420,403,413	123,216,272	94,332,794	281,572,281	131,184,028	26,400,000	247,063,540	7,668,322,926
Lebihan/(Kurangan) tahun semasa	1,513,853	(41,052,886)	17,888,149	(21,917,465)	26,157,605	5,400,757	-	(7,932,280)	(19,942,267)
Pindahan	56,599,477	-	(24,042,891)	(5,168,097)	(24,723,989)	-	(2,664,500)	-	-
Pada 31 Disember 2019	402,263,928	6,379,350,527	117,061,530	67,247,232	283,005,897	136,584,785	23,735,500	239,131,260	7,648,380,659
Pada 1 Januari 2020	459,231,085	5,951,220,480	117,061,530	67,247,232	283,005,897	136,584,785	23,735,500	-	7,038,086,509
Pelarasan tahun lalu	(56,967,157)	428,130,047	-	-	-	-	-	239,131,260	610,294,150
Seperti yang dinyatakan semula	402,263,928	6,379,350,527	117,061,530	67,247,232	283,005,897	136,584,785	23,735,500	239,131,260	7,648,380,659
Lebihan/(Kurangan) tahun semasa	(144,457,049)	(24,447,559)	4,950,374	(8,773,480)	10,359,120	9,079,171	-	(26,889,746)	(180,179,169)
Pindahan	60,000,000	-	(34,270,066)	13,929,000	(39,658,934)	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2020	317,806,879	6,354,902,968	87,741,838	72,402,752	253,706,083	145,663,956	23,735,500	212,241,514	7,468,201,490

Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti

Bagi Tahun Kewangan 31 Disember 2020

Universiti	Kumpulan Wang								
	Mengurus RM	Pembangunan RM	Perniagaan RM	Amanah dan Akaun Khas RM	Hasil RM	Pelaburan RM	Pinjaman RM	Penyelidikan RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2019	377,973,684	5,951,220,480	123,216,272	94,332,794	282,257,281	131,184,028	26,400,000	-	6,986,584,539
Pelarasan tahun lalu	(54,590,685)	469,182,933	-	-	-	-	-	247,063,540	661,655,788
Seperti yang dinyatakan semula	323,382,999	6,420,403,413	123,216,272	94,332,794	282,257,281	131,184,028	26,400,000	247,063,540	7,648,240,327
Lebihan/(Kurangan) tahun semasa	4,000,040	(41,052,886)	17,888,149	(21,917,465)	29,057,605	5,400,757	-	(7,932,280)	(14,556,080)
Pindahan	56,599,477	-	(24,042,891)	(5,168,097)	(24,723,989)	-	(2,664,500)	-	-
Pada 31 Disember 2019	383,982,516	6,379,350,527	117,061,530	67,247,232	286,590,897	136,584,785	23,735,500	239,131,260	7,633,684,247
Pada 1 Januari 2020	440,949,673	5,951,220,480	117,061,530	67,247,232	286,590,897	136,584,785	23,735,500	-	7,023,390,097
Pelarasan tahun lalu	(56,967,157)	428,130,047	-	-	-	-	-	239,131,260	610,294,150
Seperti yang dinyatakan semula	383,982,516	6,379,350,527	117,061,530	67,247,232	286,590,897	136,584,785	23,735,500	239,131,260	7,633,684,247
Lebihan/(Kurangan) tahun semasa	(137,294,095)	(24,447,559)	4,950,374	(8,773,480)	10,859,120	9,079,171	-	(26,889,746)	(172,516,215)
Pindahan	60,000,000	-	(34,270,066)	13,929,000	(39,658,934)	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2020	306,688,421	6,354,902,968	87,741,838	72,402,752	257,791,083	145,663,956	23,735,500	212,241,514	7,461,168,032

Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Kewangan 31 Disember 2020

	Kumpulan		Universiti	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI				
Kurangan sebelum cukai	(179,487,221)	(18,765,751)	(172,516,215)	(14,556,080)
Pelarasan untuk:-				
Geran mengurus	(945,645,629)	(998,639,874)	(945,645,629)	(998,639,874)
Geran pembangunan dilunaskan	(50,060,754)	(37,198,909)	(50,060,754)	(37,198,909)
Geran penyelidikan dilunaskan	(33,693,467)	(62,881,575)	(33,693,467)	(62,881,575)
Pendapatan dividen	-	(585,000)	(500,000)	(2,900,000)
Pendapatan faedah simpanan tetap	(30,280,356)	(35,651,514)	(30,093,751)	(35,387,379)
Pendapatan faedah pinjaman kakitangan	(116,469)	(207,024)	(116,469)	(207,024)
Kenaikan nilai saksama pelaburan melalui lebihan atau defisit	(11,833,509)	(5,025,295)	(11,833,509)	(5,025,295)
Keuntungan jualan pelaburan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit	(2,036,382)	(4,049,084)	(2,036,382)	(4,049,084)
Keuntungan jualan pelaburan lain	-	-	-	-
Pembalikan rosot nilai	(501,894)	(6,163,776)	-	(5,521,280)
Caj peruntukan gantian cuti rehat	44,915,915	11,037,541	44,915,915	11,037,541
Caj peruntukan manfaat perubatan pasca persaraan	17,807,083	13,119,283	17,807,083	13,119,283
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	108,630,461	105,216,530	105,129,439	102,863,405
Susut nilai aset tak ketara	1,022,785	218,554	1,022,785	218,554
Kerugian pelupusan hartanah, loji dan peralatan	28,144	60,467	28,144	59,333
Kurangan nilai saksama pelaburan	1,276,265	-	1,276,265	-
Rosot nilai penghutang tukaran	35,983,524	2,430,533	35,702,500	650,469
Hapuskira hartanah, loji & peralatan	-	460,734	-	-
Hapuskira penghutang	23,153,994	1,040,136	293,633	745,147
Faedah sewa beli	21,370	6,076	-	-
Faedah pinjaman lain	445,175	531,005	-	-
Faedah kredit pusingan	219,843	296,258	-	-
Faedah surat kredit dan bil berbayar	849,391	1,081,654	-	-
	(1,019,301,731)	(1,033,669,031)	(1,040,320,412)	(1,037,672,768)
Perubahan modal kerja:-				
Inventori	322,632	6,220,676	361,684	6,461,011
Penghutang transaksi tukaran	31,361,953	(20,114,241)	59,815,765	(36,476,675)
Terhutang oleh subsidiari dari transaksi tukaran	-	-	(6,315,678)	(2,270,384)
Pemiutang transaksi tukaran	21,490,632	6,350,749	11,505,150	13,913,442
Pemiutang transaksi bukan tukaran	326,078	1,484,965	326,078	1,484,965
	(965,800,436)	(1,039,726,882)	(974,627,413)	(1,054,560,409)

Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Kewangan 31 Disember 2020

	Kumpulan		Universiti	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
Bayaran cukai tahun semasa	(120,235)	(1,074,330)	-	-
Terimaan lebihan bayaran cukai	(3,114,884)	502,514	-	-
Bayaran gantian cuti rehat dan manfaat perubatan	(19,876,310)	(16,698,228)	(19,876,310)	(16,698,228)
Terimaan geran pembangunan dari kerajaan	119,502,535	70,780,234	119,502,535	70,780,234
Terimaan geran penyelidikan	87,828,512	96,885,186	87,828,512	96,885,186
Terimaan akaun amanah penyelidikan	659,880	300,000	-	-
Bayaran dari akaun amanah penyelidikan kepada pihak ketiga	(213,509)	(562,371)	-	-
Penerimaan geran mengurus	945,645,629	998,639,874	945,645,629	998,639,874
Penerimaan dividen	-	585,000	500,000	2,900,000
Penerimaan faedah dari simpanan tetap	30,280,356	35,651,514	30,093,751	35,387,379
Penerimaan faedah dari pinjaman kakitangan	116,469	207,024	116,469	207,024
Pembayaran faedah sewabeli	(21,370)	(6,076)	-	-
Pembayaran faedah pinjaman lain	(445,175)	(531,005)	-	-
Pembayaran faedah kredit pusingan	(219,843)	(296,258)	-	-
Pembayaran faedah surat kredit	(849,391)	(1,081,654)	-	-
Terimaan bayaran semula pinjaman kakitangan	1,850,772	(3,610,634)	2,382,622	3,610,634
Pemberian pinjaman kakitangan	(2,382,622)	3,022,217	(1,850,772)	(3,022,217)
Tunai bersih /dijana dari aktiviti operasi	192,840,378	142,986,125	189,715,023	134,129,477
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN				
Penambahan hartanah, loji dan peralatan	(70,680,901)	(81,044,139)	(68,386,367)	(70,435,998)
Pelupusan hartanah, loji dan peralatan	5,396,197	2,523,948	5,435,732	2,448,283
Penambahan aset tak ketara	(205,650)	(209,078)	(205,650)	(209,078)
Pelaburan dalam syarikat subsidiari	-	-	(1,000,000)	(1,000,000)
Belian pelaburan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit	(25,000,000)	(65,478,208)	(25,000,000)	(65,478,208)
Jualan pelaburan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit	2,257,784	4,049,084	2,257,784	4,049,084
Belian tunai pelaburan lain	-	(200,000)	-	-
Jualan pelaburan lain	-	-	-	-
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan	(88,232,570)	(140,358,393)	(86,898,501)	(130,625,917)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Bayaran pajakan	(68,542)	-	-	-
Pinjaman dibayar	22,993	(300,000)	-	-
Tunai bersih diguna untuk aktiviti pembiayaan	(45,549)	(300,000)	-	-

Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Kewangan 31 Disember 2020

	Kumpulan		Universiti	
	2020	2019	2020	2019
	RM	RM	RM	RM
Penambahan bersih tunai dan setara tunai	104,562,259	2,327,732	102,816,522	3,503,560
Tunai dan setara tunai pada awal tahun	949,423,061	947,095,329	927,756,322	924,252,762
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun	1,053,985,320	949,423,061	1,030,572,844	927,756,322
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI				
Simpanan tetap di bank	961,721,917	870,108,644	956,087,786	863,836,634
Tunai di tangan dan di bank	92,263,403	79,314,417	74,485,058	63,919,688
	1,053,985,320	949,423,061	1,030,572,844	927,756,322

Penyata Penyesuaian Bajet dan Amaun Sebenar

Bagi Tahun Kewangan 31 Disember 2020

Universiti

	JUMLAH BAJET		Amaun sebenar pada asas setanding	Perbezaan bajet akhir dan amaun sebenar
	Asal RM	Akhir RM	RM	RM
HASIL				
Pemberian kerajaan:-				
Geran kerajaan	875,626,200	818,169,000	818,169,000	-
Geran kerajaan (tambahan)	79,830,000	127,676,629	127,476,629	(200,000)
Yuran pengajian:-	-	-	-	-
Prasiswazah	40,500,000	40,500,000	24,640,893	(15,859,107)
Pasca Siswazah	49,500,000	49,500,000	36,869,110	(12,630,890)
Yuran penginapan	20,000,000	20,000,000	3,153,140	(16,846,860)
Hasil operasi pesakit	40,000,000	40,000,000	41,763,172	1,763,172
Jualan barang dan perkhidmatan	7,000,000	7,000,000	3,706,122	(3,293,878)
Sewaan	13,000,000	13,000,000	6,692,154	(6,307,846)
Pelaburan	33,000,000	33,000,000	30,687,389	(2,312,611)
Sumbangan dan lain-lain	7,000,000	7,000,000	5,157,329	(1,842,671)
JUMLAH HASIL	1,165,456,200	1,155,845,629	1,098,314,938	(57,530,691)
PERBELANJAAN				
Emolumen:-				
Gaji dan upahan	517,042,000	490,666,000	485,440,328	5,225,672
Elaun tetap	179,601,000	173,335,500	167,330,756	6,004,744
Sumbangan berkanun untuk kakitangan	86,640,000	86,606,000	85,435,272	1,170,728
Elaun lebih masa	8,800,000	9,119,000	8,266,735	852,265
Faedah-faedah kewangan yang lain	8,650,000	17,505,000	16,073,611	1,431,389
Perkhidmatan dan bekalan:-				
Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup	2,851,250	2,356,250	774,117	1,582,133
Pengangkutan barang-barang	404,000	474,000	119,028	354,972
Perhubungan dan utiliti	86,882,500	75,152,500	60,580,849	14,571,651
Sewaan	14,941,000	13,653,000	8,002,293	5,650,707
Bekalan dan bahan-bahan lain	121,442,000	123,074,051	110,071,013	13,003,038
Penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang dibeli	74,247,279	75,071,029	68,346,616	6,724,413
Perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti	36,233,721	30,143,721	22,668,214	7,475,507
Perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti - EKK	48,000,000	64,905,000	66,567,864	(1,662,864)
Harta Modal	2,000,000	12,105,212	16,621,487	(4,516,275)
Pemberian dan kenaan tetap:-				
Biasiswa, dermasiswa dan bantuan pelajaran	2,617,450	2,597,450	1,035,225	1,562,225
Pembelian dalam Negeri	2,000,000	2,000,000	1,624,250	375,750
Perbelanjaan lain	6,868,800	22,600,291	18,979,785	3,620,506
JUMLAH PERBELANJAAN	1,199,221,000	1,201,364,004	1,137,937,443	63,426,561

Penyata Penyesuaian Bajet dan Amaun Sebenar

Bagi Tahun Kewangan 31 Disember 2020

Nota kepada Penyata Penyesuaian Bajet dan Amaun Sebenar:-

1. Bajet diluluskan berdasarkan asas tunai mengikut klasifikasi fungsi yang terdiri daripada objek dan program. Bajet yang diluluskan adalah meliputi tempoh fiskal daripada 1 Januari sehingga 31 Disember 2020, dan termasuk Hospital Canselor Tuanku Mukhriz (HCTM), Hospital Pakar Kanak-Kanak (HPKK) serta semua Pusat Tanggungjawab (PTJ).

2. Bajet asal telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) pada 15 Disember 2019 merangkumi Geran Kerajaan yang diluluskan selepas pembentangan bajet di Parlimen serta sasaran Sumber Dalaman yang disasarkan dijana bagi tahun 2020. Manakala bajet tambahan merangkumi Geran Tambahan yang diterima dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sepanjang tahun 2020.

3. Universiti menggunakan asas perakaunan yang berbeza dalam penyediaan bajet dan penyata kewangan. Bajet disediakan mengikut asas tunai manakala penyata kewangan disediakan pada asas akruan. Namun begitu, persembahan butiran atau item bajet di dalam Penyata Prestasi Kewangan adalah sama seperti yang ditunjukkan dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar bagi memudahkan perbandingan amaun bajet dan perbelanjaan sebenar dibuat.

4. Jumlah defisit adalah kurang dari bajet akhir sebanyak RM5.9 juta disebabkan perkara-perkara berikut:-

   - Disebabkan wabak *COVID-19* dan seterusnya Perintah Kawalan Pergerakan, pelbagai aktiviti telah dihadkan dan menjurus kepada penurunan untuk berbagai pendapatan. Penurunan ketara adalah pendapatan yuran pembelajaran disebabkan oleh penurunan kemasukan pelajar antarabangsa dan pemulangan yuran. Hal ini juga memberi kesan terhadap pendapatan sewaan yang juga menurun dengan ketara.

   - Wabak *COVID-19* dan kekangan Perintah Kawalan Pergerakan mengakibatkan pelbagai aktiviti tidak dapat dilaksanakan. Di samping itu, Universiti juga mengambil langkah-langkah penjimatan dan perbelanjaan berhemah selaras dengan Perbendaharaan Malaysia (PB 3.1) Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Malaysia berkuatkuasa pada 18 Ogos 2019 oleh Kerajaan Persekutuan dan Pekeliling Bendahari Bil. 3/2020. Perkara-perkara ini menyebabkan jumlah perbelanjaan sebenar telah kurang sebanyak RM63.4 juta berbanding dengan jumlah bajet.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2020

1. MAKLUMAT AM

Universiti Kebangsaan Malaysia ditubuhkan pada 18 Mei 1970 di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Aktiviti utama Universiti adalah sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang menjalankan program-program pengajaran, penyelidikan dan khidmat masyarakat. Universiti juga menjalankan aktiviti bercorak komersil yang dilaksanakan oleh unit perniagaan.

Aktiviti penting entiti-entiti dikawal dinyatakan pada Nota 6.

Penyata Kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada **17 Februari 2021**.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

2.1 Keterangan Pematuhan

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS – *Malaysian Public Sector Accounting Standards*) dengan mengambil kira pengecualian yang mana dibenarkan.

MPSAS 33 membenarkan pengecualian peralihan di mana entiti diberi tempoh sehingga 3 tahun untuk mengiktiraf aset dan/atau liabiliti tertentu.

Dalam peralihan kepada MPSAS, Kumpulan dan Universiti mengambil kesempatan daripada pengecualian peralihan ini terhadap penggunaan MPSAS 17, Hartanah, Loji dan Peralatan berkenaan dengan pengiktirafan aset infrastruktur. Pada tahun sebelumnya, aset infrastruktur tidak dipermodalkan. Universiti akan mengenalpasti dan mempermodalkan aset infrastruktur secara berperingkat sepanjang tempoh yang dibenarkan. Kesan pengiktirafan ini akan dilaraskan secara retrospektif kepada baki awal lebihan terkumpul.

Untuk tahun-tahun sebelumnya, penyata kewangan Kumpulan dan Universiti telah disediakan dengan mematuhi Piawaian Pelaporan untuk Entiti Persendirian Malaysia (MPERS – *Malaysian Private Entities Reporting Standards*).

2.2 Perubahan Polisi Perakaunan

Pada 1 Januari 2020, Kumpulan dan Universiti memilih untuk menerima pakai MPSAS yang berkuat kuasa bagi penyata kewangan tahunan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Piawaian-piawaian yang diterima pakai adalah seperti berikut:-

- MPSAS 1, Persembahan Penyata Kewangan
- MPSAS 2, Penyata Aliran Tunai
- MPSAS 3, Polisi Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
- MPSAS 4, Kesan Perubahan dalam Kadar Tukaran Asing
- MPSAS 5, Kos Pinjaman
- MPSAS 9, Hasil daripada Transaksi Pertukaran
- MPSAS 11, Kontrak Pembinaan
- MPSAS 12, Inventori
- MPSAS 13, Pajakan
- MPSAS 14, Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
- MPSAS 16, Pelaburan Hartanah
- MPSAS 17, Hartanah, Loji dan Peralatan
- MPSAS 19, Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
- MPSAS 20, Pendedahan Pihak Berkaitan
- MPSAS 21, Rosotnilai Aset Bukan Penjanaan Tunai
- MPSAS 22, Pendedahan Maklumat Kewangan

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (sambungan)

2.2 Perubahan Polisi Perakaunan (sambungan)

- MPSAS 23, Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan)
- MPSAS 24, Persembahan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan
- MPSAS 25, Manfaat Pekerja
- MPSAS 26, Rosotnilai Aset Penjanaan Tunai
- MPSAS 27, Agrikultur
- MPSAS 28, Instrumen Kewangan: Persembahan
- MPSAS 29, Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
- MPSAS 30, Instrumen Kewangan: Pendedahan
- MPSAS 31, Aset Tidak Ketara
- MPSAS 32, Pengaturan Konsesi Perkhidmatan: Pemberi
- MPSAS 33, Kali Pertama Penggunaan Asas Akruan MPSAS
- MPSAS 34, Penyata Kewangan Berasingan
- MPSAS 35, Penyata Kewangan Disatukan
- MPSAS 36, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama
- MPSAS 37, Pengaturan Bersama
- MPSAS 38, Pendedahan Kepentingan di dalam Entiti Lain

Semua perubahan di dalam polisi perakaunan adalah berdasarkan peruntukan peralihan di dalam piawaian di atas. Kesan pertukaran kepada MPSAS ditunjukkan pada Nota 31.

2.3 Asas Pengukuran

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan menggunakan asas kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Nota 3.

2.4 Matawang Persembahan dan Fungsian

Penyata kewangan ini dinyatakan pada Ringgit Malaysia ("RM"), iaitu matawang fungsian untuk Kumpulan dan Universiti.

2.5 Anggaran dan Pertimbangan Perakaunan Signifikan

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MPSAS memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Walaupun anggaran dan pandangan adalah berdasarkan pengetahuan terbaik namun demikian keputusan sebenar mungkin berbeza.

Anggaran dan andaian mendasari semakan secara berterusan. Semakan ke atas anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran tersebut disemak dan dalam mana-mana tempoh yang berkenaan.

Tiada bahagian signifikan dalam ketidakpastian anggaran dan pertimbangan kritikal dalam mengguna pakai dasar perakaunan yang mempunyai kesan ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan selain daripada yang dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan.

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING

Polisi-polisi perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam tempoh tahun kewangan yang dibentangkan di dalam penyata kewangan melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

3.1 Asas Penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan meliputi penyata kewangan Universiti dan entiti-entiti dikawal yang telah disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Entiti dikawal adalah entiti yang mana Universiti mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktiviti entiti berkenaan.

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

3.1 Asas Penyatuan

Untuk tujuan penyatuan, penyata kewangan entiti dikawal diselaraskan di mana perlu bagi memastikan keseragaman polisi perakaunan di peringkat Kumpulan.

Transaksi diantara entiti Kumpulan, baki dan pendapatan (atau perbelanjaan) terhasil dari transaksi di dalam Kumpulan yang belum direalisasi dihapuskan semasa penyatuan. Penyata kewangan disatukan hanya menggambarkan transaksi dengan pihak ketiga sahaja.

3.1.1 Entiti dikawal

Kumpulan

Entiti-entiti dikawal disatukan dari tarikh pelaksanaan pengambilalihan berkuat kuasa sehingga tarikh luput kawalan berkuat kuasa. Aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan entiti dikawal yang diperoleh atau dilupuskan dalam tahun semasa dimasukkan ke penyata kewangan dari tarikh Kumpulan mendapat kawalan sehingga tarikh Kumpulan berhenti mengawal entiti berkenaan.

Untuk perubahan kepentingan entiti dikawal yang tidak melibatkan kehilangan kawalan, perubahan ini ditaksir sebagai transaksi ekuiti.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai kawalan, kawalan bersama atau pengaruh berkesan, sebarang kepentingan yang dikekalkan oleh Kumpulan akan ditaksir semula kepada nilai saksama dengan perubahan dalam jumlah nilai bawa diiktiraf ke lebihan atau defisit. Nilai saksama ini adalah nilai saksama daripada pengiktirafan permulaan sebagai aset kewangan. Sebarang jumlah yang diiktiraf sebelumnya ke penyata prestasi kewangan berhubung entiti berkenaan diambil kira seolah-olah Kumpulan telah melupuskan aset atau tanggungan berkaitan secara langsung. Oleh itu, ia diambil kira sebagai entiti yang dilabur berasaskan ekuiti atau instrumen kewangan bergantung kepada tahap pengaruh yang dikekalkan.

Universiti

Pelaburan di dalam entiti dikawal dinyatakan pada kos selepas caj rosot nilai di dalam penyata kedudukan kewangan Universiti.

Dividen dan agihan lain dari entiti dikawal diikitraf sebagai pendapatan di dalam penyata prestasi kewangan Universiti. Agihan ini diiktiraf sebagai pendapatan bagi lebihan bersih selepas tarikh kawalan dan tidak memberi kesan kepada kos pelaburan di dalam entiti berkenaan.

Pada setiap tarikh akhir tahun pelaporan, Universiti menyemak kewujudan petanda terdapatnya rosot nilai ke atas entiti dikawal. Bila wujud petanda berkenaan, amaun pemulihan yang kurang dari nilai bawa pelaburan diiktiraf sebagai rosot nilai.

3.2. Instrumen Kewangan

3.2.1 Aset Kewangan

(a) Pengiktirafan dan Taksiran Awal

Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan dan Universiti menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen berkenaan.

Aset-aset kewangan dikelaskan seperti berikut:

- Aset Kewangan Pada Nilai Saksama melalui Lebihan atau Defisit.
- Pinjaman dan Penghutang;
- Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang; dan
- Aset Kewangan Sedia Dijual.

Pengkelasan aset kewangan adalah bergantung kepada tujuan aset kewangan berkenaan diperolehi. Pembelian atau jualan aset kewangan yang memerlukan serahan aset dalam rangka masa yang ditetapkan oleh pasaran adalah diiktiraf di waktu komitmen pembelian dibuat.

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

3.2. Instrumen Kewangan (sambungan)

3.2.1 Aset Kewangan (sambungan)

(a) Pengiktirafan dan Taksiran Awal

Instrumen kewangan diiktiraf pada awalnya, pada harga transaksi (termasuk kos transaksi kecuali untuk kiraan awal bagi aset atau liabiliti kewangan yang saksama dicampur, dalam keadaan sesuatu instrumen kewangan tidak dikira pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit). Pengiktirafan secara ini tidak termasuk transaksi pembiayaan.

Sekiranya urusan berkenaan melibatkan transaksi pembiayaan, aset atau liabiliti kewangan dikira pada nilai semasa bayaran hadapan didiskaunkan pada kadar faedah pasaran untuk instrumen hutang yang serupa.

(b) Penilaian Berikutan

Penilaian berikutan untuk aset-aset kewangan bergantung kepada klasifikasi masing-masing.

i. Aset Kewangan Pada Nilai Saksama melalui Lebihan atau Defisit

Aset Kewangan Pada Nilai Saksama melalui Lebihan atau Defisit termasuk aset kewangan dipegang untuk diniagakan dan aset kewangan yang ditetapkan di waktu pengiktirafan asalnya pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit. Aset kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk diniagakan sekiranya diperolehi bagi tujuan jualan atau belian semula di masa terdekat. Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit dinyatakan ke Penyata Kedudukan Kewangan pada nilai saksama yang mana perubahan diiktiraf ke lebihan atau defisit.

ii. Pinjaman dan Penghutang

Instrumen Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan adalah aset kewangan yang mempunyai jadual bayaran yang telah ditetapkan atau ditentukan di mana aset kewangan ini tidak disenaraikan dalam pasaran aktif. Penilaian berikutnya bagi aset kewangan ini adalah pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif, selepas rosot nilai.

Instrumen pinjaman yang dikelaskan sebagai aset atau liabiliti semasa dinyatakan pada jumlah tunai tanpa didiskaunkan atau jumlah balasan yang akan diterima atau dibayar kecuali jika urusan berkenaan sebenarnya adalah transaksi pembiayaan.

iii. Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang

Aset kewangan yang mempunyai ketetapan matang dan bayaran tetap (atau boleh ditentukan ketetapannya) dikelaskan sebagai dipegang sehingga matang apabila Kumpulan berhasrat positif dan berkemampuan untuk memegang aset berkenaan sehingga matang. Selepas taksiran awal, aset berklasifikasi begini akan ditaksir pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif selepas rosot nilai. Kos terlunas ditentukan dengan mengambil kira sebarang premium atau diskaun pada tarikh perolehan termasuk fi dan kos yang bersepadu sebagai faedah efektif. Kerugian rosot nilai diiktiraf ke lebihan atau defisit.

iv. Aset Kewangan Sedia Dijual

Aset Kewangan Sedia Dijual merupakan aset bukan derivatif yang ditentukan sebagai sedia untuk dijual atau tidak diklasifikasi sebagai pinjaman dan penghutang, aset pelaburan dipegang sehingga matang atau aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit.

Selepas taksiran awal, aset kewangan sedia dijual akan ditaksir pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian diiktiraf terus ke aset bersih melalui Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti sehinggalah aset berkenaan dinyahiktiraf. Penyahiktirafan ini dibuat melalui lebihan atau defisit.

(c) Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan itu luput atau aset kewangan dipindahkan kepada pihak lain tanpa mengekalkan kawalan atau risiko dan ganjaran atas aset tersebut pada kuantum yang signifikan. Pada penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa dan jumlah ganjaran yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperoleh tolak sebarang liabiliti baru diambil alih) diiktiraf ke lebihan atau defisit.

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

3.2. Instrumen Kewangan (sambungan)

3.2.1 Aset Kewangan (sambungan)

(c) Penyahiktirafan (sambungan)

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, obligasi yang dinyatakan dalam kontrak tamat atau dibatalkan atau luput. Pada penyahiktirafan liabiliti kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa liabiliti kewangan yang dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan ganjaran yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau diambil alih liabilitinya, diiktiraf ke lebihan atau defisit.

(d) Rosot Nilai untuk Aset Kewangan

Penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa aset-aset kewangan mengalami rosot nilai. Aset kewangan dianggap mengalami rosot nilai apabila terdapat bukti objektif tentang rosot nilai disebabkan kejadian selepas tarikh taksiran awal yang memberi kesan kepada anggaran aliran tunai hadapan.

Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa kerugian rosotnilai atas aset-aset kewangan telah ditanggung, pertimbangan dibuat ke atas faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang yang signifikan dan kemungkiran bayaran atau tundaan yang signifikan dalam pembayaran.

i. Aset Kewangan dinyatakan Pada Kos Terlunas

Untuk aset kewangan dinyatakan pada kos terlunas, semakan awal dibuat untuk menentukan samada terdapat, secara individual, bukti objektif tentang rosot nilai untuk aset kewangan yang signifikan secara individual, atau secara kolektif untuk aset yang tidak signifikan bila berdiri secara individual.

Sekiranya sebarang bukti sedemikian wujud, jumlah kerugian penurunan nilai ditaksir sebagai perbezaan antara jumlah bawa aset dan nilai semasa bagi aliran tunai masa depan yang dianggarkan didiskaun pada kadar faedah efektif asal aset kewangan tersebut. Kerugian rosot nilai tersebut diiktiraf ke lebihan atau defisit.

Nilai bawa aset kewangan tersebut dikurangkan menerusi akaun peruntukan. Apabila penghutang perdagangan menjadi tidak boleh dikutip, ianya dihapus kira menerusi akaun peruntukan tersebut. Kerugian rosot nilai diiktiraf ke lebihan atau defisit.

Jika dalam tempoh seterusnya, jumlah kerugian rosot nilai berkurang dan pengurangan ini boleh dikaitkan dengan secara objektif kepada satu peristiwa terjadi selepas rosot nilai tersebut diiktiraf, kerugian rosot nilai diiktiraf terdahulu diterbalikkan ke tahap di mana nilai bawa aset tersebut tidak melebihi kos dilunaskan pada tarikh tersebut. Jumlah yang diterbalikkan diiktiraf ke lebihan atau defisit.

ii. Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual

Penurunan yang signifikan atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kos, kesukaran kewangan penerbit atau penanggung obligasi yang signifikan, dan ketiadaan pasaran dagangan yang aktif adalah pertimbangan-pertimbangan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa sekuriti pelaburan diklasifikasi sebagai aset-aset kewangan sedia untuk dijual dirosotnilai.

'Signifikan' bermaksud bandingan kepada kos asal manakala 'berpanjangan' bermaksud bandingan kepada tempoh nilai saksama jatuh dari paras kos asal.

Jika aset kewangan sedia untuk dijual dirosotnilai, satu jumlah yang terdiri daripada perbezaan antara kosnya (bersih dari sebarang pembayaran prinsipal dan pelunasan) dan nilai saksama semasanya, ditolak sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf sebelum ini di dalam lebihan atau defisit, dipindah daripada rizab di dalam ekuiti ke lebihan atau defisit.

Untuk instrumen hutang yang diklasifikasi sebagai sedia untuk dijual, semakan rosot nilai menggunakan asas yang sama dengan aset kewangan dinyatakan pada kos terlunas. Walau bagaimanapun, amaun yang dinyatakan untuk rosot nilai ialah kerugian kumulatif ditaksir sebagai perbezaan di antara kos terlunas dan nilai saksama selepas sebarang kerugian ke atas pelaburan yang dahulunya pernah diiktiraf ke lebihan atau defisit.

3. **POLISI PERAKAUNAN PENTING (sambungan)**

3.2. Instrumen Kewangan (sambungan)

3.2.2 Liabiliti Kewangan

(a) Pengiktirafan dan Taksiran Awal

Liabiliti kewangan yang terkandung di dalam skop MPSAS 29 diklasifikasikan mengikut kesesuaian sebagai: -

- liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit, atau
- pinjaman dan pembiayaan.

Klasifikasi ini ditentukan semasa pengiktirafan awal.

Liabiliti kewangan termasuk pemiutang dagangan dan pemiutang lain, overdraf bank, pinjaman dan pembiayaan, dan kontrak jaminan kewangan.

Semua liabiliti kewangan asalnya diiktiraf pada nilai saksama dan untuk pinjaman dan pembiayaan, dicampur kos transaksi langsung berkaitan.

(b) Penilaian Berikutan

Penilaian berikutan untuk liabiliti kewangan bergantung kepada klasifikasi masing-masing.

i. Liabiliti Kewangan Pada Nilai Saksama melalui Lebihan atau Defisit

Liabiliti ini termasuk liabiliti kewangan dipegang untuk diniagakan dan liabiliti kewangan ditentukan di waktu pengiktirafan asalnya pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit.

Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk diniagakan sekiranya diperoleh dengan tujuan untuk dijual dalam tempoh terdekat.

Keuntungan atau kerugian dari liabiliti dipegang untuk diniagakan diiktiraf ke lebihan atau defisit.

ii. Pinjaman dan Pembiayaan

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman mengandungi faedah dan pembiayaan ditaksir pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan dan kerugian diiktiraf ke lebihan atau defisit apabila liabiliti dinyahiktiraf dan juga melalui proses pelunasan berkaedah faedah efektif.

Kos pelunasan dibuat dengan mengambil kira sebarang diskaun atau premium semasa pengambilan dan fi atau kos yang berhubung dengan kadar faedah efektif.

(c) Penyahiktirafan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi telah dipisah keluar, dibatal atau tamat.

Apabila liabiliti kewangan sedia ada ditukar dengan yang lain oleh pemiutang yang sama pada terma yang ketara perbezaannya, atau terma liabiliti sedia ada dimodifikasi secara ketara, pertukaran atau modifikasi berkenaan dikaedahkan sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru, dan perbezaan diantara nilai bawa diiktiraf ke lebihan atau defisit.

(d) Hapus silang (Offsetting) Instrumen Kewangan

Aset dan liabiliti kewangan dihapus silang dan nilai bersih dilaporkan di dalam penyata kedudukan kewangan sekiranya terdapat hak perundangan yang boleh dikuatkuasakan untuk menghapus silang amaun yang diiktiraf dan terdapat hasrat untuk menyelesaikan secara asas bersih, atau untuk merealisasikan aset dan liabiliti secara serentak.

3. **POLISI PERAKAUNAN PENTING (sambungan)**

3.3. Tunai dan Tunai Setara

Tunai dan tunai setara adalah tunai di tangan, baki dalam bank, deposit permintaan jangka pendek dan pelaburan jangka pendek cair yang boleh ditukarkan kepada jumlah tunai yang diketahui dan adalah tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

3.4. Inventori

Inventori dinyatakan pada kos lebih rendah dan nilai direalisasi bersih selepas ditolak kos penyiapan dan pengedaran. Walaubagaimanapun, untuk kelas inventori yang diedarkan atau digunakan tanpa sebarang bayaran atau dengan bayaran yang nominal, kelas inventori tersebut dinyatakan pada yang lebih rendah antara kos dan kos penggantian semula.

Kos barangan ditentukan berdasarkan asas purata wajaran. Kos termasuk harga pembelian sebenar dan kos sampingan yang ditanggung dalam membawa inventori ke lokasi kini.

3.5. Hartanah, loji dan peralatan

(a) Pengiktirafan dan taksiran

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada harga kos setelah ditolak susut nilai dan rosot nilai terkumpul.

Kos adalah termasuk kos perbelanjaan yang berkait secara terus semasa perolehan aset tersebut. Perisian komputer yang bersepadu dengan fungsi peralatan berkenaan dikaedahkan sebagai sebahagian aset yang berkenaan. Apabila terdapat bahagian penting sesuatu hartanah, loji dan peralatan mempunyai anggaran usia penggunaan yang berbeza, bahagian berkenaan akan dikaedahkan sebagai aset berasingan.

Sekiranya aset diperolehi melalui transaksi bukan pertukaran, tanpa sebarang kos atau balasan nominal, dan di mana nilai saksama boleh ditentukan, aset tersebut pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama dan sebagai pendapatan di dalam penyata prestasi kewangan.

Kos berikutnya akan dimasukkan dalam nilai bawa aset tersebut atau diambil kira sebagai aset yang berasingan, sekiranya bersesuaian, hanya apabila faedah ekonomi masa hadapan berkaitan dengan aset itu, berkemungkinan boleh diperolehi dan kos tersebut boleh ditaksir dengan munasabah.

Apabila hartanah, loji dan peralatan dijual, untung atau rugi hasil dari penjualan tersebut ditentukan dengan membandingkan harga jualan dengan nilai dibawa aset berkenaan dan akan dikredit atau didebitkan ke lebihan atau defisit, di mana berkenaan.

Kos penukaran komponen sesuatu aset diiktiraf ke dalam nilai bawa aset berkenaan sekiranya terdapat manfaat ekonomi yang terkandung di dalam aset boleh dinikmati pada masa hadapan dan kos berkenaan boleh diukur dengan wajarnya. Nilai bawa untuk komponen yang ditukar dinyahiktiraf ke lebihan atau defisit.

Kerja dalam proses merujuk kepada kos perbelanjaan yang belum lagi disempurnakan pada akhir tempoh kewangan yang berkait secara langsung dengan aktiviti pembangunan termasuk pengambilan tanah. Setelah projek siap dan mendapat Sijil Perakuan Siap Kerja, pengkelasan ke kategori aset yang berkenaan akan dilakukan.

3. **POLISI PERAKAUNAN PENTING (sambungan)**

3.5. Hartanah, loji dan peralatan

(b) Susut Nilai

Komponen penting bagi sesuatu aset dipertimbangkan dan sekiranya mempunyai usia penggunaan berbeza, komponen berkenaan disusutnilaikan secara berasingan.

Tanah milik bebas dan kerja dalam proses tidak disusutnilaikan.

Semua hartanah, loji dan peralatan lain disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia penggunaan berikut:-

Tanah pajakan	Sepanjang jangka pajak
Bangunan dan pembaikan	20 tahun atau ikut tempoh sewaan
Kemudahan dan pembaikan	10 tahun
Jentera	5 tahun
Kenderaan	5 tahun
Peralatan dan kelengkapan	5 tahun
Aset infrastruktur	10 hingga 20 tahun

Nilai bawa aset akan dikaji semula apabila terdapat petanda yang menunjukkan nilai aset terjejas. Hartanah, loji dan peralatan akan dinyatakan ke nilai pulih semula kurang dari nilai bawa. Nilai pulih semula adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai bersih boleh direalisasikan dan nilai penggunaannya.

3.6. Aset Tak Ketara

Kos aset tak ketara bagi Paten, Cap Dagang, Reka Bentuk Industri, Hakcipta, Varieti Tumbuhan Baru, Rekabentuk Susun Atur Litar Bersepadu dan Perbaharuan Utiliti meliputi kos awalan pemfailan harta intelek melibatkan semua projek inovasi yang mempunyai nilai komersil pada masa akan datang. Semua kos penyelidikan dan pembangunan telah diiktiraf sebagai belanja. Pelunasan seterusnya dibuat berdasarkan kepada jangka usia aset tak ketara tersebut.

3.7. Manfaat Pekerja

Manfaat pekerja berkenaan upah, gaji, bonus dan gantian cuti rehat dikira atas dasar tanpa diskaun dan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja.

Bayaran manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan Tahun Semasa sebagai perbelanjaan manfaat pekerja dan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan diiktiraf secara akruan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai peruntukan manfaat kakitangan.

Jenis peruntukan manfaat kakitangan yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantian cuti rehat dan manfaat perubatan pasca persaraan. Pengiraan peruntukan dibuat berdasarkan kaedah penilaian aktuari.

Keuntungan atau kerugian atas penilaian aktuari diiktiraf dalam Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti dalam tempoh kewangan di mana ia berlaku sepenuhnya.

3.8. Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Universiti mempunyai obligasi semasa (secara konstruktif dan perundangan), kesan daripada peristiwa lalu dan berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang melibatkan manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan amaun obligasi itu boleh dianggarkan dengan pasti.

Peruntukan disemak pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk membayangkan anggaran semasa terbaik. Jika tiada lagi kemungkinan bahawa aliran keluar sumber ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi berkenaan, peruntukan tersebut akan dibalikkan.

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

3.8. Peruntukan

(a) Liabiliti Rehabilitasi

Kos rehabilitasi diperuntukkan pada nilai semasa kos jangkaan untuk menyelesaikan obligasi, menggunakan anggaran aliran tunai sebagai sebahagian kos aset berkenaan. Aliran tunai didiskaunkan pada kadar sebelum cukai semasa yang menggambarkan risiko spesifik untuk liabiliti rehabilitiasi berkenaan. Perungkaian diskaun dicaj sebagai kos kewangan di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Anggaran kos di masa hadapan untuk pemberhentian dikaji secara tahunan dan diselaraskan sebagaimana yang sesuai. Perubahan kepada anggaran kos di masa hadapan atau kadar diskaun yang digunakan akan dicampur atau ditolak dari kos asal aset berkenaan.

(b) Liabiliti Kontingen

Kumpulan dan Universiti tidak mengiktiraf liabiliti kontingen, tetapi memberi penerangan tentang kontingensi di dalam nota kepada penyata kewangan, melainkan aliran sumber ekonomi dijangka akan berlaku.

3.9. Sifat dan Tujuan Kumpulan Wang dan Rizab

a. Kumpulan Wang Mengurus

Kumpulan wang mengurus merujuk kepada aktiviti operasi pengurusan Kumpulan dan Universiti.

b. Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan wang pembangunan merujuk kepada lebihan penilaian semula aset tanah Universiti dan hasil serta perbelanjaan yang berkaitan dengan geran pembangunan bagi projek yang telah tamat.

c. Kumpulan Wang Entiti Perniagaan

Kumpulan wang entiti perniagaan merujuk kepada aktiviti komersial Universiti.

d. Kumpulan Wang Tabung Amanah Dan Akaun Khas

Kumpulan wang tabung amanah dan akaun khas merujuk kepada aktiviti yang dikhususkan untuk akaun amanah dan akaun khas lain.

e. Kumpulan Wang Hasil

Kumpulan wang hasil merujuk kepada jumlah hasil yang dijanakan oleh Universiti serta perbelanjaan langsung dan perbelanjaan lain yang berkaitan bagi aktiviti penjanaan hasil tersebut.

f. Kumpulan Wang Pelaburan

Kumpulan wang pelaburan merujuk kepada aktiviti berkaitan dengan dana pelaburan yang diluluskan oleh Universiti.

g. Kumpulan Wang Pinjaman

Kumpulan wang pinjaman merujuk kepada aktiviti pinjaman bagi pinjaman komputer dan pinjaman kenderaan Universiti.

h. Kumpulan Wang Penyelidikan

Kumpulan wang penyelidikan merujuk kepada hasil dan perbelanjaan yang berkaitan aktiviti projek penyelidikan yang telah tamat.

3.10. Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan transaksi bukan tukaran

a. Geran Kerajaan tanpa syarat perlaksanaan spesifik diiktiraf sebagai pendapatan apabila geran berkenaan dapat dipastikan penerimaannya.

b. Geran Kerajaan dengan syarat perlaksanaan spesifik diiktiraf sebagai pendapatan apabila terlaksana syarat-syarat berkenaan.

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

3.10. Pengiktirafan Pendapatan (sambungan)

Pendapatan transaksi bukan tukaran (sambungan)

c. Pendapatan yuran (bersubsidi) yang kurang dari nilai saksama pembelajaran diberikan oleh Universiti diiktiraf berdasarkan akruan mengikut peratusan tempoh pembelajaran atau apabila Universiti tidak perlu membuat pemulangan yuran kepada pelajar.

d. Pendapatan sewaan (bersubsidi) yang kurang dari nilai saksama fasiliti disewakan oleh Universiti diiktiraf mengikut asas akruan mengikut tempoh perjanjian penyewaan.

e. Hasil perkhidmatan (bersubsidi) rawatan perubatan hospital, klinik dan hasil penjualan ubat-ubatan yang kurang dari nilai saksama diberikan oleh Pusat Kesihatan Universiti diiktiraf apabila perkhidmatan telah diberikan kepada pelanggan.

f. Sumbangan dari pihak luar yang terdiri daripada orang perseorangan atau korporat akan diiktiraf apabila hak untuk menerimanya dapat dipastikan.

Pendapatan transaksi tukaran

a. Pendapatan yuran (tidak bersubsidi) diiktiraf berdasarkan akruan mengikut peratusan tempoh pembelajaran atau apabila Universiti tidak perlu membuat pemulangan yuran kepada pelajar.

b. Pendapatan faedah dari simpanan dan deposit tetap diiktiraf mengikut asas akruan.

c. Pendapatan dari kutipan sewaan diiktiraf mengikut asas akruan mengikut tempoh perjanjian penyewaan yang berkaitan.

d. Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima pembayaran ditetapkan.

e. Hasil keuntungan daripada pinjaman kenderaan dikira berasaskan baki pokok pinjaman setiap bulan. Keuntungan daripada pinjaman komputer diiktiraf terus semasa pinjaman dikeluarkan.

f. Hasil perkhidmatan (tidak bersubsidi) operasi hospital, klinik dan hasil penjualan ubat-ubatan diiktiraf apabila perkhidmatan telah diberikan kepada pelanggan.

g. Pendapatan bagi pengurusan dan perkhidmatan perundingan serta khidmat perubatan diiktiraf berasaskan akruan apabila perkhidmatan telah diberikan kepada pelanggan. Pendapatan projek rundingan diiktiraf berasaskan akruan mengikut peratus kerja siap.

h. Hasil jualan aset diiktiraf apabila risiko dan ganjaran signifikan telah beralih kepada pembeli.

3.11. Rosotnilai untuk Aset Bukan Kewangan

Semakan dibuat sama ada terdapat petanda bahawa nilai dibawa aset bukan kewangan mengalami rosot nilai. Sekiranya ada, anggaran nilai yang boleh diperolehi aset berkenaan akan dilakukan.

Bagi tujuan menyemak rosot nilai, aset bukan kewangan dikumpulkan pada Jabatan Bendahari, iaitu tahap terendah di mana aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan.

Nilai boleh pulih aset adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama selepas kos untuk jualan dan nilai gunaan. Untuk mentafsir nilai gunaan, unjuran aliran tunai didiskaunkan pada kadar diskaun sebelum cukai yang berpandukan kepada taksiran pasaran semasa untuk aset atau Jabatan Bendahari berkenaan.

Rosot nilai akan diiktiraf apabila nilai bawa untuk aset atau Jabatan Bendahari yang berkenaan melebihi jumlah boleh diperolehi. Pertambahan seterusnya ke atas jumlah yang boleh diperolehi oleh sesuatu aset dikira sebagai pembalikkan kerugian atas sebab pengurangan kekal terdahulu dan diambilkira setakat nilai aset yang dibawa tersebut yang sepatutnya dikira (jumlah bersih perlunasan dan susutnilai) jika kerugian atas sebab pengurangan kekal tidak diambilkira. Nilai yang diterbalikkan ini diambilkira ke lebihan atau defisit bagi tahun semasa.

3. **POLISI PERAKAUNAN PENTING (sambungan)**

3.12. Kontrak Konsesi Perkhidmatan

Kontrak konsesi perkhidmatan merupakan kontrak diantara UKM, melalui Hospital Pakar Kanak-Kanak ("HPKK") sebagai grantor dan pihak operator yang mana:

- Pihak operator memberi perkhidmatan kepada HPKK untuk tempoh yang ditetapkan dan
- Perkhidmatan oleh pihak operator dibayar sepanjang tempoh berkenaan.

Aset konsesi perkhidmatan diiktiraf apabila Kumpulan dan Universiti mula mengawal perkhidmatan yang perlu disediakan oleh pihak operator mengikut terma kontrak konsesi.

Aset yang diiktiraf (meliputi bangunan, jentera dan kelengkapan) dinyatakan pada nilai saksama dan dinyatakan sebagai aset berasingan di dalam hartanah, loji dan peralatan – rujuk polisi perakaunan di nota 3.5. Selepas pengiktirafan awal, aset konsesi perkhidmatan dinyatakan mengikut model kos.

Kumpulan dan Universiti mengiktiraf liabiliti konsesi perkhidmatan (sebagai liabiliti kewangan) bersaing dengan aset ke paras yang mana aset konsesi perkhidmatan diiktiraf.

3.13. Kos Pinjaman

Semua kos pinjaman diiktiraf sebagai perbelanjaan ke dalam lebihan atau defisit dalam tempoh perbelanjaan berkenaan digunakan.

3.14. Pajakan

i. Sebagai pemajak

Pajakan kewangan, yang dipindahkan kepada Kumpulan dan Universiti secara ketara segala risiko dan ganjaran sampingan berkaitan kepada pemilikan item yang dipajak, dipermodal pada permulaaan pajakan tersebut pada nilai saksama aset yang dipajak tersebut, atau sekiranya lebih rendah, pada nilai semasa bagi pembayaran pajakan minimum. Sebarang kos-kos langsung awal juga ditambah kepada jumlah yang dipermodalkan. Pembayaran pajakan dibahagikan antara caj-caj kewangan dan pengurangan liabiliti pajakan tersebut untuk mencapai satu kadar faedah yang tetap atas baki liabiliti selebihnya. Caj-caj kewangan dicaj ke lebihan atau defisit. Sewa luar jangka, jika ada, dicaj sebagai perbelanjaan dalam tempoh dalam mana ianya ditanggung.

Aset yang dipajak disusut nilai sepanjang hayat berguna yang dianggar bagi aset tersebut. Walau bagaimanapun, jika tiada kepastian yang munasabah tentang perolehan pemilikan pada akhir tempoh pajakan, aset tersebut disusut nilai bagi tempoh yang lebih pendek antara jangka hayat berguna yang dianggar dan juga tempoh pajakan tersebut. Pembayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi atas dasar garis lurus bagi tempoh pajakan tersebut.

Manfaat agregat bagi insentif yang disediakan oleh pemberi pajak diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa bagi tempoh pajakan atas dasar garis lurus.

ii. Sebagai pemberi pajak

Pajakan di mana Kumpulan secara ketara mengekalkan segala risiko dan ganjaran pemilikan bagi aset tersebut diklasifikasi sebagai pajakan operasi. Kos langsung awal yang ditanggung dalam perundingan satu pajakan operasi ditambah kepada nilai bawa bagi aset yang dipajak dan diiktiraf bagi tempoh pajakan tersebut atas dasar yang sama dengan pendapatan sewa. Dasar perakaunan bagi pendapatan sewa dibentang dalam Nota 3.10.

3.15. Transaksi Matawang Asing

Transaksi matawang asing dinyatakan asalnya menggunakan kadar tukaran terpakai pada tarikh transaksi berkenaan. Pemiutang atau penghutang dagangan berdominasikan matawang asing pada tarikh berakhir tahun kewangan dilaporkan dengan menggunakan kadar tukaran pada hari tersebut. Perbezaan tukaran hasil dari penyelesaian dengan pemiutang, atau dari pelaporan semula pemiutang pada kadar yang berbeza dari apa yang dilaporkan sebelumnya, diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dalam tempoh perbezaan berkenaan timbul.

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

3.16. Cukai Pendapatan

Universiti

Universiti dikecualikan daripada cukai pendapatan di bawah perenggan 13 Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 kecuali bagi pendapatan dividen.

Kumpulan

Cukai dalam penyata kewangan entiti dikawal terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jangkaan cukai yang perlu dibayar terhadap pendapatan boleh cukai pada tahun semasa, menggunakan kadar cukai yang diterima pakai atau sebahagian besarnya diterima pakai pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, dan apa-apa pelarasan ke atas cukai perlu dibayar bagi tahun-tahun sebelumnya.

Cukai tertunda diperuntukkan ke atas perbezaan sementara yang merupakan perbezaan di antara amaun bawaan dalam penyata kewangan dan asas cukai yang sama bagi aset dan liabiliti pada akhir tempoh pelaporan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai yang dijangka meningkatkan keuntungan boleh dicukai pada masa depan. Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak yang dijangka akan mengurangkan keuntungan boleh cukai pada masa depan dan kerugian cukai tidak digunakan yang dibawa ke hadapan dan kredit cukai yang boleh digunakan.

Liabiliti dan aset cukai tertunda menggambarkan kesan cukai yang akan mengikuti daripada cara Kumpulan menjangkakan untuk mendapatkan semula atau menyelesaikan amaun bawaan aset dan liabiliti dan ditaksir pada kadar cukai dan undang-undang yang dijangka akan digunakan untuk tempoh apabila aset tersebut direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh pelaporan.

3.17. Maklumat Bajet

Universiti

Bajet tahunan merujuk kepada perbelanjaan dan pendapatan dirancang untuk menentukan keperluan Universiti (tidak termasuk entiti dikawal) yang didedahkan di dalam Penyata Penyesuaian Bajet dan Amaun Sebenar mengikut asas tunai sebagaimana bajet tahunan Universiti yang disedia dan dibentangkan.

3.18. Penggunaan Pertimbangan, Anggaran dan Andaian

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MPSAS memerlukan pihak pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan jumlah aset-aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Walaupun anggaran dan pandangan adalah berdasarkan pengetahuan terbaik namun demikian keputusan sebenar mungkin berbeza.

Anggaran dan andaian mendasari semakan secara berterusan. Perbezaan akibat semakan kepada anggaran perakaunan diikitiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh yang berkenaan.

(a) Pertimbangan

Dalam proses mengguna pakai polisi perakaunan, pihak pengurusan telah membuat pertimbangan yang berikut, yang mempunyai kesan paling ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan:-

i. Rosot Nilai Atas Pelaburan dalam Entiti dikawal

Semakan dibuat ke atas Aset Kewangan Sedia Dijual pada setiap tarikh pelaporan untuk menilai sama ada wujudnya bukti yang objektif bahawa rosot nilai telah dialami. Sekiranya terdapat petunjuk-petunjuk atau bukti yang objektif, pelaburan berkenaan tertakluk kepada semakan rosot nilai. Dalam menjalankan semakan rosot nilai, pertimbangan adalah diperlukan. Penentuan sama ada pelaburan mengalami rosot nilai adalah berdasarkan petunjuk tertentu seperti antara lain, penurunan berpanjangan dalam nilai saksama.

3. **POLISI PERAKAUNAN PENTING (sambungan)**

3.18. Penggunaan Pertimbangan, Anggaran dan Andaian (sambungan)

ii. Rosot Nilai Atas Aset Kewangan Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan

Semakan dibuat ke atas Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan secara individu pada setiap tarikh pelaporan untuk menilai sama ada rosot nilai perlu direkodkan ke lebihan atau defisit. Anggaran-anggaran yang perlu dipertimbangkan adalah kualiti kredit, tahap tunggakan, penggunaan kredit, nisbah pinjaman kepada cagaran, nilai cagaran dan sebagainya.

(b) Anggaran dan Andaian

Andaian utama mengenai masa hadapan dan sumber utama terhadap ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan material kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang, diterangkan seperti di bawah. Penyata Kewangan telah disediakan berdasarkan andaian dan menganggarkan pada parameter yang tersedia. Anggaran dan andaian yang digunakan dibuat semakan sepanjang masa. Keadaan dan andaian yang ada tentang perkembangan masa hadapan, bagaimanapun, mungkin berubah. Perubahan kepada anggaran tersebut diiktiraf dalam tempoh kewangan kajian semula dibuat dan juga mana-mana tempoh kewangan hadapan yang terlibat.

i. Rosot Nilai Atas Aset Kewangan Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan

Dalam menentukan rosot nilai ke atas Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan, anggaran dibuat ke atas jumlah dan masa aliran tunai masa hadapan. Dalam menganggarkan aliran tunai ini, pertimbangan dibuat mengenai peminjam atau keadaan kewangan pelanggan dan nilai boleh direalisasi bersih cagaran.

HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Kumpulan									
	Tanah milik bebas RM	Tanah pajakan RM	Bangunan dan pembaikan RM	Kemudahan dan pembaikan RM	Jentera RM	Kenderaan RM	Peralatan dan kelengkapan RM	Aset konsesi perkhidmatan RM	Kerja dalam kemajuan RM	Jumlah 2020 RM
Kos										
Baki awal tahun	4,912,446,910	1,070,222,696	1,674,156,993	100,153,302	14,587,012	28,790,870	1,216,995,550	-	94,555,708	9,111,909,041
Penambahan	-	-	1,751,838	-	1,436,621	1,616,853	35,726,604	624,180,000	30,148,985	694,860,901
Pelupusan	-	-	-	(28,357,899)	-	(108,370)	(39,752,049)	-	-	(68,218,318)
Hapuskira	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pindahan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pindahan dari kerja dalam kemajuan	-	-	57,184,152	-	-	-	8,046,702	-	(65,284,152)	(53,298)
Baki akhir tahun	4,912,446,910	1,070,222,696	1,733,092,983	71,795,403	16,023,633	30,299,353	1,221,016,807	624,180,000	59,420,541	9,738,498,326
Susutnilai terkumpul										
Pada awal	-	43,361,885	1,136,214,394	83,991,288	10,982,359	27,478,226	1,107,117,394	-	-	2,409,145,546
Susutnilai	-	10,810,679	44,725,173	4,126,533	1,040,541	489,228	40,632,670	6,805,637	-	108,630,461
Pelupusan	-	(5,610)	(5,489,848)	(25,222,347)	-	(108,368)	(34,280,875)	-	-	(65,107,048)
Pada akhir tahun	-	54,166,954	1,175,449,719	62,895,474	12,022,900	27,859,086	1,113,469,189	6,805,637	-	2,452,668,959
Nilai bawa bersih Pada 31 Disember 2020	4,912,446,910	1,016,055,742	557,643,264	8,899,929	4,000,733	2,440,267	107,547,618	617,374,363	59,420,541	7,285,829,367

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2020

HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

	Kumpulan									
	Tanah milik bebas RM	Tanah pajakan RM	Bangunan dan pembaikan RM	Kemudahan dan pembaikan RM	Jentera RM	Kenderaan RM	Peralatan dan kelengkapan RM	Aset konsesi perkhidmatan RM	Kerja dalam kemajuan RM	Jumlah 2019 RM
Kos										
Baki awal tahun	4,912,446,910	1,070,222,696	1,657,339,458	97,812,243	10,553,218	28,601,739	1,224,941,597	-	104,672,625	9,106,590,486
Kesan pemakaian MPSAS	-	-	-	-	-	-	(12,212,501)	-	-	(12,212,501)
Seperti dinyatakan semula	4,912,446,910	1,070,222,696	1,657,339,458	97,812,243	10,553,218	28,601,739	1,212,729,096	-	104,672,625	9,094,377,985
Penambahan	-	-	8,734,691	-	74,420	607,941	35,174,911	-	36,851,117	81,443,080
Pelupusan	-	-	-	-	(3,625)	(418,810)	(54,361,513)	-	(423,124)	(55,207,072)
Hapuskira	-	-	(324,232)	-	-	-	(25,088)	-	-	(349,320)
Pindahan	-	-	-	-	-	-	-	-	(8,027,873)	(8,027,873)
Pindahan dari kerja dalam kemajuan	-	-	8,407,076	2,341,059	3,962,999	-	23,478,144	-	(38,517,037)	(327,759)
Baki akhir tahun	4,912,446,910	1,070,222,696	1,674,156,993	100,153,302	14,587,012	28,790,870	1,216,995,550	-	94,555,708	9,111,909,041
Susutnilai terkumpul										
Pada awal	-	32,547,426	1,092,070,368	79,294,596	9,829,893	27,046,876	1,125,661,939	-	-	2,366,451,098
Kesan pemakaian MPSAS	-	-	-	-	-	-	(9,899,427)	-	-	(9,899,427)
Seperti dinyatakan semula	-	32,547,426	1,092,070,368	79,294,596	9,829,893	27,046,876	1,115,762,512	-	-	2,356,551,671
Susutnilai	-	10,814,459	44,186,644	4,696,692	1,152,756	850,155	43,515,824	-	-	105,216,530
Pelupusan	-	-	(42,618)	-	(290)	(418,805)	(52,160,942)	-	-	(52,622,655)
Pada akhir tahun	-	43,361,885	1,136,214,394	83,991,288	10,982,359	27,478,226	1,107,117,394	-	-	2,409,145,546
Nilai bawa bersih										
Pada 31 Disember 2019	4,912,446,910	1,026,860,811	537,942,599	16,162,014	3,604,653	1,312,644	109,878,156	-	94,555,708	6,702,763,495

HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

	Universiti									
	Tanah milik bebas RM	Tanah pajakan RM	Bangunan dan pembaikan RM	Kemudahan dan pembaikan RM	Jentera RM	Kenderaan RM	Peralatan dan kelengkapan RM	Aset konsesi perkhidmatan RM	Kerja dalam kemajuan RM	Jumlah 2020 RM
Kos										
Baki awal tahun	4,912,446,910	1,070,222,696	1,652,647,525	100,116,152	13,695,981	28,492,487	1,182,680,965	-	94,329,832	9,054,632,548
Penambahan	-	-	777,295	-	1,408,000	1,518,000	34,534,087	624,180,000	30,148,985	692,566,367
Pelupusan	-	-	-	(28,357,899)	-	(108,370)	(39,684,831)	-	-	(68,151,100)
Pindahan dari kerja dalam kemajuan	-	-	56,958,276	-	-	-	8,100,000	-	(65,058,276)	-
Baki akhir tahun	4,912,446,910	1,070,222,696	1,710,383,096	71,758,253	15,103,981	29,902,117	1,185,630,221	624,180,000	59,420,541	9,679,047,815
Susutnilai terkumpul										
Baki awal tahun	-	43,361,885	1,133,147,735	83,971,475	10,214,217	27,247,839	1,100,292,675	-	-	2,398,235,826
Susutnilai	-	10,810,679	43,012,401	4,119,103	995,617	459,566	38,926,436	6,805,637	-	105,129,439
Pelupusan	-	(5,610)	-	(25,222,347)	-	(108,368)	(39,663,970)	-	-	(65,000,295)
Baki akhir tahun	-	54,166,954	1,176,160,136	62,868,231	11,209,834	27,599,037	1,099,555,141	6,805,637	-	2,438,364,970
Nilai bawa bersih										
Pada 31 Disember 2020	4,912,446,910	1,016,055,742	534,222,960	8,890,022	3,894,147	2,303,080	86,075,080	617,374,363	59,420,541	7,240,682,845

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2020

HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

	Universiti									
	Tanah milik bebas RM	Tanah pajakan RM	Bangunan dan pembaikan RM	Kemudahan dan pembaikan RM	Jentera RM	Kenderaan RM	Peralatan dan kelengkapan RM	Aset konsesi perkhidmatan RM	Kerja dalam kemajuan RM	Jumlah 2019 RM
Kos										
Baki awal tahun	4,912,446,910	1,070,222,696	1,649,429,106	97,775,093	9,732,982	28,303,356	1,215,203,246	-	68,023,540	9,051,136,929
Kesan pemakaian MPSAS	-	-	-	-	-	-	(12,212,501)	-	-	(12,212,501)
Seperti dinyatakan semula	4,912,446,910	1,070,222,696	1,649,429,106	97,775,093	9,732,982	28,303,356	1,202,990,745	-	68,023,540	9,038,924,428
Penambahan	-	-	-	-	-	607,941	33,618,413	-	36,209,644	70,435,998
Pelupusan	-	-	-	-	-	(418,810)	(54,309,068)	-	-	(54,727,878)
Pindahan dari kerja dalam kemajuan	-	-	3,218,419	2,341,059	3,962,999	-	380,875	-	(9,903,352)	-
Kos	4,912,446,910	1,070,222,696	1,652,647,525	100,116,152	13,695,981	28,492,487	1,182,680,965	-	94,329,832	9,054,632,548
Susutnilai terkumpul										
Baki awal tahun	-	32,547,426	1,090,449,790	79,282,213	9,099,665	26,846,700	1,119,266,316	-	-	2,357,492,110
Kesan pemakaian MPSAS	-	-	-	-	-	-	(9,899,427)	-	-	(9,899,427)
Seperti dinyatakan semula	-	32,547,426	1,090,449,790	79,282,213	9,099,665	26,846,700	1,109,366,889	-	-	2,347,592,683
Susutnilai	-	10,814,459	42,697,945	4,689,262	1,114,552	819,944	42,727,243	-	-	102,863,405
Pelupusan	-	-	-	-	-	(418,805)	(51,801,457)	-	-	(52,220,262)
Kos	-	43,361,885	1,133,147,735	83,971,475	10,214,217	27,247,839	1,100,292,675	-	-	2,398,235,826
Nilai bawa bersih										
Pada 31 Disember 2019	4,912,446,910	1,026,860,811	519,499,790	16,144,677	3,481,764	1,244,648	82,388,290	-	94,329,832	6,656,396,722

Penggunaan tanah-tanah adalah terhad untuk tujuan pendidikan dan penyelidikan.

ASET TIDAK KETARA

	Kumpulan dan Universiti									
	Paten RM	Cap dagang RM	Rekabentuk industri RM	Hakcipta RM	Varieti tumbuhan baru RM	Rekabentuk alur litar bersepadu RM	Perbaharuan utiliti RM	Aplikasi sistem maklumat RM	Jumlah 2020 RM	Jumlah 2019 RM
Kos										
Baki awal tahun	3,796,630	305,812	31,928	167,728	33,581	1,908	147,895	12,199,699	16,685,181	16,488,906
Tambahan tahun semasa	175,010	10,300	2,040	18,300	-	-	-	-	205,650	209,078
Baki akhir tahun	3,971,640	316,112	33,968	186,028	33,581	1,908	147,895	12,199,699	16,890,831	16,697,984
Pelunasan terkumpul										
Baki awal tahun	1,606,768	268,776	11,197	92,379	16,077	709	38,989	9,886,629	11,921,524	11,715,769
Pelunasan	189,434	5,982	1,283	15,820	1,678	133	7,394	801,061	1,022,785	218,554
Baki akhir tahun	1,796,202	274,758	12,480	108,199	17,755	842	46,383	10,687,690	12,944,309	11,934,323
Nilai bawa bersih										
Pada 31 Disember 2020	2,175,438	41,354	21,488	77,829	15,826	1,066	101,512	1,512,009	3,946,522	-
Pada 31 Disember 2019	2,189,862	37,036	20,731	75,349	17,504	1,199	108,906	2,313,070	-	4,763,661
Pelunasan bagi tahun kewangan 31 Disember 2019	180,992	11,933	1,277	15,512	1,678	133	7,029	-	-	218,554

6. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

	Universiti	
	2020 RM	2019 RM
Kos		
Baki awal tahun	7,000,000	6,000,000
Tambahan tahun semasa	1,000,000	1,000,000
	8,000,000	7,000,000

Kesemua entiti-entiti dikawal ditubuhkan di Malaysia, tidak tersiar harga dan maklumat lanjut adalah seperti berikut:

No.	Nama syarikat	Jumlah pegangan saham	Pegangan ekuiti 2020	Pegangan ekuiti 2019	Aktiviti utama
1	UKM Holdings Sdn. Bhd.	7,000,000	100%	100%	Perkhidmatan pengurusan, pelaburan dan operasi restoran serta rumah rehat.
2	UKM Technology Sdn. Bhd.	1,000,000	100%	100%	Perkhidmatan perundingan pemindahan teknologi.

Maklumat berkenaan entiti-entiti dikawal di bawah UKM Holdings Sdn. Bhd. adalah seperti berikut:-

No.	Nama syarikat	Jumlah pegangan saham	Pegangan ekuiti 2020	Pegangan ekuiti 2019	Aktiviti utama
1	UKM Kesihatan Sdn. Bhd.	2,000,000	100%	100%	Perkhidmatan kesihatan dan perubatan serta hospital
2	UKM Pakarunding Sdn. Bhd.	2,500,000	100%	100%	Perkhidmatan perundingan
3	Unipeq Sdn. Bhd.	250,000	100%	100%	Perkhidmatan perundingan makanan
4	Puri Pujangga Sdn. Bhd.	1,000,000	100%	100%	Rumah tamu universiti, restoran dan kafe serta pengurusan acara
5	UKM Real Estate Sdn. Bhd. (Sebelum ini dikenali sebagai UKM Daya Urus Sdn. Bhd.)	500,000	100%	100%	Perkhidmatan pengubahsuaian dan penyelenggaraan
6	UKM Cetak Sdn. Bhd.	500,000	100%	100%	Percetakan

7. ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI LEBIHAN DAN DEFISIT

	Universiti	
	2020 RM	2019 RM
Pelaburan dengan Pengurus Pelaburan luar	113,031,059	76,418,952
Saham tersiarharga	73,863,853	75,140,118
	186,894,912	151,559,070

Pelaburan dengan Pengurus Pelaburan terdiri daripada:

i) Maybank Islamic Assets Management
ii) KAF Investment Fund Berhad
iii) PNB Berhad
iv) RHB Asset Management Sdn. Bhd.
v) Amanah Raya Berhad

Saham tersiarharga merupakan saham dari Perlis Plantation Berhad.

8. ASET KEWANGAN LAIN

	Kumpulan		Universiti	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
Dinyatakan pada kos:-				
Saham tak siar harga	700,000	700,000	500,000	500,000

Saham tak siar harga terdiri daripada Meteor dan MyRen Network Sdn. Bhd.

(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2020

PENGHUTANG TRANSAKSI TUKARAN

		Nilai bawa					Pergerakan elaun rosot nilai				
2020	**Nota**	**Jumlah kasar RM**	**Peruntukan rosot nilai RM**	**Nilai bawa RM**	***Aset bukan semasa RM***	***Aset semasa RM***	**Baki awal RM**	**Caj tahun semasa (individu) RM**	**Caj tahun semasa (kolektif) RM**	**Pembalikan tahun semasa RM**	**Baki akhir RM**
Kumpulan											
Terhutang oleh pelajar	9a	64,455,671	(21,932,689)	42,522,982	-	42,522,982	4,907,787	-	17,024,902	-	21,932,689
Penghutang komersil /penaja	9b	42,175,775	(15,224,830)	26,950,945	-	26,950,945	3,430,958	11,431	12,286,419	(503,978)	15,224,830
Terhutang oleh pelanggan hospital	9c	29,362,062	(19,480,240)	9,881,822	-	9,881,822	13,109,084	-	6,371,156	-	19,480,240
Pinjaman kakitangan	9d	9,266,583	(185,126)	9,081,457	6,641,072	2,440,385	165,103	20,023	-	-	185,126
Pelbagai penghutang dan deposit	9e	51,195,872	(33,978,886)	17,216,986	-	17,216,986	11,438,908	574,657	22,579,337	(614,016)	33,978,886
		196,455,963	(90,801,771)	105,654,192	6,641,072	99,013,120	33,051,840	606,111	58,261,814	(1,117,994)	90,801,771
Universiti											
Terhutang oleh pelajar	9a	64,455,671	(21,932,689)	42,522,982	-	42,522,982	4,907,787	-	17,024,902	-	21,932,689
Penghutang komersil /penaja	9b	24,588,187	(14,257,459)	10,330,728	-	10,330,728	1,971,040	-	12,286,419	-	14,257,459
Terhutang oleh pelanggan hospital	9c	29,362,062	(19,480,240)	9,881,822	-	9,881,822	13,109,084	-	6,371,156	-	19,480,240
Pinjaman kakitangan	9d	9,266,583	(185,126)	9,081,457	6,641,072	2,440,385	165,103	20,023	-	-	185,126
Pelbagai penghutang dan deposit	9e	46,472,048	(33,167,748)	13,304,300	-	13,304,300	10,908,794	293,633	22,579,337	(614,016)	33,167,748
		174,144,551	(89,023,262)	85,121,289	6,641,072	78,480,217	31,061,808	313,656	58,261,814	(614,016)	89,023,262

PENGHUTANG TRANSAKSI TUKARAN (sambungan)

		Nilai bawa					Pergerakan elaun rosot nilai				
2019	Nota	Jumlah kasar RM	Peruntukan rosot nilai RM	Nilai bawa RM	*Aset bukan semasa RM*	*Aset semasa RM*	Baki awal RM	Caj tahun semasa (individu) RM	Caj tahun semasa (kolektif) RM	Pembalikan tahun semasa RM	Baki akhir RM
Kumpulan											
Terhutang oleh pelajar	9a	56,368,548	(4,907,787)	51,460,761	-	51,460,761	3,829,856	-	1,077,931	-	4,907,787
Penghutang komersil /penaja	9b	37,538,933	(3,430,958)	34,107,975	-	34,107,975	7,048,047	1,485,075	(4,459,668)	(642,496)	3,430,958
Terhutang oleh pelanggan hospital	9c	23,509,062	(13,109,084)	10,399,978	-	10,399,978	9,076,878	-	4,032,206	-	13,109,084
Pinjaman kakitangan	9d	8,618,264	(165,103)	8,453,161	5,382,152	3,071,009	183,548	-	-	(18,445)	165,103
Pelbagai penghutang dan deposit	9e	104,396,721	(11,438,908)	92,957,813	-	92,957,813	15,901,607	294,989	745,147	(5,502,835)	11,438,908
		230,431,528	(33,051,840)	197,379,688	5,382,152	191,997,536	36,039,936	1,780,064	1,395,616	(6,163,776)	33,051,840
Universiti											
Terhutang oleh pelajar	9a	56,368,548	(4,907,787)	51,460,761	-	51,460,761	3,829,856	-	1,077,931	-	4,907,787
Penghutang komersil /penaja	9b	28,572,567	(1,971,040)	26,601,527	-	26,601,527	6,430,708	-	(4,459,668)	-	1,971,040
Terhutang oleh pelanggan hospital	9c	23,509,062	(13,109,084)	10,399,978	-	10,399,978	9,076,878	-	4,032,206	-	13,109,084
Pinjaman kakitangan	9d	8,618,264	(165,103)	8,453,161	5,382,152	3,071,009	183,548	-	-	(18,445)	165,103
Pelbagai penghutang dan deposit	9e	97,771,471	(10,908,794)	86,862,677	-	86,862,677	15,666,482	-	745,147	(5,502,835)	10,908,794
		214,839,912	(31,061,808)	183,778,104	5,382,152	178,395,952	35,187,472	-	1,395,616	(5,521,280)	31,061,808

9. PENGHUTANG TRANSAKSI TUKARAN (sambungan)

ANALISA PENGUMURAN

9a. Terhutang oleh Pelajar

	Kumpulan dan Universiti	
	2020	2019
Jumlah kasar	RM	RM
Belum sampai tempoh tertunggak	5,846,524	5,152,950
Tertunggak melebihi tempoh 0-90 hari	25,941,819	17,241,451
Tertunggak melebihi tempoh 90-120 hari	3,625,382	4,113,670
Tertunggak melebihi tempoh 120 hari	29,041,946	29,860,477
	64,455,671	56,368,548

9b. Penghutang Komersil/Penaja

	Kumpulan		Universiti	
	2020	2019	2020	2019
Jumlah kasar	RM	RM	RM	RM
Belum sampai tempoh tertunggak	10,279,657	11,044,918	3,332,956	3,773,724
Tertunggak tanpa dirosot nilai				
- Tertunggak melebihi tempoh 0-90 hari	7,109,318	5,083,546	1,479,978	5,083,546
- Tertunggak melebihi tempoh 90-120 hari	3,238,057	691,935	2,523,194	691,935
- Tertunggak melebihi tempoh 120 hari	10,977,127	-	6,939,400	-
Tertunggak dan dirosot nilai				
- Tertunggak melebihi tempoh 0-90 hari	258,957	266,457	-	-
- Tertunggak melebihi tempoh 120 hari	10,312,659	20,452,077	10,312,659	19,023,362
	42,175,775	37,538,933	24,588,187	28,572,567

9c. Terhutang oleh Pelanggan Hospital

	Kumpulan dan Universiti	
	2020	2019
Jumlah kasar	RM	RM
Belum sampai tempoh tertunggak	3,768,957	-
Tertunggak tanpa dirosot nilai		
- Tertunggak melebihi tempoh 0-90 hari	6,110,866	3,849,506
- Tertunggak melebihi tempoh 120 hari	2,000	3,953,996
Tertunggak dan dirosot nilai		
- Tertunggak melebihi tempoh 0-90 hari	735,848	-
- Tertunggak melebihi tempoh 90-120 hari	18,744,391	-
- Tertunggak melebihi tempoh 120 hari	-	15,705,560
	29,362,062	23,509,062

9. PENGHUTANG TRANSAKSI TUKARAN (sambungan)

ANALISA PENGUMURAN (SAMBUNGAN) :-

9d. Pinjaman Kakitangan

	Kumpulan dan Universiti	
	2020	2019
Jumlah kasar	RM	RM
Dalam 1 tahun	2,440,385	3,236,112
Dalam 2 - 5 tahun	2,612,017	4,583,666
Lebih dari 5 tahun	4,214,181	798,486
	9,266,583	8,618,264

(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2020

PENGHUTANG TRANSAKSI TUKARAN (sambungan)

9e. Pelbagai Penghutang dan Deposit

	Nilai bawa			Pergerakan elaun rosot nilai				
2020	Jumlah kasar RM	Peruntukan rosot nilai RM	Nilai bawa RM	Baki awal RM	Caj tahun semasa (individu) RM	Caj tahun semasa (kolektif) RM	Pembalikan tahun semasa RM	Baki akhir RM
Kumpulan								
Penghutang kakitangan	2,803,131	(1,607,220)	1,195,911	2,221,236	-	-	(614,016)	1,607,220
Pinjaman pelajar	-	-	-	-	-	-	-	-
Penghutang gantirugi cuti belajar	33,219,952	(30,081,052)	3,138,900	7,501,715	-	22,579,337	-	30,081,052
Penghutang pecah kontrak perkhidmatan	1,457,881	(1,479,476)	(21,595)	1,185,843	293,633	-	-	1,479,476
Penghutang lain	3,939,573	(811,138)	3,128,435	530,114	281,024	-	-	811,138
Pendahuluan	34,941	-	34,941	-	-	-	-	-
Deposit	1,684,369	-	1,684,369	-	-	-	-	-
Pendapatan terakru	8,056,025	-	8,056,025	-	-	-	-	-
	51,195,872	(33,978,886)	17,216,986	11,438,908	574,657	22,579,337	(614,016)	33,978,886
Universiti								
Penghutang kakitangan	2,803,131	(1,607,220)	1,195,911	2,221,236	-	-	(614,016)	1,607,220
Pinjaman pelajar	-	-	-	-	-	-	-	-
Penghutang gantirugi cuti belajar	33,219,952	(30,081,052)	3,138,900	7,501,715	-	22,579,337	-	30,081,052
Penghutang pecah kontrak perkhidmatan	1,457,881	(1,479,476)	(21,595)	1,185,843	293,633	-	-	1,479,476
Penghutang lain	-	-	-	-	-	-	-	-
Pendahuluan	-	-	-	-	-	-	-	-
Deposit	935,059	-	935,059	-	-	-	-	-
Pendapatan terakru	8,056,025	-	8,056,025	-	-	-	-	-
	46,472,048	(33,167,748)	13,304,300	10,908,794	293,633	22,579,337	(614,016)	33,167,748

PENGHUTANG TRANSAKSI TUKARAN (sambungan)

9e. Pelbagai Penghutang dan Deposit (sambungan)

